



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI TERENGGANU**  
TAHUN 2010

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

NEGERI TERENGGANU




JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
NO. 15, ARAS 1-5  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI TERENGGANU  
TAHUN 2010**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



## KANDUNGAN

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri	15
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan	31
Pejabat Tanah Marang Pengurusan Tukar Syarat Tanah	41
Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Program Jaya Diri	52
Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu Pengurusan Perpustakaan Awam	60
Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. Pengurusan Pengebilan Air	76
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	97
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu TATI University College Sdn. Bhd.	97
Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. GPQ Sdn. Bhd.	109
<b>BAHAGIAN III - PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	127
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009	127
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	128
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	128
<b>PENUTUP</b>	133



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2010 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Jabatan, 3 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:

**Bahagian I** : **Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**  
**Bahagian II** : **Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**  
**Bahagian III** : **Perkara Am**

3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri Terengganu pada tahun 2010 seperti yang saya laporkan dalam laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah kelewatan pengagihan bantuan kepada pelajar; Imbuhan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup dibayar kepada pegawai yang menduduki kuarters; dokumen teknikal tidak dibekalkan; pelanggaran syarat penggunaan tanah tidak diambil tindakan; tunggakan bayaran balik pinjaman; tunggakan hasil air; kelewatan menyiapkan pembinaan bangunan; tunggakan yuran pengajian pelajar; dan pembinaan lebuh raya tidak disiapkan mengikut jadual. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 36 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

4. Saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan

integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan **“Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan”** bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI LAMBRIN BIN BUANG)  
~~Ketua Audit Negara~~  
Malaysia

Putrajaya

6 Jun 2011



## INTISARI LAPORAN

# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

### 1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

#### - Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah

1.1. Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah merupakan aktiviti tahunan Kerajaan Negeri sejak tahun 2005 hingga sekarang bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga miskin dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak. Bagi tahun 2008 hingga 2010, kos pembiayaan program tersebut adalah berjumlah RM28.47 juta.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pada umumnya Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah dapat membantu meringankan beban kewangan keluarga miskin dalam menyediakan keperluan dan alatan sekolah. Bagi tahun 2006 hingga 2010, seramai 55,000 hingga 90,000 pelajar telah mendapat faedah daripada program ini setiap tahun. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program tersebut seperti pengurusan perolehan kerajaan tidak teratur, pengagihan pakaian dan alatan sekolah tidak mengikut perancangan, kelewatan pengagihan bantuan kepada pelajar dan cara penyimpanan pakaian dan alatan sekolah yang kurang sesuai.

1.3. Bagi memastikan Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah dijalankan dengan teratur, adalah disyorkan Pejabat SUK supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.3.1. Mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan kerajaan supaya Kerajaan Negeri mendapat *value for money* daripada perbelanjaan tersebut.

1.3.2. Memeterai perjanjian dengan pihak pembekal bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.

1.3.3. Membuat perancangan perolehan dan pengagihan lebih awal supaya pengagihan bantuan dapat dilaksanakan sebelum sesi persekolahan bermula.

1.3.4. Mematuhi Tatacara Pengurusan Stor terutamanya proses penerimaan, penyimpanan dan pengeluaran bagi memastikan pakaian dan alatan sekolah yang diterima mematuhi spesifikasi dan disimpan di tempat yang sesuai serta selamat.

### 2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

#### - Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri

2.1. Kerajaan Negeri menyediakan kuarters kepada kakitangan perkhidmatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat. Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) dan Pejabat Daerah bertanggungjawab dalam pengurusan kuarters manakala Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah pula bertanggungjawab

dalam merancang dan melaksanakan program penyenggaraan kquarters. Sehingga tahun 2010, jumlah keseluruhan kquarters Kerajaan Negeri adalah sejumlah 615 unit.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 di Daerah Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu terhadap pengurusan kquarters mendapati secara keseluruhannya pengurusan kquarters adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kquarters yang dikenal pasti. Antaranya seperti berikut:

2.2.1. Permohonan kquarters dipertimbangkan terus di peringkat pengurusan serta dibuat keputusan tanpa melalui Jawatankuasa Perumahan dan tiada senarai menunggu disediakan.

2.2.2. Daftar kquarters tidak diselenggarakan bagi merekodkan maklumat pegawai yang menduduki kquarters.

2.2.3. Kquarters yang berpotensi untuk disewa perlu disenggarakan oleh JKR agar ianya boleh ditawarkan kepada pemohon bagi mengelakkan kquarters berkenaan rosak dan terus terbiar.

2.2.4. Kquarters yang dicadangkan untuk dirobohkan masih disenggarakan.

2.2.5. Pemeriksaan tidak dilakukan terhadap kquarters yang hendak dikosongkan.

2.2.6. Potongan Imbuhan Tetap Perumahan dan Bantuan Sara Hidup serta sewa kquarters tidak dibuat secara teratur.

2.3. Pengurusan kquarters masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya beberapa kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki dengan memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

2.3.1. Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR hendaklah bekerjasama dan mempertingkatkan komunikasi dan koordinasi bagi memastikan perancangan dan penyenggaraan kquarters berjalan dengan lancar.

2.3.2. Pejabat SUK perlu memantau bayaran sewa kquarters bagi memastikan pembayaran sewa kquarters dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.3.3. Pejabat SUK dan Pejabat Daerah hendaklah mengambil tindakan yang sesuai terhadap kquarters yang terbiar, usang dan tidak sesuai diduduki bagi memperoleh *value for money*.

2.3.4. Pejabat SUK dan Pejabat Daerah hendaklah menyelenggarakan daftar kquarters dengan lengkap dan kemas kini.

### **3. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU - Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT)**

3.1. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat bagi melaksanakan projek *Terengganu Electronic Government* (TeG) yang mengandungi 7 modul

dengan kos keseluruhan berjumlah RM19.35 juta. Antara modul yang terdapat dalam projek TeG ialah Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT) dengan kos sejumlah RM3.15 juta.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 di Unit Pengurusan Maklumat Negeri dan Bahagian Kerajaan Tempatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) serta di 2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Daerah Marang (MDM) mendapati secara keseluruhannya, projek ini tidak mencapai matlamat yang ditetapkan kerana wujudnya beberapa kelemahan seperti berikut:

- 3.2.1. Projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 3.2.2. Terdapat sistem dan sub sistem yang tidak digunakan oleh MPD dan MDM.
- 3.2.3. Pembersihan data tidak menyeluruh di mana terdapat data yang bukan milik MPD dan MDM di dalam pangkalan data di Sistem ePBT masing-masing.
- 3.2.4. Tidak ada polisi yang ditetapkan bagi menentukan had capaian dalam Sistem ePBT.
- 3.2.5. Penetapan kata laluan pengguna tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- 3.2.6. MPD dan MDM tidak mempunyai pelan pemulihan bencana.
- 3.2.7. MPD dan MDM tidak dibekalkan dokumen teknikal oleh Pejabat SUK.

3.3. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan tidak berulang lagi pada masa akan datang, pihak Audit mengesyorkan beberapa perkara berikut:

- 3.3.1. Pejabat SUK perlu membekalkan dokumen teknikal kepada PBT yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap terma dan syarat kontrak.
- 3.3.2. Pejabat SUK perlu memastikan sistem dapat digunakan sepenuhnya.
- 3.3.3. MPD dan MDM perlu memastikan integriti dan kesahihan data tidak diragui.
- 3.3.4. Pejabat SUK perlu memastikan latihan secukupnya diberikan kepada pentadbir sistem dan pengguna sistem.
- 3.3.5. Pejabat SUK perlu mewujudkan pelan kesinambungan perkhidmatan bagi memastikan Sistem ePBT tidak tergendala sekiranya berlaku sebarang bencana.

#### **4. PEJABAT TANAH MARANG** **- Pengurusan Tukar Syarat Tanah**

4.1. Pejabat Tanah Marang (PTM) bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan pengurusan tanah bagi Daerah Marang seperti tukar syarat tanah, pemberimilikan tanah dan pengambilan balik tanah. Seksyen 124 Kanun Tanah Negara memberi kebenaran kepada tuan punya tanah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar syarat penggunaan tanah iaitu melibatkan perubahan daripada tanah kategori pertanian kepada pertanian, pertanian kepada bangunan dan pertanian kepada industri. Sejumlah RM2.16 juta

telah dikutip oleh PTM daripada bayaran premium tukar syarat tanah iaitu 8.6% daripada keseluruhan hasil PTM yang berjumlah RM25.13 juta bagi tahun 2008 hingga 2010.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan tukar syarat tanah boleh dipertingkatkan lagi dengan mengatasi beberapa kelemahan seperti penyelesaian permohonan melebihi tempoh 4 bulan yang ditetapkan, pelanggaran syarat penggunaan tanah tidak diambil tindakan dan nilai semula tanah tidak dibuat bagi tanah yang telah tamat tempoh nilaiannya.

4.3. Bagi memastikan pengurusan tukar syarat tanah dapat dipertingkatkan adalah disyorkan supaya PTM melaksanakan perkara berikut:

4.3.1. Proses tukar syarat kegunaan tanah mestilah diselesaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan sebagaimana pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian.

4.3.2. PTM perlu memantau ulasan Jabatan Teknikal mengikut tempoh yang ditetapkan dan melaporkannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal sekiranya Jabatan Teknikal tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan supaya tindakan lanjut dapat diambil.

4.3.3. Kaedah penyelesaian antara PTM dan pemohon dari segi bayaran premium dan denda perlu diadakan bagi menyelesaikan masalah berkaitan pelanggaran syarat kegunaan tanah.

## **5. YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU - Program Jaya Diri**

5.1. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (Yayasan) telah melaksanakan Program Jaya Diri (PJD) sejak tahun 1995. Objektif PJD adalah antaranya bagi melahirkan usahawan di kalangan isi rumah miskin dan meningkatkan ekonomi isi rumah yang berpendapatan rendah. Penyertaan dalam PJD diberi keutamaan kepada golongan wanita untuk membantu keluarga dalam usaha menambahkan pendapatan. PJD menyediakan pinjaman modal kepada isi rumah miskin yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan. Jumlah pembiayaan pinjaman adalah antara RM1,000 hingga RM8,000 dan pinjaman ini tidak dikenakan sebarang cagaran, penjamin dan faedah. Terdapat 2 skim pinjaman yang diperkenalkan iaitu Skim Bestari dan Skim Hadhari. Sehingga tahun 2010, Yayasan telah memberi pinjaman PJD kepada seramai 12,476 peserta dengan jumlah pembiayaan RM28.85 juta dan baki pinjaman PJD yang masih belum dibayar balik adalah sejumlah RM5.65 juta.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati program ini telah berjaya membantu meningkatkan ekonomi sebahagian daripada peserta yang menyertainya. Bagaimanapun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti peserta mempunyai pinjaman dengan agensi lain, tunggakan bayaran balik pinjaman serta terma dan syarat pinjaman tidak dapat dikuatkuasakan.

5.3. Bagi memastikan PJD dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, penambahbaikan berikut disyorkan:

5.3.1. Proses semakan PJD perlu diselaraskan dengan syarat program yang ditetapkan iaitu peserta PJD tidak mempunyai pinjaman lain.

5.3.2. Yayasan perlu lebih proaktif bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada peminjam terlibat.

5.3.3. Yayasan perlu menyediakan perjanjian pinjaman bagi membolehkan tindakan perundangan diambil terhadap peminjam yang gagal mematuhi terma dan syarat pinjaman.

## **6. PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU**

### **- Pengurusan Perpustakaan Awam**

6.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (Perbadanan) menyediakan perkhidmatan rangkaian perpustakaan yang luas melalui perpustakaan pusat, perpustakaan daerah/pekan/desa dan perpustakaan bergerak. Setakat tahun 2010, Perbadanan mempunyai sebuah perpustakaan pusat, 6 buah perpustakaan daerah, 2 buah perpustakaan pekan, 50 buah perpustakaan desa dan 12 buah perpustakaan bergerak. Bagi menjayakan program Perbadanan, sejumlah RM42.96 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2008 hingga 2010 di mana sejumlah RM35.39 juta telah dibelanjakan.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 di Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu, 2 buah perpustakaan daerah, sebuah perpustakaan pekan, 15 buah perpustakaan desa dan 6 buah perpustakaan bergerak di Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Setiu mendapati secara keseluruhannya, pengurusan Perpustakaan Awam adalah memuaskan dengan peningkatan bilangan ahli perpustakaan dan kehadiran pengunjung dari tahun 2008 hingga 2010. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

6.2.1. Pembinaan bangunan Perpustakaan Daerah Setiu dan Perpustakaan Desa Putera Jaya, Setiu lewat disiapkan.

6.2.2. Aspek keselamatan di bangunan perpustakaan kurang memuaskan seperti hanya mempunyai satu laluan keluar/masuk, jeriji yang dipasang jenis kekal dan tangga yang curam boleh membahayakan pengunjung.

6.2.3. Pengurusan buku-buku perpustakaan kurang memuaskan kerana perolehan buku-buku dibuat tanpa melalui Jawatankuasa Pemilihan Buku-Buku, buku tidak dipamerkan, buku yang rosak dan usang tidak diambil tindakan pelupusan dan tidak ada kaedah peringatan kepada peminjam yang lewat memulangkan buku/bahan bacaan.

6.2.4. Capaian Internet tidak dapat diteruskan kerana 21 daripada 35 unit komputer di 15 buah perpustakaan daerah dan desa telah rosak.

6.2.5. Pemeriksaan dan penyenggaraan terhadap semua komputer di perpustakaan pusat tidak dapat ditentukan kerana tiada daftar diselenggarakan.

6.2.6. Inventori tidak ditandakan nombor pendaftaran dan tiada daftar diselenggarakan bagi inventori berkenaan di perpustakaan daerah dan desa.

6.3. Bagi memastikan pengurusan perpustakaan dapat dipertingkatkan lagi, Perbadanan hendaklah memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dengan mempertimbangkan perkara berikut:

6.3.1. Perbadanan hendaklah memastikan pembinaan bangunan disiapkan dan aspek keselamatan hendaklah diberi perhatian bagi memastikan keselamatan pengunjung terjamin.

6.3.2. Perbadanan hendaklah mempertingkatkan dan memperkemaskan pengurusan kemudahan perpustakaan khususnya berkenaan pengurusan buku-buku dan perkhidmatan perpustakaan bergerak untuk manfaat ahli dan pengunjung.

6.3.3. Perbadanan hendaklah memastikan komputer dapat digunakan setiap masa dengan meningkatkan pengurusan penyenggaraan komputer antaranya menentukan jenis penyenggaraan, merekodkan penyenggaraan yang dijalankan dan mengambil tindakan terhadap komputer yang rosak selaras dengan pekeliling yang berkaitan.

6.3.4. Perbadanan hendaklah memastikan setiap aset dan inventori didaftarkan serta ditandakan dengan nombor pendaftaran.

## **7. SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.**

### **- Pengurusan Pengebilan Air**

7.1. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997 berikutan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Terengganu. SATU bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pembekalan air bersih untuk domestik, komersial dan industri. Pengurusan pengebilan air adalah merupakan salah satu aktiviti utama yang melibatkan pengeluaran bil air, memungut hasil, mengemaskinikan akaun pengguna dan pengurusan tunggakan hasil.

7.2. Pengauditan telah dijalankan pada bulan November 2010 hingga Mac 2011 di Daerah Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengebilan air adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti antaranya seperti berikut:

7.2.1. Pemasangan meter air dibuat sebelum bayaran cagaran diterima.

7.2.2. Kelewatan membuat bacaan pertama bagi akaun baru.

7.2.3. Kesilapan mengenakan kod tarif di mana penggunaan perdagangan dicajkan di bawah kod tarif rumah tangga yang lebih rendah kadar tarif.

7.2.4. Kerosakan *bulk meter* tidak dibaiki sejak bulan Oktober 2008.

7.2.5. Pengujian meter tidak dapat dilakukan di Daerah Kemaman dan Besut kerana alat ujian meter telah rosak sejak tahun 2008.

7.2.6. Tunggakan hasil air telah meningkat setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2010.

7.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang lagi pada masa akan datang adalah disyorkan SATU mempertimbangkan perkara berikut:

7.3.1. Aktiviti penguatkuasaan dan pemotongan bekalan air dipertingkatkan bagi mengurangkan tunggakan.

7.3.2. Bahagian Teknologi Maklumat perlu mengemas kini data terhadap aktiviti pengebilan, pemotongan, penyambungan semula dan permohonan baru supaya data sentiasa dalam status terkini.

7.3.3. Melaksanakan ujian terhadap meter yang berusia bagi memastikan ketepatan bacaan dan mengelakkan air yang tidak berhasil (*non revenue water*).

7.3.4. Bahagian Pembaca Meter Air perlu memastikan pembacaan meter dibuat mengikut norma yang telah ditetapkan.

7.3.5. Koordinasi dan komunikasi antara Bahagian Permohonan Baru, Bahagian Kemasukan Data dan Bahagian Pembaca Meter perlu dipertingkatkan.

## **BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **8. LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU**

**- TATI University College Sdn. Bhd.**

8.1. TATI University College Sdn. Bhd. (Syarikat) dahulunya dikenali sebagai Terengganu Advance Technical Institute Sdn. Bhd. (TATI) merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Syarikat ditubuhkan pada 11 Jun 1993 dengan modal berbayar RM4 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Januari 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa sebelum cukai berjumlah RM1.63 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM37.87 juta serta mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham berjumlah RM41.86 juta pada tahun 2010.

8.2. Pengauditan terhadap aktiviti utama Syarikat mendapati tawaran kursus yang berteraskan kemahiran adalah memuaskan di mana peratusan bilangan permohonan yang layak telah bertambah pada setiap tahun. Manakala jumlah kemasukan pelajar pada tahun 2010 telah meningkat berbanding tahun 2009. Bagaimanapun, jumlah kemasukan pelajar tidak mencapai unjuran yang ditetapkan disebabkan faktor kekurangan tempat tinggal dan kemudahan kepada pelajar. Pengauditan terhadap tadbir urus korporat Syarikat mendapati beberapa kelemahan seperti Setiausaha Syarikat yang dilantik tidak menjalankan tugas yang sepatutnya dan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan. Selain itu, Syarikat tidak mempunyai peraturan dan garis panduan yang khusus berkaitan pengurusan aset termasuk harta modal, inventori dan bekalan pejabat.

8.3. Bagi mengatasi kelemahan dan memantapkan pengurusan Syarikat, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

8.3.1. Syarikat perlu meningkatkan kemudahan dan keperluan pelajar seperti menyediakan asrama yang mencukupi untuk menampung pengambilan pelajar bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

8.3.2. Syarikat hendaklah mengambil kira dalam penyata kewangan semua aset miliknya dan mengakuannya dengan tepat agar penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama.

8.3.3. Syarikat hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan pengurusan aset bagi memastikan aset Syarikat diuruskan dengan baik.

8.3.4. Syarikat hendaklah mematuhi Akta Syarikat 1965, Pekeliling Kerajaan dan Piawaian Perakaunan berkaitan pelantikan Setiausaha Syarikat dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta Unit Audit Dalam.

## **9. TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.**

**- GPQ Sdn. Bhd.**

9.1. GPQ Sdn. Bhd. (Syarikat) dahulunya dikenali sebagai Gabongan Pemborong Quarry Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 14 Julai 1978 dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal dibayar RM4.59 juta. Syarikat merupakan anak syarikat yang dimiliki oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai 2010 hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat menunjukkan kedudukan kewangan yang memuaskan kerana memperoleh keuntungan semasa sebelum cukai berjumlah RM3.41 juta dan keuntungan terkumpul berjumlah RM15.88 juta serta mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham berjumlah RM20.58 juta pada tahun 2010.

9.2. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat mendapati beberapa kelemahan seperti pelaksanaan membina lebuh raya dan projek perumahan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan serta operasi pengeluaran bahan kuari tidak mencapai sasaran. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan antaranya Syarikat tidak menyediakan peraturan khusus berkaitan pengurusan aset dan pembayaran dividen yang dibuat tidak mematuhi Pekeliling Kerajaan.

9.3. Bagi mengatasi kelemahan dan memantapkan pengurusan Syarikat, adalah disyorkan tindakan berikut diambil:

9.3.1. Syarikat perlu melaksanakan projek mengikut masa yang ditetapkan bagi mengawal kewangan dan menjaga imej korporat Syarikat.

9.3.2. Syarikat perlu memastikan pengeluaran produk kuari dipertingkatkan agar dapat mencapai sasaran pengeluaran.

9.3.3. Syarikat hendaklah mematuhi Pekeliling Kerajaan dari aspek bayaran dividen dan bonus.

9.3.4. Syarikat perlu menyediakan peraturan khusus berkaitan pengurusan aset.



## **BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**

# **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah memilih 7 aktiviti untuk dikaji iaitu Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah, Pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri, Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan, Pengurusan Tukar Syarat Tanah, Program Jaya Diri, Pengurusan Perpustakaan Awam, dan Pengurusan Pengebilan Air. Pemerhatian Audit daripada kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan/Agensi berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini**.

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

### **2. PROGRAM BANTUAN PAKAIAN DAN ALATAN SEKOLAH**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

2.1.1. Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan keluarga miskin dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak. Program bantuan ini diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) daripada Jabatan Pembangunan Negeri pada tahun 2005 bagi sesi persekolahan tahun 2006. Syarat kelayakan bantuan ialah pendapatan ketua isi rumah hendaklah tidak melebihi RM1,200 sebulan dan terhad kepada 2 orang anak yang bersekolah bagi setiap keluarga. Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan melalui 2 cara sama ada dalam bentuk wang tunai atau pakaian dan alatan sekolah. Pada tahun 2007, 2008 dan tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan bantuan berkenaan dalam bentuk wang tunai. Bagaimanapun, pada tahun 2009 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengagihkan pakaian dan alatan sekolah yang bernilai RM150 kepada murid sekolah rendah dan wang tunai berjumlah RM100 kepada murid sekolah menengah. Pakej set bantuan yang diberikan adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Pakej Set Bantuan Yang Diberikan**

Item	Lelaki (Kuantiti)	Perempuan (Kuantiti)
Baju	2 Helai	2 Helai
Seluar/Kain	2 Helai	2 Helai
Stokin	2 Pasang	2 Pasang
Kasut	1 Pasang	1 Pasang
Beg	1 Buah	1 Buah
Tudung	Tidak Berkenaan	1 Helai
Anak Tudung	Tidak Berkenaan	2 Helai

*Sumber: UPEN Terengganu*

2.1.2. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM28.50 juta dan telah membelanjakan sejumlah RM28.47 juta bagi Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah seperti di **Jadual 2.2**. Sejak program ini dilaksanakan, lebih kurang seramai 282,966 pelajar telah mendapat manfaat daripada program tersebut.

**Jadual 2.2**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	2008	9.00	9.00	100
2.	2009	13.50	13.48	99.9
3.	2010	6.00	5.99	99.8
<b>Jumlah</b>		<b>28.50</b>	<b>28.47</b>	<b>99.9</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu*

## 2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah dilaksanakan dengan teratur dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## 2.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah untuk pelajar sekolah rendah bagi tahun 2009. Pengauditan dijalankan di Pejabat SUK, Unit Perancang Ekonomi Kerajaan Negeri (UPEN), Unit Pengurusan Maklumat Negeri Terengganu (UPMN), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), 4 Pejabat Daerah iaitu Hulu Terengganu, Besut, Kemaman dan Kuala Terengganu serta 4 Pejabat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) di Parlimen Kuala Terengganu. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, lawatan ke lokasi penyimpanan pakaian dan alatan sekolah serta temu bual dengan pegawai terlibat turut diadakan. Soal selidik juga diedarkan kepada penerima bantuan bagi mendapatkan maklum balas.

## 2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati pada umumnya Program Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah dapat membantu meringankan

beban kewangan keluarga miskin dalam menyediakan keperluan dan alatan sekolah. Bagi tahun 2006 hingga 2010, seramai 55,000 hingga 90,000 pelajar telah mendapat faedah daripada program ini setiap tahun. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program ini seperti pengurusan perolehan kerajaan tidak teratur; pengagihan pakaian dan alatan sekolah tidak mengikut perancangan; kelewatan pengagihan bantuan kepada pelajar serta cara penyimpanan pakaian dan alatan sekolah yang kurang sesuai. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

#### **2.4.1. Pengurusan Perolehan Kerajaan**

##### **2.4.1.1. Proses Rundingan Harga Tidak Mematuhi Garis Panduan**

- a. Kerajaan Negeri telah membuat perolehan secara rundingan terus atas alasan keperluan mendesak. Kerajaan Negeri menerima tawaran daripada 2 buah syarikat untuk membekalkan pakaian dan alatan sekolah. Sebuah syarikat telah menawarkan pakej set lelaki dan perempuan pada harga RM150 manakala sebuah syarikat lagi menawarkan pakej set pakaian dan alatan sekolah bagi lelaki berharga RM161.60 dan bagi perempuan berharga RM173.90. Berkaitan dengan tawaran tersebut, Kerajaan Negeri telah memilih syarikat yang menawarkan pakej set berharga RM150 dan telah meluluskan perolehan bernilai RM7.99 juta yang dibuat secara rundingan terus.
- b. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan rundingan harga bagi perolehan yang diluluskan secara rundingan terus perlu melalui beberapa proses seperti berikut:
  - i. Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuhkan bagi setiap rundingan terus dan pelantikan Ahli Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah dibuat secara bertulis.
  - ii. Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman mengenai perolehan yang berkenaan.
  - iii. Minit mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat rundingan harga.
  - iv. Agensi hendaklah mendapat pengesahan bertulis daripada syarikat ke atas harga rundingan yang telah dipersetujui.
  - v. Laporan Hasil Rundingan Harga hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Rundingan Harga dalam tempoh 3 hari selepas tamat rundingan harga.
  - vi. Jawatankuasa Rundingan Harga adalah bertanggungjawab untuk memastikan harga yang diperakukan untuk persetujuan adalah munasabah, berpatutan dan *value for money*.

- c. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada proses rundingan harga telah mematuhi Surat Arahan di atas kerana tidak ada dokumentasi menunjukkan proses tersebut diambil kira oleh Kerajaan Negeri.

#### **2.4.1.2. Kajian Pasaran Tidak Dijalankan**

Arahan Perbendaharaan 169.1 mempertanggungjawabkan setiap pegawai yang menguruskan perolehan perlu membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan yang dibuat adalah paling sesuai dan menguntungkan. Kajian tersebut hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga dan kegunaan. Semakan Audit mendapati kajian pasaran tidak dijalankan terhadap perolehan berkenaan. Hasil tinjauan Audit pada 3 November 2010 di beberapa buah kedai pakaian dan alatan sekolah pelbagai jenama sekitar Daerah Kuala Terengganu mendapati lingkungan harga pasaran semasa bagi set pakaian dan alatan sekolah dengan kualiti yang lebih kurang sama adalah lebih rendah daripada harga tawaran pembekal iaitu antara RM73.50 hingga RM123.30. Perkiraan Audit menunjukkan wujud perbezaan harga yang lebih rendah antara RM26.70 hingga RM76.50 berbanding harga yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan sepatutnya Kerajaan Negeri dapat menjimatkan sejumlah RM1.42 juta pada kadar harga yang lebih rendah.

#### **2.4.1.3. Kontrak Formal Perolehan Antara Kerajaan Dan Pembekal Tidak Ditandatangani**

Arahan Perbendaharaan 176.1(a) menyatakan selepas setuju terima oleh pihak berkuasa berkenaan terhadap sesuatu perolehan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal. Semakan Audit mendapati tidak ada kontrak formal ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan pembekal.

#### **2.4.1.4. Bon Pelaksanaan Tidak Dikenakan**

Arahan Perbendaharaan 176.2(a) telah menetapkan bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM500,000, bon pelaksanaan yang diperlukan ialah sebanyak 5% daripada nilai kontrak. Semakan Audit mendapati bon pelaksanaan tidak dikenakan terhadap pembekal.

#### **2.4.1.5. Pemeriksaan Terhadap Barang Yang Diterima Tidak Dijalankan**

Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan menetapkan pemeriksaan dan pengesahan hendaklah dijalankan bagi memastikan setiap barang yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan, kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan, dalam keadaan baik dan sempurna serta selamat digunakan. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti pemeriksaan dan pengesahan terhadap barang yang diterima dijalankan. Pemeriksaan Audit juga mendapati sejumlah 284 buah beg sekolah bernilai RM10,792 mengalami kerosakan zip. Kesannya, beg yang rosak tidak dapat diagihkan kepada pelajar dan disimpan di stor sekolah dan JPN serta di makmal sekolah.

2.4.1.6. Pihak Audit dimaklumkan keadaan ini berlaku disebabkan perubahan dasar Kerajaan Negeri. Mengikut perancangan awal, pelaksanaan program bantuan pakaian dan alatan sekolah pada tahun 2009 adalah dalam bentuk wang tunai tetapi telah ditukarkan kepada bantuan berupa pakaian dan alatan sekolah. Memandangkan Kerajaan Negeri kesuntukan masa, ianya telah menyebabkan perancangan perolehan bantuan pakaian dan alatan sekolah ini tidak dapat dilaksanakan dengan lancar seperti mana yang diharapkan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan tidak memuaskan kerana Garis Panduan Perolehan tidak dipatuhi sepenuhnya. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan sebarang perubahan perancangan yang dibuat dapat dilaksanakan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

## **2.4.2. Pengagihan Bantuan Pakaian Dan Alatan Sekolah**

### **2.4.2.1. Kelewatan Pengagihan Bantuan**

Mengikut perancangan, bantuan pakaian dan alatan sekolah akan diagihkan kepada pelajar sebelum sesi persekolahan tahun 2009 yang bermula pada 4 Januari 2009. Semakan Audit mendapati Pejabat SUK telah menerima sejumlah 53,300 set pakaian sekolah secara berperingkat iaitu bermula 13 Disember 2008 hingga 21 Disember 2008. Pada 30 Disember 2008 hingga 6 Januari 2009, Pejabat SUK telah mengedarkan sejumlah 10,616 set pakaian sekolah kepada sebahagian penerima di Daerah Kuala Terengganu. Bagaimanapun, didapati baki bantuan sejumlah 42,684 set pakaian sekolah telah lewat diagihkan iaitu bermula bulan Mei 2009 kepada sebahagian penerima di Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Kemaman dan Besut.

### **2.4.2.2. Bantuan Tidak Diagih Ke Semua Daerah Seperti Yang Dirancang**

Mengikut perancangan asal, Kerajaan Negeri akan mengagihkan set pakaian sekolah ke semua daerah. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah mengagihkan 53,300 set pakaian sekolah ke 4 daerah sahaja iaitu Kuala Terengganu 24,414 set, Besut 15,135 set, Kemaman 8,005 set dan Hulu Terengganu 5,746 set. Manakala tiada pengagihan set pakaian sekolah dibuat di 3 daerah lain iaitu Marang, Dungun dan Setiu. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 2.3.**

**Jadual 2.3**  
**Perincian Agihan Pakej Set Bantuan Mengikut Daerah Bagi Tahun 2009**

Daerah	Jumlah Sebenar Diagih Mengikut KEW. PS-4 (Pakej Set)
Kuala Terengganu	22,914
JPNT (Murid Pendidikan Khas Dan Orang Asli)	1,500
Besut	15,135
Kemaman	8,005
Hulu Terengganu	5,746
Dungun	-
Setiu	-
Marang	-
<b>Jumlah</b>	<b>53,300</b>

Sumber: SUK

Nota: KEW. PS-4 – Kad Petak

#### 2.4.2.3. Keluarga Yang Menerima Bantuan Tidak Mematuhi Syarat Kelayakan

Syarat kelayakan bantuan ialah terhad kepada 2 orang anak yang bersekolah bagi setiap keluarga. Semakan Audit mendapati 87 keluarga di Daerah Kuala Terengganu telah diberi bantuan melebihi 2 orang anak iaitu 3 dan 4 orang anak bagi setiap keluarga seperti di **Jadual 2.4.**

**Jadual 2.4**  
**Bilangan Keluarga Yang Menerima Bantuan Tidak Mematuhi Syarat**

Daerah Kuala Terengganu	Bil. Keluarga Yang Terdiri Daripada 4 Penerima		Bil. Keluarga Yang Terdiri Daripada 3 Penerima		Jumlah Penerima Sepatutnya (e)	Lebihan Penerimaan (b) + (d) – (e)
	Jumlah Keluarga (a)	Jumlah Penerima (b)	Jumlah Keluarga (c)	Jumlah Penerima (d)		
Pasir Panjang	1	4	5	15	12	7
Panji Alam	-	-	3	9	6	3
Masjid Raja	-	-	2	6	4	2
Sungai Derhaka	-	-	6	18	12	6
Tanjung Kapoor	-	-	1	3	2	1
Ladang Sihat	-	-	4	12	8	4
Ladang	-	-	2	6	4	2
Lorong Surau Baru	-	-	10	30	20	10
Lorong Kemunting	3	-	4	12	14	10
Ladang Tok Pelam	1	4	8	24	18	10
Kg. Ladang Mengabang	2	8	2	6	8	6
Jalan Kamaruddin	-	-	1	3	2	1
Gong Kapas	1	4	-	-	2	2
Gong Penaga	-	-	2	6	4	2
Jalan Tekukur	-	-	4	12	8	4
Bukit Kecil	1	4	3	9	8	5
Gelong Bilal	-	-	4	12	8	4
Berek Kerajaan	-	-	5	15	10	5
Bukit Bayas	-	-	4	12	8	4
Bukit Besar	-	-	1	3	2	1
Batas Baru	-	-	7	21	14	7
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>36</b>	<b>78</b>	<b>234</b>	<b>174</b>	<b>96</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.2.4. Berdasarkan jawapan Pejabat SUK, cadangan asal pengagihan bantuan adalah melibatkan 53,300 pelajar di seluruh sekolah rendah di seluruh Negeri Terengganu yang penerimanya adalah terdiri daripada pelajar yang mempunyai pendapatan ketua isi rumah di bawah RM600 sebulan. Bagaimanapun ketika proses pengagihan hendak dibuat,

berlaku pilihan raya kecil di Parlimen Kuala Terengganu. Ini menyebabkan Pejabat SUK mengarahkan sekolah berkenaan menangguhkan pengagihan dan pengagihan baru telah dibuat melalui Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam Parlimen Kuala Terengganu yang melibatkan 10,616 penerima.

**Pada pendapat Audit, pengagihan bantuan hendaklah dilaksanakan mengikut perancangan supaya tidak berlaku kelewatan dan memastikan bantuan diagihkan kepada penerima yang layak di semua daerah.**

#### **2.4.3. Penyimpanan Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Belum Diagihkan**

2.4.3.1. Lawatan Audit pada bulan Jun hingga Ogos 2010 ke Daerah Kuala Terengganu, Besut, Hulu Terengganu dan Kemaman mendapati sejumlah 89,162 item pakaian dan alatan sekolah bernilai RM1.45 juta masih belum diagihkan seperti di **Jadual 2.5**. Pakaian dan alatan sekolah ini belum diagihkan kerana Kerajaan Negeri telah menangguhkan pengagihan terlebih dahulu bagi menangani isu yang timbul antaranya seperti senarai nama penerima berbeza antara pihak sekolah dan JKKK.

**Jadual 2.5**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Belum Diagihkan Setakat 3 Ogos 2010**

Item	Daerah								
	Kuala Terengganu			Kemaman	Besut	Hulu Terengganu	Jumlah	Harga Seunit/ Sepasang	Jumlah
	Sek. Keb. Bukit Tunggal (Unit)	Sek. Keb. Pendidikan Khas (Unit)	Pusat Khidmat DUN Ladang (Unit)						
Baju	1,154	6,817	69	1,054	2,134	2,265	13,493	14	188,902
Seluar	974	6,110	8	1,314	1,600	2,623	12,629	25	315,725
Kasut	847	1,001	258	615	288	1,302	4,311	26	112,086
Stokin	1,925	12,000	1,079	2,156	5,959	2,587	25,706	4	102,824
Beg	618	4,025	433	587	572	1,217	7,452	38	283,176
Baju Kurung & Kain	1,018	4,324	447	1,990	2,563	2,957	13,299	29	385,671
Tudung	267	1,240	346	386	0	383	2,622	14	36,708
Anak Tudung	852	4,680	580	1,691	152	1,695	9,650	3	28,950
Jumlah							89,162		1,454,042

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.3.2. Pakaian dan alatan sekolah yang belum diagihkan telah disimpan di dalam makmal komputer dan stor sekolah, stor pejabat daerah dan bilik mesyuarat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Bagaimanapun didapati tempat dan cara penyimpanan pakaian dan alatan sekolah berkenaan adalah kurang sesuai seperti berikut:

- Ruang penyimpanan terhad menyebabkan penyimpanan pakaian dan alatan sekolah tidak dapat disusun dengan teratur. Pakaian tersebut dilihat bercampur aduk bersama barang lain seperti tilam, basikal dan lain-lain. Penyusunan yang tidak teratur ini bukan sahaja memberi pandangan yang kurang selesa tetapi akan menimbulkan masalah untuk mencari pakaian/saiz yang bersesuaian apabila hendak diagihkan kepada pelajar kelak.
- Ruang penyimpanan, pakaian dan alatan sekolah telah rosak diserang anai-anai.

- c. Penyimpanan di dalam makmal komputer boleh mengganggu sesi pembelajaran dan terdedah kepada risiko kecederaan terhadap murid-murid yang bermain di atas longgokan pakaian.

2.4.3.3. Mengikut penjelasan Pejabat SUK, proses pengagihan terpaksa dihentikan buat sementara menyebabkan pakaian dan alatan sekolah tersebut disimpan dalam tempoh yang agak lama. **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.16** menunjukkan tempat penyimpanan pakaian dan alatan sekolah yang belum diagihkan semasa lawatan Audit dan selepas tindakan diambil oleh pihak yang terlibat.

**Gambar 2.1**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Disimpan Dalam Stor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Permaisuri Nur Zahirah, Besut  
Tarikh: 25 Julai 2010

**Gambar 2.3**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Disimpan Dalam Makmal Komputer**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu  
Tarikh: 19 Julai 2010

**Gambar 2.2**  
**Pakaian Dan Peralatan Sekolah Telah Dikeluarkan Daripada Stor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Permaisuri Nur Zahirah, Besut  
Tarikh: 10 Mei 2011

**Gambar 2.4**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Telah Dikeluarkan Daripada Makmal Komputer**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 Mei 2011

**Gambar 2.5**  
**Ruang Penyimpanan Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Diserang Anai-Anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 29 Julai 2010

**Gambar 2.6**  
**Ruang Penyimpanan Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Diserang Anai-Anai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 29 Julai 2010

**Gambar 2.7**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Disimpan Dalam Bilik Mesyuarat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 28 Julai 2010

**Gambar 2.8**  
**Tempat Penyimpanan Di Baik Pulih  
Bagi Aktiviti Kurikulum**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Terengganu,  
Hulu Terengganu  
Tarikh: 8 Mei 2011

**Gambar 2.9**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah**  
**Yang Disimpan Dalam Stor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Kemaman, Kemaman  
Tarikh: 3 Ogos 2010

**Gambar 2.11**  
**Keadaan Penyimpanan Pakaian Dan Alatan**  
**Sekolah Yang Tidak Teratur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri  
Ladang, Kuala Terengganu  
Tarikh: 30 Jun 2010

**Gambar 2.10**  
**Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Disusun**  
**Untuk Diagihkan Ke Sekolah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Daerah Kemaman, Kemaman  
Tarikh: 11 Mei 2011

**Gambar 2.12**  
**Keadaan Penyimpanan Pakaian Dan Alatan**  
**Sekolah Yang Telah Teratur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri  
Ladang, Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 Mei 2011

**Gambar 2.13**  
Keadaan Penyimpanan Pakaian Dan Alatan Sekolah Yang Tidak Teratur



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Chendering, Kuala Terengganu  
Tarikh: 27 Julai 2010

**Gambar 2.15**  
Pakaian Dan Alatan Sekolah Disimpan Dalam Makmal Komputer



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu  
Tarikh: 19 Julai 2010

**Gambar 2.14**  
Pakaian Dan Alatan Telah Disusun



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Chendering, Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 Mei 2011

**Gambar 2.16**  
Pakaian Dan Alatan Telah Dialihkan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 Mei 2011

Pada pendapat Audit, Pejabat SUK perlu memastikan pakaian dan alatan sekolah disimpan di tempat yang sesuai dan disusun dengan teratur.

#### 2.4.4. Analisis Soal Selidik Penerima Bantuan

2.4.4.1. Jabatan Audit Negara telah mengedarkan sebanyak 5,000 borang soal selidik melalui sekolah kepada penerima bantuan. Analisis Audit terhadap 3,378 daripada 5,000 atau 67.6% borang soal selidik yang dikembalikan oleh 17 buah sekolah rendah di Daerah Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman adalah seperti berikut:

**a. Kelayakan Penerima Bantuan**

Seramai 3,186 atau 94.3% daripada responden layak diberikan bantuan pakaian dan alatan sekolah berdasarkan pendapatan ketua isi rumah kurang daripada RM1,200 sebulan. Manakala seramai 94 atau 2.8% daripada responden tidak layak diberikan bantuan kerana berpendapatan melebihi RM1,200. Bakinya seramai 98 atau 2.9% daripada responden tidak menyatakan pendapatan mereka.

**b. Tahap Kepuasan Penerima Bantuan**

Seramai 1,936 atau 57.3% daripada responden berpuas hati dengan bantuan yang diberikan manakala seramai 903 atau 26.7% tidak berpuas hati dan bakinya 539 atau 16% tidak memberikan jawapan. Antara sebab utama penerima tidak berpuas hati adalah kerana pakej set bantuan yang diterima tidak lengkap dan saiz yang tidak sesuai.

2.4.4.2. Responden juga telah memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan pengurusan bantuan pakaian dan alatan sekolah antaranya:

- a. Bantuan hendaklah diberikan sebelum atau awal sesi persekolahan bermula.
- b. Ukuran saiz badan pelajar perlu diambil terlebih dahulu dan pembahagian mestilah mengikut saiz yang dinyatakan.
- c. Menggantikan bantuan pakaian dan peralatan sekolah dengan bantuan wang tunai.
- d. Pengagihan bantuan pakaian dan alatan sekolah diuruskan oleh pihak sekolah.
- e. Memastikan keluarga yang layak sahaja diberi bantuan.

**Pada pendapat Audit, cadangan yang disyorkan oleh responden boleh dipertimbangkan oleh UPEN bagi menambah baik pengurusan program bantuan pakaian dan alatan sekolah.**

**2.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan pencapaian program ini dan mengelakkan kelemahan yang dihadapi berulang, Pejabat SUK boleh mempertimbangkan cadangan daripada responden dan mengambil langkah seperti berikut:

- 2.5.1. Mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan Kerajaan supaya Kerajaan Negeri mendapat *value for money* daripada perbelanjaan tersebut.
- 2.5.2. Memeterai perjanjian dengan pihak pembekal bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.
- 2.5.3. Membuat perancangan perolehan dan pengagihan lebih awal supaya pengagihan bantuan dapat dilaksanakan sebelum sesi persekolahan bermula.
- 2.5.4. Mematuhi Tatacara Pengurusan Stor terutamanya proses penerimaan, penyimpanan dan pengeluaran bagi memastikan pakaian dan alatan sekolah yang diterima mematuhi spesifikasi dan disimpan di tempat yang sesuai serta selamat.

## **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

### **3. PENGURUSAN KUARTERS KERAJAAN NEGERI**

#### **3.1. LATAR BELAKANG**

3.1.1. Kerajaan Negeri memperuntukkan kuarters kepada kakitangan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Objektif penyediaan kuarters adalah untuk memberi kemudahan tempat tinggal yang berdekatan dengan pejabat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga membenarkan rumah Kerajaan untuk digunakan bagi tujuan tertentu, diberi secara pinjaman atau dikenakan sewa yang berpatutan. Kerajaan Negeri telah menetapkan peraturan bagi memastikan pengurusan kuarters diuruskan dengan teratur melalui Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 1973 berkaitan dengan Peraturan Cara-Cara Menguntukkan Rumah Kerajaan.

3.1.2. Pengurusan kuarters bagi Daerah Kuala Terengganu diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (SUK), manakala daerah lain adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Daerah masing-masing. Bagi penyenggaraan kuarters pula adalah di bawah tanggungjawab Unit Penyenggaraan, Jabatan Kerja Raya (JKR) di setiap daerah berkenaan.

#### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan teratur dan cekap serta mencapai objektif yang ditetapkan.

#### **3.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan Kuarters Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Pejabat SUK, Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT), Hulu Terengganu (PDHT) dan Marang (PDM) serta di JKR Daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu dan Marang. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di JKR Stor Negeri, JKR (Depot) Kuala Terengganu, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Jabatan Penyiaran Kawasan Timur (JPKT), Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM), Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT) dan Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Maklumat juga diperoleh daripada Jabatan Akauntan Negara bagi mendapatkan laporan sewa kuarters terhadap kakitangan Persekutuan. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Di samping itu, lawatan ke kuarters, temu bual dan soal selidik juga diedarkan kepada penyewa kuarters bagi mendapat maklum balas tahap kepuasan pengguna.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan kuarters adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan kuarters yang dikenal pasti. Antaranya ialah kuarters yang dicadangkan untuk di roboh masih disenggara, Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) dibayar kepada pegawai yang menduduki kuarters, potongan ITP dan BSH terhadap pegawai yang tidak disediakan kuarters (balai penghulu) dan sewa kuarters Kerajaan Negeri tidak dibayar. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

#### **3.4.1. Pengurusan Kuarters**

##### **3.4.1.1. Status Permohonan Kuarters Tidak Dapat Disahkan**

- a. Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 1973 menetapkan peranan Jawatankuasa Perumahan bagi mempertimbangkan permohonan kuarters dan penyediaan senarai menunggu. Semakan Audit mendapati permohonan kuarters dipertimbangkan terus di peringkat pengurusan serta dibuat keputusan tanpa melalui Jawatankuasa Perumahan. Selain itu, didapati tiada senarai menunggu disediakan bagi menyenaraikan senarai pemohon kuarters bagi 3 daerah berkenaan. Semakan lanjut terhadap fail permohonan kuarters bagi tahun 2008 hingga 2010 di 3 daerah tersebut menunjukkan sejumlah 55 permohonan kuarters tidak diketahui status permohonannya seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**

**Status Permohonan Mengikut Daerah Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Daerah	Status Permohonan			
		Mohon	Lulus	Tolak	Tiada Maklumat
1.	Kuala Terengganu	175	122	2	51
2.	Hulu Terengganu	6	5	0	1
3.	Marang	9	5	1	3
<b>Jumlah</b>		<b>190</b>	<b>132</b>	<b>3</b>	<b>55</b>

Sumber: Fail Permohonan Kuarters

- b. Keadaan ini berlaku kerana Jawatankuasa tersebut tidak berfungsi seperti mana yang ditetapkan dalam pekeliling dan kegagalan pihak pengurusan dalam menyediakan senarai menunggu bagi permohonan kuarters. Kesannya, status permohonan kuarters tidak dapat disahkan dan pegawai kuarters tidak dapat menentukan giliran pemohon yang perlu ditawarkan kuarters berdasarkan tarikh permohonan. Bagaimanapun, Pejabat SUK telah mengeluarkan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 3 Tahun 2011 yang memberi kuasa kepada Pegawai Perumahan meluluskan permohonan kuarters dan membatalkan Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 1973.

### **3.4.1.2. Daftar Kuarters Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap Dan Kemas Kini**

Daftar kuarters perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan maklumat yang dicatat adalah betul dan tepat. Semakan Audit mendapati PDM dan PDHT tidak menyelenggarakan daftar kuarters bagi merekodkan maklumat penghuni kuarters dan keluar masuk pegawai yang menduduki kuarters serta pergerakan kunci pintu kuarters. Manakala di Pejabat SUK, daftar kuarters ada diselenggarakan tetapi tidak dikemas kini contohnya nama penyewa yang telah keluar masih tercatat di dalam daftar kuarters dan penghuni terkini tidak direkodkan. Keadaan ini disebabkan oleh proses kerja pegawai terdahulu telah diperaktikkan secara berterusan oleh pegawai yang mengambil alih tugas tersebut. Kesannya, maklumat penghuni terkini dan sebelumnya tidak diketahui serta tiada rekod status fizikal kuarters.

### **3.4.1.3. Status Kuarters Kerajaan Negeri**

#### **a. Kuarters Yang Diduduki**

Lawatan Audit pada 22 September 2010 dan 11 Oktober 2010 ke beberapa kuarters yang diduduki di Daerah Kuala Terengganu dan Marang mendapati kuarters dan kemudahan telah disenggarakan dengan baik seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.4**. Berdasarkan rekod JKR, kuarters di Jalan Kamaruddin, Padang Hiliran dan Batu Buruk, Kuala Terengganu telah dibina masing-masing pada tahun 1984, 1992 dan 1964 manakala kuarters di Jalan Sekolah, Marang dibina pada tahun 1960.

**Gambar 3.1**

**Kuarters Yang Diduduki**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu

Tarikh: 11 Oktober 2010

**Gambar 3.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Padang Hiliran, Kuala Terengganu

Tarikh: 11 Oktober 2010

Gambar 3.3



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Batu Buruk, Kuala Terengganu  
Tarikh: 11 Oktober 2010

Gambar 3.4

Kuarters Yang Diduduki



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Jalan Sekolah, Marang  
Tarikh: 22 September 2010

b. Kuarters Yang Tidak Diduduki

Kuarters yang berpotensi untuk disewa perlu disenggarakan oleh JKR agar iaanya boleh ditawarkan kepada pemohon bagi mengelakkan kuarters berkenaan rosak dan terus terbiar. Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Pejabat SUK dan semua pejabat daerah mendapati jumlah keseluruhan kuarters Kerajaan Negeri adalah sejumlah 615 unit. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 163 kuarters tidak diduduki seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Kuarters Kerajaan Negeri Mengikut Daerah**

Bil.	Daerah	Bilangan (Unit)	Diduduki (Unit)	Tidak Diduduki	
				(Unit)	(%)
1.	Kuala Terengganu	277	247	30	10.8
2.	Kemaman	153	76	77	50.3
3.	Setiu	53	46	7	13.2
4.	Besut	38	22	16	42.1
5.	Hulu Terengganu	35	18	17	48.6
6.	Dungun	32	23	9	28.1
7.	Marang	27	20	7	25.9
<b>Jumlah</b>		<b>615</b>	<b>452</b>	<b>163</b>	<b>26.5</b>

Sumber: Pejabat SUK, JKR Stor Negeri, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, Kemaman, Setiu, Besut, Hulu Terengganu, Dungun Dan Marang

c. Lawatan Audit ke beberapa unit kuarters yang tidak diduduki di 3 daerah berkenaan mendapati perkara seperti berikut:

i. Daerah Marang

- Lawatan Audit pada 22 September 2010 ke 7 unit kuarters yang tidak diduduki mendapati 5 unit kuarters iaitu JKR 18/2, JKR 142, JKR 144, JKR 147 dan JKR 148 berada dalam keadaan terbiar, rosak serta terdedah kepada hakisan pantai seperti di **Gambar 3.5** dan **Gambar 3.6**. Bagaimanapun, tempoh kekosongan kuarters tersebut tidak dapat dipastikan kerana tiada daftar diselenggarakan.

**Gambar 3.5**  
Kuarters Terdedah Kepada Hakisan Pantai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 148, Rusila, Marang  
Tarikh: 22 September 2010

**Gambar 3.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 147, Rusila, Marang  
Tarikh: 22 September 2010

- Pada 30 Januari 2008 Kerajaan Negeri telah bersetuju kuarters JKR 142 dijadikan Rumah Khas Jabatan untuk Yang Di Pertua Majlis Daerah Marang. Berdasarkan siasatan yang dibuat oleh JKR Daerah Marang, kuarters berkenaan berada dalam keadaan yang tidak memuaskan dan perlu di baik pulih dengan kos penyenggaraan yang dianggarkan sejumlah RM110,000 seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.8**. Manakala kuarters JKR 18/2 pula memerlukan pendawaian semula elektrik yang melibatkan kos yang tinggi, kebocoran atap dan rosak dimakan anai-anai. Pihak Audit dimaklumkan oleh JKR Daerah Marang bahawa 5 kuarters tersebut tidak ekonomik dibaiki. Akibatnya kuarters yang tidak diduduki ini terdedah kepada risiko kecurian, vandalisme dan gejala tidak sihat.

**Gambar 3.7**  
Bahagian Luar Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 142, Jalan Padang Bola, Marang  
Tarikh: 22 September 2010

**Gambar 3.8**  
Bahagian Dalam Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 142, Jalan Padang Bola, Marang  
Tarikh: 22 September 2010

## ii. Daerah Hulu Terengganu

- Lawatan Audit pada 4 Oktober 2010 ke 10 daripada 17 unit kuarters yang tidak diduduki mendapati kuarters tersebut terbiar dan mengalami kerosakan antaranya seperti kebocoran atap, pintu rosak dan siling pecah. Keadaan ini berlaku disebabkan keadaan kuarters yang usang dan tidak sesuai untuk diduduki seperti di **Gambar 3.9** dan **Gambar 3.10**. Bagaimanapun, tempoh kekosongan kuarters tersebut tidak dapat disahkan kerana tiada daftar diselenggarakan.

**Gambar 3.9**

**Keadaan Kuarters Yang Usang Dan Tidak Sesuai Diduduki**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Loji Air Kuala Berang, Hulu Terengganu

Tarikh: 4 Oktober 2010

**Gambar 3.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Hashim, Hulu Terengganu

Tarikh: 4 Oktober 2010

- Kesannya, kuarters tersebut telah terbiar dan kawasan persekitaran kuarters ditumbuhi semak samun serta telah dicerobohi seperti di **Gambar 3.11** dan **Gambar 3.12**.

**Gambar 3.11**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Hashim, Hulu Terengganu

Tarikh: 4 Oktober 2010

**Gambar 3.12**

**Kuarters Terbiar Telah Dicerobohi**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Hashim, Hulu Terengganu

Tarikh: 4 Oktober 2010

### iii. Daerah Kuala Terengganu

- Lawatan Audit pada 1 September 2010 dan 6 September 2010 ke 11 daripada 30 unit kuarters yang tidak diduduki mendapati 2 unit kuarters iaitu JKR 588 dan JKR A108 mengalami kerosakan masing-masing sejak bulan November 2008 dan Februari 2009. Setakat tarikh lawatan Audit didapati kuarters tersebut masih belum dibaiki. Berdasarkan rekod Pejabat SUK, kuarters JKR 588 pernah ditawarkan kepada pemohon pada 2 November 2008 tetapi ditolak dengan alasan keadaan fizikal kuarters berkenaan yang tidak selamat dan kotor. Manakala kuarters JKR A108 telah dikosongkan oleh penyewa pada 23 Februari 2009 disebabkan berlakunya limpahan air najis. Keadaan kuarters tersebut adalah seperti di **Gambar 3.13** hingga **Gambar 3.16**.

**Gambar 3.13**  
Kerosakan Siling Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 588, Jalan Kamaruddin,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 September 2010

**Gambar 3.14**  
Kerosakan Pada Sangga Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 588, Jalan Kamaruddin,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 September 2010

**Gambar 3.15**  
Kerosakan Siling Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR A108, Taman Sri Kolam, Kuala  
Terengganu  
Tarikh: 6 September 2010

**Gambar 3.16**  
Kerosakan Pintu Kuarters



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR A108, Taman Sri Kolam, Kuala  
Terengganu  
Tarikh: 6 September 2010

- Semakan Audit terhadap Laporan Penyenggaraan dan Cadangan Penyenggaraan bagi tahun 2008 hingga 2010 di JKR Daerah Kuala Terengganu mendapati tiada penyenggaraan dilakukan terhadap kquarters tersebut dalam tempoh berkenaan. Keadaan ini berlaku kerana tiada tindakan diambil oleh Pejabat SUK dan JKR walaupun aduan pernah dibuat sama ada oleh bakal penyewa atau penyewa yang pernah menduduki kquarters tersebut. Kesannya, kquarters berkenaan terbiar tanpa dibaiki dan kquarters yang rosak masih ditawarkan kepada pemohon.
  - Pejabat SUK memaklumkan bahawa kquarters JKR 588 dan JKR A108 memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi untuk di baik pulih. JKR pula menyatakan tiada aduan kerosakan melalui Borang JKR 04 diterima bagi kedua-dua kquarters berkenaan. Di samping itu, setiap penyenggaraan kquarters pula adalah bergantung kepada kekangan kewangan dan masa dengan mengutamakan kquarters yang berpenghuni. Bagi kquarters JKR 588, JKR telah menjalankan penyenggaraan dan akan ditawarkan kepada bakal penyewa yang berjaya. Pembaikan bagi kerosakan kecil dan kerja pembersihan telah dilakukan di kquarters tersebut pada Februari 2011. Manakala bagi kquarters JKR A108, penyenggaraan akan dilakukan sekiranya JHEAT memerlukan bantuan daripada JKR.
- c. Selain itu, terdapat juga beberapa kquarters kosong yang berada di dalam keadaan yang memuaskan, disenggarakan dengan baik dan selesa untuk diduduki seperti di **Gambar 3.17** dan **Gambar 3.18**.

**Gambar 3.17**

**Kquarters Berkeadaan Baik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 590, Jalan Kamaruddin,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 September 2010

**Gambar 3.18**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 666, Flat Hiliran, Kuala Terengganu  
Tarikh: 6 September 2010

#### **3.4.1.4. ITP Dan BSH Dibayar Kepada Pegawai Yang Menduduki Kquarters**

- a. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2006 menetapkan pegawai yang menduduki kquarters tidak layak dibayar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan 50% daripada Bantuan Sara Hidup (BSH).

Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Pejabat Kerajaan) Perkara 16 dan 17(a) menyatakan sewa rumah dan sewa perabot akan dikira dari hari seseorang pegawai itu masuk ke rumah tersebut dan Ketua Jabatan perlu memotong elaun pegawai di bawah jagaannya yang menduduki kuarters apabila menerima arahan potongan elaun daripada Pegawai Perumahan. Semakan Audit terhadap 172 permohonan bagi tahun 2008 hingga 2010 di 3 daerah mendapati 3 pegawai yang menduduki kuarters tidak dibuat potongan elaun (ITP dan BSH) seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Jumlah ITP dan 50% BSH Yang Tidak Layak Dibayar Kepada Pegawai**

Bil.	No. Kuarters/ Lokasi	Jabatan/ Gred Pegawai	Tarikh Kuarters Diduduki	Mula Potongan (Bulan/Tahun)	Elaun Tidak Layak Dibayar			
					Bulan	ITP (RM)	BSH (RM)	Jumlah (RM)
1.	JKR 420/9 Jalan Panji Alam	JPKT/ J17	15.11.2008	-	25*	4,500	2,500	7,000
2.	JKR 229/ Jalan Sultan Mahmud	Pejabat SUK/ N44	01.01.2009	6/2009	5	1,250	750	2,000
3.	JKR 591/ Jalan Kamaruddin	Pejabat SUK/ N41	01.09.2009	11/2009	2	500	300	800
<b>Jumlah</b>						<b>6,250</b>	<b>3,550</b>	<b>9,800</b>

Sumber: Pejabat SUK Dan Pejabat Perbendaharaan Negeri

Nota: \* Bilangan bulan dikira sehingga tarikh akhir pengauditan

- b. Keadaan ini berlaku kerana pejabat pegawai bertugas tidak menerima maklumat mengenai pegawai yang menduduki kuarters daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK yang menguruskan kuarters. Kesannya, sejumlah RM9,800 daripada ITP dan BSH telah dibayar kepada 3 pegawai tersebut. Bagi kuarters JKR 420/9, JPKT telah mengutip balik elaun yang tidak layak dibayar daripada pegawai tersebut sejumlah RM7,000 pada Februari 2011.

#### **3.4.1.5. Potongan ITP Dan BSH Terhadap Pegawai Yang Tidak Disediakan Kuarters (Balai Penghulu)**

- a. Penghulu yang menduduki balai penghulu adalah layak diberi Bayaran Khas Perumahan dan 50% daripada BSH. Manakala Penghulu yang tidak disediakan balai penghulu layak menerima ITP dan BSH sepenuhnya. Semakan Audit terhadap penempatan Penghulu bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati 5 Penghulu telah dikenakan potongan ITP dan BSH. Tiga daripadanya tidak disediakan balai penghulu, manakala 2 Penghulu tidak menduduki balai penghulu yang disediakan kerana kuarters terlalu uzur. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Potongan ITP Dan BSH Terhadap 5 Penghulu Yang**  
**Tidak Menduduki Kuarters (Balai Penghulu)**

Bil.	Mukim	Penghulu	Tempoh Menduduki		Elaun Layak Diterima		Potongan Elaun Dikenakan		Perbezaan Elaun Sepatut Diterima	
			Dari — Hingga	Jumlah (Bulan)	ITP (RM)	BSH (RM)	ITP (RM)	BSH (RM)	ITP (RM)	BSH (RM)
<b>Daerah Kuala Terengganu</b>										
1.	Pengadang Buloh/ Atas Tol	A	01.01.2008 — 14.09.2010	32½	5,844	8,540	2,925	4,875	2,919	3,665
		B	15.09.2010 — 31.12.2010	3½	636	1,060	315	525	321	535
2.	Bandar	C	01.06.2009 — 14.09.2010	15½	2,784	4,640	1,395	2,325	1,389	2,315
		A	15.09.2010 — 31.12.2010	3½	636	1,060	315	525	321	535
3.	Bukit Besar (Ladang)	D	01.10.2009 — 30.09.2010	12	2,160	3,600	1,080	1,800	1,080	1,800
		C	01.10.2010 — 31.12.2010	3	540	900	270	450	270	450
<b>Daerah Marang</b>										
4.	Rusila	E	15.01.2009 — 31.12.2010	23 ½	4,239	2,355	2,115	1,175	2,124	1,180
<b>Jumlah</b>									<b>8,424</b>	<b>10,480</b>

Sumber: PDKT Dan PDM

Nota: ITP – RM180 Sebulan

BSH Daerah Kuala Terengganu – RM300 Sebulan

BSH Daerah Marang – RM100 Sebulan

Penghulu A Hingga E – Penempatan Dan Pertukaran Penghulu Dalam Tempoh 3 Tahun

- b. Keadaan ini disebabkan Bahagian Kewangan beranggapan semua Penghulu menduduki Rumah Khas Jawatan tanpa mengambil kira keadaan balai penghulu tersebut. Penyelia Penghulu juga tidak memaklumkan maklumat status kediaman Penghulu kepada Bahagian Kewangan. Kesannya sejumlah RM18,904 ITP dan BSH telah terkurang bayar kepada 5 Penghulu. Pada bulan Mei 2011, PDKT telah membuat bayaran balik ITP dan BSH kepada 4 Penghulu sejumlah RM7,657 mengikut tempoh yang diluluskan oleh Perbadanan Negeri.

#### 3.4.1.6. Sewa Kuarters Kerajaan Negeri Tidak Dibayar

- a. Pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri hendaklah membayar sewa kuarters kepada Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap salinan penyata gaji mendapati 2 pegawai di PKDM dan seorang pegawai JPKT yang menduduki kuarters JKR 567, JKR 173 dan JKR 573 di Daerah Kuala Terengganu telah dipotong elauan ITP dan 50% daripada BSH. Bagaimanapun, PKDM dan JPKT tidak membuat pelarasian ITP dan sewa kuarters bagi pegawai berkenaan untuk dibayar kepada Kerajaan Negeri. Manakala seorang pegawai JPKT yang menduduki kuarters JKR

420/9 masih dibayar penuh ITP dan BSH telah menyebabkan bayaran sewa kuarters kepada Kerajaan Negeri tidak dapat dibuat. Kesannya, sewa kuarters sejumlah RM19,707 tidak dibayar kepada Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Sewa Kuarters Kerajaan Negeri Tidak Dibayar**

Bil.	No. Kuarters/ Lokasi	Tempoh Terlibat		Kadar Sewa Yang Ditetapkan (RM)	Jumlah Kurangan Hasil Kerajaan Negeri (RM)
		Dari — Hingga	Jumlah (Bulan)		
1.	JKR 567/ Jalan Kamaruddin	01.10.2002 — 31.12.2010	99	93	9,207
2.	JKR 173/ Jalan Sultan Mahmud	01.08.2006 — 31.12.2010	53	144	7,632
3.	JKR 573/ Jalan Kamaruddin	01.11.2008 — 31.12.2010	26	93	2,418
4.	JKR 420/9 Jalan Panji Alam	15.11.2008 — 31.12.2010	25	18	450
<b>Jumlah</b>					<b>19,707</b>

*Sumber: Pejabat SUK, JKR Stor Negeri, Jabatan Akauntan Negara, PKDM Dan JPKT*

- b. Bagi kuarters JKR 567 dan JKR 173, HSNZ dan PKDM telah membuat bayaran balik sewa kuarters kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM8,649 dan RM7,632 pada bulan Mei 2011. Manakala bagi kuarters JKR 420/9 pula, JPKT turut membuat bayaran balik sewa kuarters sejumlah RM450 pada bulan Februari 2011.

#### **3.4.1.7. Sewa Kuarters Terlebih Dibayar Kepada Kerajaan Negeri**

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang bersidang pada 28 Mei 1978 telah menetapkan kadar sewa kuarters Kerajaan Negeri. Manakala bagi pegawai Kerajaan Persekutuan yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada kadar sewa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap salinan penyata gaji mendapati 6 pegawai JPKT yang menduduki kuarters Kerajaan Negeri dikenakan kadar sewa kuarters Kerajaan Persekutuan. Kadar sewa ini adalah lebih tinggi daripada kadar sewa yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, JPKT telah terlebih bayar sewa kuarters kepada Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 3.6**.

**Jadual 3.6**  
**Sewa Kuarters Terlebih Dibayar Kepada Kerajaan Negeri**

Bil.	No. Kuarters/ Lokasi	Tempoh Terlibat		Kelas Kuarters	Kadar Sewa Yang Ditetapkan (RM)	Kadar Sewa Yang Dikenakan (RM)	Sewa Terlebih Dibayar (RM)	Jumlah Sewa Terlebih Dibayar (RM)
		Dari – Hingga	Jumlah (Bulan)					
1.	JKR 661/ Flat Hiliran	01.07.1992 – 31.12.2010	222	G	18	45	27	5,994
2.	JKR 650/ Flat Hiliran	01.10.2002 – 31.12.2010	99	G	18	45	27	2,673
3.	JKR 312/2 Jalan Tekukur	01.05.2009 – 31.12.2010	20	G	18	75	57	1,140
4.	JKR 209/1 Jalan Tekukur	30.04.2009 – 31.12.2010	20	H	6	30	24	480
5.	JKR 210/2 Jalan Tekukur	15.03.2009 – 31.12.2010	21	H	6	10	4	84
6.	JKR 209/2 Jalan Tekukur	30.04.2009 – 31.12.2010	20	H	6	10	4	80
<b>Jumlah</b>								<b>10,451</b>

Sumber: Pejabat SUK, JKR Stor Negeri, Jabatan Akauntan Negara Dan JPKT

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan JPKT membuat potongan sewa kuarters mengikut kadar Persekutuan seperti mana dalam Perintah Am Bab E Perenggan 15(a) dan tidak mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran kuarters. Bagaimanapun bagi kuarters JKR 661 dan JKR 650, kadar sewa yang dikenakan iaitu sejumlah RM45 sebulan adalah mengikut surat tawaran kuarters daripada Pejabat SUK. Ini menyebabkan berlaku lebihan bayaran sewa kuarters kepada Kerajaan Negeri sejumlah RM10,451.

**Pada pendapat Audit, Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR perlu mempertingkatkan komunikasi dan koordinasi, memantau status bayaran sewa kuarters serta menyelenggarakan daftar kuarters dengan lengkap dan kemas kini. Ketua Jabatan kepada pegawai yang menduduki kuarters hendaklah memastikan pembayaran sewa kuarters dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.**

### 3.4.2. Penyenggaraan Kuarters

#### 3.4.2.1. Kuarters Yang Di Cadang Untuk Dirobohkan Masih Disenggara

- a. Kuarters yang hendak dirobohkan tidak perlu disenggarakan. Semakan Audit mendapati Pejabat SUK telah mengeluarkan notis pertama bagi mengosongkan kuarters JKR 325/1 dan JKR 326/1 di Jalan Kamaruddin pada 13 April 2010 iaitu 3 bulan sebelum cadangan kerja-kerja penyenggaraan ditawarkan oleh JKR kepada kontraktor. Manakala lanjutan notis bagi menyambung tempoh notis pertama sebelum kerja-kerja perobohan dilakukan telah dikeluarkan pada 26 September 2010. Berdasarkan Senarai Keputusan Kerja Undi bertarikh 6 Julai 2010, JKR telah menawarkan kepada kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja membekal dan

memasang tangki septik di kuarters tersebut. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 3.7**.

**Jadual 3.7**  
**Kuarters Yang Di Cadang Untuk Dirobohkan Masih Disenggara**

Bil.	No. Kuarters	Status Kuarters	No. Rujukan/Tarikh Surat Notis Perobohan	Tarikh Mengosongkan Kuarters	Catatan
1.	JKR 325/1	Ada Penyewa	SUK.TR.1150/198 Jld.3-(1)/13.4.2010 (Notis Pertama)	31.05.2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyenggaraan telah siap dilaksanakan pada 26.10.2010.</li> </ul>
2.	JKR 326/1	Tidak Ada Penyewa	SUK.TR.1150/198/1-(7)/26.9.2010 (Lanjutan Notis)	31.10.2010	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kos penyenggaraan bagi 2 unit kuarters tersebut berjumlah RM17,398.</li> </ul>

Sumber: Pejabat SUK Dan JKR Negeri Terengganu

- b. Lawatan Audit pada 8 November 2010 ke kuarters terlibat mendapati kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan oleh kontraktor seperti di **Gambar 3.19** dan **Gambar 3.20**.

**Gambar 3.19**  
**Tangki Septik Yang Telah Siap Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 325/1, Jalan Kamaruddin,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 November 2010

**Gambar 3.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: JKR 326/1, Jalan Kamaruddin,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 8 November 2010

- c. Pihak Audit difahamkan oleh JKR bahawa Pejabat SUK tidak memaklumkan perancangan perobohan tersebut pada peringkat awal kepada Unit Penyenggaraan, JKR. Kesan daripada kelemahan komunikasi dan koordinasi di antara Pejabat SUK dan JKR dalam mengemaskinikan maklumat kuarters dari semasa ke semasa menyebabkan peruntukan kewangan telah digunakan untuk menyenggara kuarters yang tidak sepatutnya.

### **3.4.2.2. Pemeriksaan Tidak Dilakukan Terhadap Kuarters Yang Hendak Dikosongkan**

- a. Perintah Am Bab E (Rumah Dan Bangunan Pejabat Kerajaan) Perkara 30 menyatakan pihak JKR hendaklah membuat pemeriksaan terhadap kuarters yang hendak dikosongkan bagi memastikan kuarters berada dalam keadaan baik. Di samping itu, JKR perlu menyediakan Sijil Akuan Masuk Rumah dan Sijil Akuan Keluar Rumah bagi setiap keluar masuk kuarters yang perlu ditandatangani oleh penyewa kuarters. Lawatan Audit pada 16 Ogos 2010 dan 1 September 2010 ke 11 unit kuarters di Daerah Kuala Terengganu mendapati 5 unit kuarters yang telah dikosongkan iaitu JKR 588, JKR 686, JKR 713, JKR A108 dan JKR A205 berada dalam keadaan tidak terurus, kotor dan berselerak dengan barang-barang yang ditinggalkan oleh penyewa seperti di **Gambar 3.21** hingga **Gambar 3.24**.

**Gambar 3.21**

**Barang-barang Penyewa Yang Ditinggalkan Berselerak**



16/08/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: JKR 713, Flat Hiliran, Kuala Terengganu

Tarikh: 16 Ogos 2010

**Gambar 3.22**

**Barang-barang Penyewa Yang Ditinggalkan Berselerak**



01/09/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: JKR 588, Jalan Kamaruddin,

Kuala Terengganu

Tarikh: 1 September 2010

**Gambar 3.23**

**Barang-barang Penyewa Yang Ditinggalkan Di Luar Kuarters**



16/08/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Flat Hiliran, Kuala Terengganu

Tarikh: 16 Ogos 2010

**Gambar 3.24**

**Barang-barang Penyewa Yang Ditinggalkan Di Luar Kuarters**



01/09/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu


Tarikh: 1 September 2010

- b. Keadaan ini disebabkan JKR tidak menjalankan pemeriksaan apabila menerima notis keluar kuarters daripada Pejabat SUK dan tidak menguatkuasakan penggunaan Sijil Akuan Masuk Rumah dan Sijil Akuan Keluar Rumah seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Kesannya, kuarters yang telah dikosongkan berada dalam keadaan tidak terurus, kotor dan berselerak menyebabkan pemohon yang ditawarkan kuarters tersebut menolak tawaran mendudukinya.
- c. Manakala di Daerah Hulu Terengganu dan Daerah Marang, didapati tiada kuarters yang dikosongkan pada tarikh lawatan Audit dijalankan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai JKR Hulu Terengganu dan JKR Marang bahawa tiada pemeriksaan dijalankan terhadap kuarters yang hendak dikosongkan seperti mana yang ditetapkan dalam peraturan.
- d. Berikut teguran Audit tersebut, JKR telah menguatkuasakan penggunaan Sijil Akuan Masuk Rumah dan Sijil Akuan Keluar Rumah seperti yang ditetapkan dalam peraturan.

**Pada pendapat Audit, bagi memastikan pengurusan penyenggaraan kuarters menjadi lebih baik, Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR perlu mempertingkatkan komunikasi dan koordinasi seperti mengadakan mesyuarat secara berkala.**

### 3.4.3. Analisis Soal Selidik Tahap Kepuasan Pengguna

Jabatan Audit Negara telah mengedarkan soal selidik kepada 100 daripada 285 penyewa kuarters. Analisis terhadap 40 daripada 100 atau 40% borang soal selidik yang dikembalikan adalah seperti di **Carta 3.1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- 3.4.3.1. Berdasarkan maklum balas yang diterima, 21 penyewa kuarters atau 52.5% berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Manakala seramai 19 penyewa

kuarters atau 47.5% tidak berpuas hati dengan keadaan kuarters yang diduduki. Antara sebab utama ketidakpuasan hati penyewa ialah permasalahan paip seperti rosak, bocor dan berkarat, persekitaran kuarters yang kotor, kerosakan pada pendawaian elektrik dan kuarters sempit.

3.4.3.2. Seramai 27 penyewa kuarters atau 67.5% berpuas hati dengan kualiti penyenggaraan yang dijalankan. Manakala 13 penyewa kuarters atau 32.5% tidak berpuas hati disebabkan tiada tindakan dibuat oleh JKR serta penyenggaraan yang mengambil masa untuk dilaksanakan antara satu hingga 24 minggu, penyewa perlu membuat susulan berulang kali dan kawasan tidak dibersihkan selepas penyenggaraan dilakukan.

**Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu mengambil tindakan segera terhadap aduan penyewa mengikut tahap kerosakan kuarters.**

### **3.5. SYOR AUDIT**

Pengurusan kuarters masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya beberapa kelemahan yang dikenal pasti dapat diperbaiki dengan memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

3.5.1. Pejabat SUK, Pejabat Daerah dan JKR hendaklah bekerjasama dan mempertingkatkan komunikasi dan koordinasi bagi memastikan perancangan dan penyenggaraan kuarters berjalan dengan lancar.

3.5.2. Pejabat SUK perlu memantau bayaran sewa kuarters bagi memastikan pembayaran sewa kuarters dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.5.3. Pejabat SUK dan Pejabat Daerah hendaklah mengambil tindakan yang sesuai terhadap kuarters yang terbiar, usang dan tidak sesuai diduduki bagi memperoleh *value for money*.

3.5.4. Pejabat SUK dan Pejabat Daerah hendaklah menyelenggarakan daftar kuarters dengan lengkap dan kemas kini.

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

### 4. SISTEM e-PIHAK BERKUASA TEMPATAN (ePBT)

#### 4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Pada tahun 2006, Kerajaan Negeri telah melantik sebuah syarikat bagi melaksanakan projek *Terengganu Electronic Government* (TeG). Projek TeG mengandungi 7 modul dengan kos keseluruhan berjumlah RM19.35 juta seperti di **Jadual 4.1**. Antara modul yang terdapat dalam projek TeG ialah Sistem e-Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT) dengan kos sejumlah RM3.15 juta. Mengikut perancangan, tempoh pelaksanaan Sistem ePBT adalah bermula pada bulan September 2006 hingga Februari 2008. Unit Pengurusan Maklumat Negeri (UPMN) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) adalah bertanggungjawab bagi memantau dan menyelaras pembangunan projek dan pelaksanaan sistem yang dibangunkan.

**Jadual 4.1**  
**Modul Dalam Projek *Terengganu Electronic Government***

Bil.	Modul	Kos (RM Juta)
1.	Sistem Portal Bersepadu	4.50
2.	Sistem Pengurusan Zakat (eZakat)	4.05
3.	Sistem Munakahat (eMunakahat)	
4.	Sistem Pengurusan Aduan (eAduan)	4.05
5.	Sistem Pihak Berkuasa Tempatan (ePBT)	3.15
6.	Sistem Pemantauan Program (ePMS)	2.25
7.	<i>Business System Requirement Study</i> (BSRS)	1.35
<b>Jumlah</b>		<b>19.35</b>

*Sumber: Dokumen Perjanjian*

4.1.2. Pada bulan Mac 2007, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pula telah membangunkan Sistem ePBT untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia dan kos bagi membangunkan sistem ini ditanggung oleh KPKT berjumlah RM8.60 juta. Projek perintis dilaksanakan di 6 PBT di Negeri Perak dan Negeri Sembilan. Sistem ini telah diperluaskan kepada Fasa 1 di beberapa PBT di Malaysia bermula pada bulan Jun 2007 secara berperingkat. Objektif Sistem ePBT adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran PBT serta menjana penyata kewangan tahunan.

4.1.3. Sehingga bulan September 2007, Sistem ePBT di bawah projek TeG masih belum dibangunkan oleh syarikat yang dilantik. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju menggunakan pakai Sistem ePBT yang dibangunkan oleh KPKT dan membayai kos pembangunan sistem tersebut melalui peruntukan projek TeG.

## **4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Sistem ePBT telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **4.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi aspek pengurusan dan pembangunan Sistem ePBT bagi tahun 2007 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di UPMN dan BKT di Pejabat SUK serta 2 PBT iaitu Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Daerah Marang (MDM). Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan. Analisis terhadap sampel data menggunakan *Computer Assisted Audit Tools and Techniques (CAATTs)* serta *walk-through test* juga dijalankan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan dan soal selidik juga diedarkan kepada pengguna sistem untuk mendapatkan maklum balas.

## **4.4. PENEMUAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati Sistem ePBT tidak mencapai matlamat yang ditetapkan kerana terdapat kelemahan dalam pembangunan dan pelaksanaan. Kelemahan tersebut ialah projek tidak disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan, sistem dan sub sistem tidak digunakan, kawalan sistem kurang memuaskan dan kawalan capaian logikal tidak memuaskan serta dokumen teknikal tidak dibekalkan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

### **4.4.1. Pembangunan Sistem ePBT**

#### **4.4.1.1. Projek Tidak Disiapkan Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan**

Mengikut perjanjian projek TeG, tempoh pelaksanaan Sistem ePBT adalah bermula pada bulan September 2006 hingga Februari 2008. Semakan Audit mendapati projek tidak dapat disiapkan sebagaimana tempoh yang ditetapkan kerana pembangunan Sistem ePBT tidak mengikut keperluan dan kehendak pengguna. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Status Pelaksanaan TeG yang bermesyuarat pada 16 September 2009 telah memutuskan tarikh *cut-off* projek ePBT pada 31 Oktober 2009. Pihak Audit dimaklumkan *cut off* lewat dibuat kerana modul-modul lain dalam projek TeG masih dalam pelaksanaan. Manakala Mesyuarat Penutupan Projek Pembangunan Sistem TeG bagi Sistem ePBT pada 27 Oktober 2009 telah memutuskan peratusan pelaksanaan Sistem ePBT pada keseluruhannya ialah sebanyak 75% dan sejumlah RM2.60 juta telah dibayar kepada pembekal terhadap pelaksanaan kerja tersebut. Selepas *cut off* projek tersebut, pada 7 April 2010 Pejabat SUK telah memohon khidmat rundingan bagi projek TeG daripada pihak MAMPU untuk membantu menyelesaikan permasalahan Sistem ePBT. Hasil laporan khidmat rundingan berkenaan, pihak MAMPU memutuskan agar Pejabat SUK menubuhkan pasukan kerja bagi meneruskan pembangunan dan penambahbaikan sistem berkenaan.

#### 4.4.1.2. Sistem Dan Sub Sistem Tidak Digunakan

- a. Sebanyak 6 sistem utama dan 23 sub sistem di bawah Sistem ePBT telah dibangunkan dan sedia digunakan seperti di **Jadual 4.2**.

**Jadual 4.2**  
**Kedudukan Penggunaan Sistem ePBT Sehingga 31 Disember 2010**

Sistem	Sub Sistem	MPD		MDM	
		Sedia Diguna Pakai (%)	Sudah Guna (%)	Sedia Diguna Pakai (%)	Sudah Guna (%)
Hasil	Kutipan	100	45	100	55
	Taksiran	100	60	100	86
	Penilaian	100	65	100	94
	Pelesenan	100	80	100	90
	Sewaan	100	67	100	89
	Kompaun	100	0	100	0
Perakaunan	Terimaan Pelbagai	100	50	100	20
	Lejar Am	100	54	100	100
	Jurnal	100	81	100	81
	Belanjawan	100	67	100	83
	Akaun Kena Bayar	100	0	100	80
	Pengurusan Tunai	100	25	100	25
	Personalia dan Gaji	100	23	100	100
	Pinjaman	100	0	100	0
	Pelaburan	100	0	100	0
	Pengurusan Harta	100	0	100	0
	Pengurusan Projek	80	0	80	0
	Penutupan Hujung Tahun	100	63	100	100
ID Pelanggan	ID Pelanggan	100	100	100	100
Aduan	Aduan	100	0	100	0
e-Submission	Kebenaran Merancang	100	0	100	0
	Pelan Bangunan	100	0	100	0
Pelaporan SUK	Pelaporan SUK	100	0	100	0

Sumber: MPD Dan MDM

- b. Semakan Audit mendapati:

i. **Sistem Tidak Digunakan**

Terdapat 3 sistem yang tidak digunakan oleh MPD dan MDM iaitu Sistem Aduan, e-Submission dan Pelaporan SUK seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3**  
**Sistem Tidak Digunakan**

Sistem	Fungsi	Maklum Balas Audit
Aduan	Mendapatkan maklum balas awam bagi meningkatkan perkhidmatan PBT.	Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ePBT Bil. 1/2008 bertarikh 27 Februari 2008 menetapkan supaya menggunakan Sistem Pengurusan Aduan yang dibangunkan di bawah projek TeG.
e-Submission	Merangkumi fungsi kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan.	PBT mengguna pakai Sistem One Stop Centre (OSC) Online daripada pihak KPKT.
Pelaporan SUK	Penjanaan laporan PBT kepada Pejabat SUK.	Sistem Hasil dan Perakaunan belum digunakan sepenuhnya oleh PBT menyebabkan laporan tidak dapat dijana.

Sumber: MPD Dan MDM

## ii. Sub Sistem Yang Tidak Digunakan

Sebanyak 6 sub sistem tidak digunakan di MPD dan MDM iaitu satu sub sistem di bawah Sistem Hasil dan 5 sub sistem di bawah Sistem Perakaunan seperti di **Jadual 4.4.**

**Jadual 4.4**  
**Sub Sistem Yang Tidak Digunakan**

Sistem	Sub Sistem	Fungsi	PBT	Maklum Balas Auditi
Hasil	Sub Sistem Kompaun	Menyelenggarakan maklumat berkenaan pengurusan kompaun seperti pengeluaran notis, kompaun letak kereta dan kompaun pelbagai.	MPD dan MDM	Sub sistem ini digunakan berdasarkan kepada keperluan PBT masing-masing.  Proses kerja di PBT yang berbeza. Bagaimanapun, MPD dan MDM telah menggunakan Sistem Terimaan Pelbagai untuk mengeluarkan bil kompaun.
Perakaunan	Pelaburan	Merekodkan maklumat bagi pelaburan yang dibuat oleh PBT.	MPD dan MDM	
	Pinjaman	Merekodkan pengurusan pinjaman kakitangan.	MPD dan MDM	Manual Pengguna yang diberi oleh pembekal tidak lengkap dan kemas kini.
	Akaun Kena Bayar	Merekodkan pengurusan permohonan pembelian serta penyediaan baucar bayaran dan cek bagi tujuan pembayaran.	MPD	
	Pengurusan Harta	Merekodkan pengurusan aset tetap.	MPD dan MDM	KPKT menangguhkan penggunaan (Minit Mesyuarat Perbincangan Teknikal Projek TeG bertarikh 17 Februari 2009) bagi penambahbaikan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan.
	Pengurusan Projek	Merekodkan maklumat projek pembangunan daripada sumber PBT.	MPD dan MDM	Semua projek pembangunan dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Sumber: MPD Dan MDM

## iii. Sub Sistem Tidak Digunakan Sepenuhnya

Semakan Audit mendapati di MPD sebanyak 6 sub sistem di bawah Sistem Hasil dan 6 sub sistem di bawah Sistem Perakaunan telah digunakan antara 23% hingga 81%. Manakala di MDM, 6 sub sistem di bawah Sistem Hasil dan 7 sub sistem di bawah Sistem Perakaunan telah digunakan antara 20% hingga 94%. Pihak Audit dimaklumkan, keadaan ini berlaku disebabkan kesinambungan data tidak menepati tahap 100% dan beberapa fungsi kepada sub sistem yang belum diguna pakai masih di dalam proses penambahbaikan mengikut keperluan pengguna.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan sistem tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana terdapat sistem dan sub sistem yang berhubung kait masih tidak digunakan.**

## 4.4.2. Kawalan Sistem

### 4.4.2.1. Pembersihan Data Tidak Menyeluruh

Pembersihan data adalah proses untuk menyingkir dan membetulkan data yang mempunyai ralat, tidak konsisten dan rekod bertindih bagi memastikan hanya data yang diperlukan sahaja disimpan di dalam pangkalan data. Berdasarkan Sijil Akuan Penerimaan Pengguna atau *User Acceptance Test*, pembersihan data telah siap dilaksanakan oleh pembekal pada 1 Julai hingga 30 Ogos 2008 di MPD dan 1 hingga 20 Mac 2008 di MDM. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih terdapat data yang bukan milik MPD dan MDM di dalam pangkalan data di Sistem ePBT masing-masing. Berdasarkan alamat, data-data berkenaan adalah kepunyaan Majlis Daerah Kinta Selatan (MDKS) di Perak. Punca data tersebut berada di dalam pangkalan data ini adalah disebabkan perpindahan pangkalan data yang mengandungi data-data daripada MDKS di Perak yang merupakan projek perintis Sistem ePBT. Berdasarkan maklum balas, MDM dan MPD telah melaksanakan pembersihan data. Contoh data berkenaan adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Data Majlis Daerah Kinta Selatan (MDKS) Dalam Data ePBT MDM**

Bil.	No. Daftar	No. Baucar	Keterangan	Amaun (RM)
1.	125	A001039/2007	Bayaran bekalan bahan api untuk MDKS, Kampar bagi tempoh 22 hingga 26 Mei 2007 seperti penyata berkepil.	1,648.86
2.	36	A000472/2007	Bayaran bekalan bahan api untuk MDKS, Kampar bagi tempoh 5 hingga 8 Mac 2007 seperti penyata berkepil.	1,218.56
3.	37	A000473/2007	Bayaran bekalan bahan api untuk MDKS, Kampar bagi bulan Februari 2007.	2,015.02
4.	38	A000475/2007	Bayaran bil telefon untuk YDP MDKS, Kampar bagi tempoh 24 Januari 2007 hingga 23 Februari 2007.	158.14
5.	39	A000476/2007	Bayaran bil telefon untuk MDKS, Kampar bagi bulan Februari 2007 seperti penyata berkepil.	973.63

Sumber: MDM

### 4.4.2.2. Sistem Tidak Mempunyai Jejak Audit

Sesuatu sistem yang dibangunkan hendaklah mempunyai jejak audit bagi merekod maklumat transaksi seperti tarikh, masa, lokasi, pengguna dan aktiviti yang dijalankan termasuk perubahan kepada sistem aplikasi. Semakan Audit mendapati Sistem ePBT tidak mempunyai jejak audit. Ini menyebabkan transaksi yang diproses dan aktiviti pengguna sistem tidak dapat dikenal pasti oleh PBT. Berdasarkan maklum balas MPD dan MDM, jejak audit telah disediakan di dalam pangkalan data ePBT yang boleh dicapai oleh pentadbir pangkalan data. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati jejak audit tersebut kurang lengkap kerana tidak menunjukkan tarikh, masa dan aktiviti pengguna tentang perubahan maklumat yang dilakukan.

**Pada pendapat Audit, pembersihan data tidak dilakukan dengan sempurna dan tidak ada kawalan dalam penggunaan sistem.**

#### **4.4.3. Kawalan Capaian Logikal**

*Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook* (MyMIS) menetapkan kawalan capaian logikal perlu diwujudkan bagi mengawal tahap capaian pengguna ke atas sistem dan memastikan keutuhan serta integriti data terpelihara. Semakan Audit terhadap kawalan capaian logikal mendapati:

##### **4.4.3.1. Polisi Pemberian Capaian Tidak Ditetapkan**

Pemberian had capaian kepada sistem hendaklah ditetapkan oleh Ketua Jabatan dan perkara ini perlu dijelaskan di dalam polisi pemberian had capaian. Semakan Audit mendapati tidak ada polisi yang ditetapkan bagi menentukan had capaian di dalam Sistem ePBT dan tidak ada surat penurunan kuasa secara bertulis daripada Yang Dipertua. Di MPD dan MDM, pemberian had capaian kepada sistem ditetapkan oleh pentadbir sistem iaitu Pegawai Teknologi Maklumat yang mempunyai had capaian terhadap semua aktiviti dalam Sub Sistem Kutipan dan Perakaunan. Setelah teguran Audit, tindakan telah diambil oleh Auditi bagi mengatasi perkara tersebut. Borang permohonan capaian Sistem ePBT bagi MPD disemak oleh Pentadbir Sistem dan disahkan oleh Setiausaha Majlis manakala di MDM borang permohonan tersebut disemak dan disahkan oleh Penolong Akauntan.

##### **4.4.3.2. Tahap Capaian Tidak Ditetapkan**

Setiap pengguna diberi kebenaran untuk membuat capaian ke atas sistem bagi melakukan operasi. Bagaimanapun, tahap penggunaannya perlu dikawal dengan menetapkan tahap capaian yang berbeza bagi setiap peringkat pengguna contohnya ketua bahagian dan kakitangan bawahan. Semakan Audit mendapati capaian akses bagi ketua bahagian dan kakitangan bawahan di Bahagian Perbendaharaan dan Kutipan di MPD adalah sama.

##### **4.4.3.3. Penetapan Kata Laluan Yang Tidak Dipatuhi**

Mengikut MyMIS, saiz kata laluan hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya 8 aksara dan *encrypted* serta perlu ditukar sekurang-kurangnya sekali sebulan bagi mengurangkan risiko berlakunya capaian yang tidak dibenarkan terhadap sistem. Semakan Audit dan temu bual dengan pentadbir sistem terhadap pematuhan MyMIS berkaitan dengan kata laluan mendapati ianya tidak dipatuhi. Kata laluan yang ditetapkan bagi pengguna di kaunter hasil MPD ialah 3 aksara. Manakala bagi MDM pula, kata laluan yang ditetapkan ialah 3 hingga 5 aksara. Selain itu, didapati juga kata laluan tersebut tidak pernah ditukar semenjak kakitangan ditempatkan di bahagian berkenaan. Berdasarkan maklum balas MPD dan MDM, tindakan telah diambil bagi menetapkan kata laluan minimum 8 aksara dengan kombinasi huruf dan nombor.

**Pada pendapat Audit, kawalan capaian logikal adalah kurang memuaskan. Capaian kepada sistem perlu dikawal bagi mengelakkan daripada berlakunya penyalahgunaan kuasa serta memudahkan pihak Majlis mengenal pasti siapa yang bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.**

#### **4.4.4. Pelan Kesinambungan Perkhidmatan**

Pelan Kesinambungan Perkhidmatan atau *Business Continuity Plan* (BCP) adalah pelan atau prosedur yang ditetapkan bagi memastikan Sistem ePBT kembali beroperasi seperti sediakala sekiranya berlaku sebarang bencana. Pelan ini antaranya meliputi pengurusan pelan pemulihan bencana dan *backup* data. Semakan Audit mendapati MPD dan MDM tidak mempunyai pelan pemulihan bencana. Bagaimanapun di MPD, *backup* data ada disimpan dalam bentuk cakera padat dan cakera keras oleh pentadbir sistem di bangunan yang sama. Manakala di MDM pula, penyimpanan *backup* data dibuat dalam bentuk cakera padat dan cakera keras di bangunan berlainan serta di dalam komputer riba pentadbir sistem. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tindakan telah diambil dengan menyimpan *backup* data di bangunan berasingan iaitu di bilik kawalan *Closed Circuit Television* (CCTV) oleh MPD dan di bangunan penguat kuasa oleh MDM.

**Pada pendapat Audit, bagi menjamin kesinambungan operasi Sistem ePBT, pelan pemulihan bencana perlu disediakan oleh semua PBT.**

#### **4.4.5. Pengurusan Perkakasan Sistem ePBT**

Mengikut baucar bayaran bertarikh 21 Ogos 2008, sejumlah RM936,000 telah dibayar oleh Kerajaan Negeri bagi membekalkan perkakasan Sistem ePBT. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM158,417 merupakan kos perkakasan Sistem ePBT yang dibekalkan ke MPD dan MDM seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6**  
**Perkakasan Sistem ePBT Yang Diterima Daripada Pembekal**

Bil.	Perkakasan	MPD	MDM	Jumlah (RM)
		(Unit)		
1.	Server	1	1	44,339
2.	Server Rack	1	1	15,600
3.	Rack Mount Tape Drive	1	1	12,200
4.	Desktop PC	5	5	45,000
5.	Laser Printer	1	1	4,000
6.	Dot Matrix printer	1	1	13,378
7.	Slip Printer	2	2	6,400
8.	Receipt Printer	1	1	1,700
9.	Barcode Scanner	2	2	3,200
10.	Server UPS/APC 3000VA	1	1	10,000
11.	Client UPS/APC CS 350	5	5	2,600
<b>Jumlah</b>		<b>21</b>	<b>21</b>	<b>158,417</b>

Sumber: SUK

##### **4.4.5.1. Aset Tidak Didatakan**

Semua aset dan inventori hendaklah didaftarkan oleh Pegawai Aset dengan menggunakan Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3). Semakan Audit mendapati sebanyak 7 unit perkakasan Sistem ePBT di MPD dan 7 unit perkakasan Sistem ePBT di MDM yang bernilai RM94,878 iaitu 60% daripada kos perkakasan yang diterima tidak didaftarkan seperti di **Jadual 4.7**. Keadaan ini berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab tidak menyelenggarakan daftar aset

tersebut dan kurang pemantauan oleh pihak pengurusan telah menyebabkan kewujudan aset sukar untuk dikenal pasti. Pihak Audit dimaklumkan bahawa MDM telah mengambil tindakan mendaftarkan aset-aset berkenaan manakala MPD masih belum mengambil tindakan tersebut.

**Jadual 4.7**  
**Perkakasan Sistem ePBT Yang Tidak Didaktarkan**

Bil.	Perkakasan	MPD	MDM
		Unit	
1.	Server	1	1
2.	Server Rack	1	1
3.	Rack Mount Tape Drive	1	1
4.	Laser Printer	1	-
5.	Dot Matrix printer	-	1
6.	Slip Printer	-	1
7.	Receipt Printer	1	-
8.	Barcode Scanner	1	1
9.	Server UPS/APC 3000VA	1	1
Jumlah		7	7

Sumber: MPD dan MDM

#### 4.4.5.2. Perkakasan Komputer Tidak Disenggarakan

Perkakasan komputer perlu disenggarakan dan direkodkan. Senarai perkakasan komputer yang memerlukan penyenggaraan hendaklah direkodkan dalam Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13) dan penyenggaraan yang dijalankan hendaklah direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14). Semakan Audit mendapati MPD tidak menyelenggarakan daftar KEW.PA-13 dan KEW.PA-14 bagi merekodkan penyenggaraan yang dijalankan. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penyenggaraan perkakasan komputer telah dibuat kerana tiada dokumen lain dikemukakan. Bagaimanapun, di MDM penyenggaraan ada dibuat dan direkodkan dengan menggunakan Borang PK-BPTM-01-R2 mengikut *Malaysia Standards - International Organization for Standardization* (MS-ISO).

**Pada pendapat Audit, pengurusan perkakasan Sistem ePBT hendaklah dipertingkatkan dengan merekodkan semua perkakasan yang diterima. Peralatan tersebut perlu diselenggara dan direkodkan sebagaimana kehendak pekeliling yang berkaitan.**

#### 4.4.6. PBT Tidak Dibekalkan Dokumen Teknikal

Dokumen teknikal seperti skop kerja, *Entity Relationship Diagram* (ERD) dan *Data Dictionary* adalah perlu disediakan dalam proses pembangunan sesuatu sistem. Skop kerja adalah meliputi bidang tugas, jenis kerja dan tempoh masa bagi menyiapkan kerja-kerja berkaitan oleh pembekal. Manakala ERD merupakan dokumen teknikal yang menggambarkan hubung kait antara data, ciri-ciri data dan hubungan data dalam proses mereka bentuk pangkalan data. *Data Dictionary* pula menerangkan maksud kandungan data iaitu jenis data, sumber data dan saiz data. Penyediaan dokumen teknikal seperti ERD dan *Data Dictionary* adalah bertujuan untuk memahami secara keseluruhan semua proses aliran di dalam sistem ini.

Semakan Audit mendapati MPD dan MDM tidak dibekalkan dokumen teknikal oleh Pejabat SUK. Kesannya, pentadbir sistem tidak dapat memastikan kerja yang dilaksanakan oleh pembekal adalah mengikut skop kerja yang ditetapkan dan pentadbir sistem juga tidak mengetahui dengan jelas fungsi setiap data yang diwujudkan di pangkalan data. Di samping itu, ia akan menyebabkan kesukaran terhadap pegawai yang mengambil alih untuk mengenal pasti *functionality* dan aliran proses sistem yang telah dibangunkan. MPD dan MDM memaklumkan bahawa kakitangan sokongan daripada pembekal sentiasa berada di PBT sepanjang tempoh pelaksanaan sehingga bulan September 2009. Selain itu, peratusan keseluruhan pelaksanaan Sistem ePBT yang telah dipersetujui bersama iaitu sebanyak 75% telah pun mengambil kira dokumen teknikal yang tidak dibekalkan.

**Pada pendapat Audit, dokumen teknikal perlu dibekalkan supaya pelaksanaan Sistem ePBT dapat dipantau sepenuhnya. Ini kerana tanpa dokumen tersebut, pentadbir sistem sukar untuk memahami dan menguruskan pelaksanaan sistem ini.**

#### 4.4.7. Analisis Keberkesanan Penggunaan Sistem ePBT

4.4.7.1. Jabatan Audit Negara telah mengedarkan soal selidik kepada 50 responden yang terdiri daripada ketua bahagian hingga pengurusan atasan dan pengguna Sistem ePBT bagi menilai keberkesanan sistem. Analisis Audit terhadap soal selidik adalah seperti di **Jadual 4.8** dan **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.8**  
**Analisis Soal Selidik Terhadap Pihak Pengurusan**

Bil.	Perkara	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Sistem ePBT mesra pengguna.	47	53
2.	Prosedur menggunakan modul dalam sistem telah difahami.	41	59
3.	Sistem ePBT telah memenuhi kehendak dan keperluan bagi PBT.	35	65
4.	Laporan yang dijana telah meliputi semua maklumat yang diperlukan.	29	71
5.	Pemantauan dijalankan oleh BKT di PBT.	24	76

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 4.9**  
**Analisis Soal Selidik Terhadap Pengguna**

Bil.	Perkara	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Manual pengguna sistem mudah difahami, lengkap dan jelas tentang pelaksanaan sistem.	30	70
2.	Pengguna tidak terlatih menggunakan Sistem ePBT.	73	27
3.	Pengguna masih memerlukan latihan dan tunjuk ajar bagi menggunakan sistem.	97	3
4.	Pengguna kerap menghadapi masalah semasa menggunakan sistem.	85	15
5.	Masalah pengguna dikendalikan dengan pantas oleh pentadbir sistem.	52	48
6.	Pengguna berpuas hati dengan penggunaan Sistem ePBT.	61	39

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.4.7.2. Berdasarkan kepada **Jadual 4.8** di atas, didapati 71% hingga 76% pihak pengurusan bersetuju bahawa laporan yang dijana tidak meliputi semua maklumat yang diperlukan dan tidak ada pemantauan dijalankan oleh BKT di PBT. **Jadual 4.9** pula

menunjukkan didapati 73% hingga 97% pengguna masih memerlukan latihan serta kerap menghadapi masalah semasa menggunakan sistem ini.

#### **4.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan tidak berulang lagi pada masa akan datang, pihak Audit mengesyorkan beberapa perkara berikut:

- 4.5.1. Pejabat SUK perlu membekalkan dokumen teknikal kepada PBT yang terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap terma dan syarat kontrak.
- 4.5.2. Pejabat SUK perlu memastikan sistem dapat digunakan sepenuhnya.
- 4.5.3. MPD dan MDM perlu memastikan integriti dan kesahihan data tidak diragui.
- 4.5.4. MPD dan MDM perlu mempertingkatkan pengurusan aset selaras dengan pekeliling yang berkaitan.
- 4.5.5. Pejabat SUK perlu memastikan latihan secukupnya diberikan kepada pentadbir sistem dan pengguna sistem.
- 4.5.6. Pejabat SUK perlu mewujudkan pelan kesinambungan perkhidmatan bagi memastikan Sistem ePBT tidak tergendala sekiranya berlaku sebarang bencana.

## PEJABAT TANAH MARANG

### **5. PENGURUSAN TUKAR SYARAT TANAH**

#### **5.1. LATAR BELAKANG**

5.1.1. Pejabat Tanah Marang (PTM) melaksanakan tugas pentadbiran dan pengurusan tanah seperti tukar syarat tanah, pemberimilikan tanah dan pengambilan balik tanah bagi Daerah Marang berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Peraturan Tanah Terengganu 1966 dan undang-undang serta peraturan lain yang berkaitan. Seksyen 52(1) KTN menetapkan jenis penggunaan tanah terbahagi kepada 3 kategori iaitu pertanian, bangunan dan perindustrian. Manakala Seksyen 124 KTN memberi kebenaran kepada tuan punya tanah memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk menukar syarat penggunaan tanah iaitu melibatkan perubahan daripada tanah kategori pertanian kepada pertanian, pertanian kepada bangunan dan pertanian kepada perindustrian. Mengikut Seksyen 125 hingga 129 KTN pula, PBN boleh mengambil tindakan melucutkan hak tanah kepada pemilik tanah yang melakukan pelanggaran syarat penggunaan tanah.

5.1.2. Bagi tempoh Januari 2008 hingga Disember 2010, jumlah permohonan tukar syarat tanah yang diterima adalah sebanyak 733 dan sebanyak 342 telah diluluskan. Sejumlah RM2.16 juta pula telah dikutip oleh PTM daripada bayaran premium tukar syarat tanah iaitu 8.6% daripada keseluruhan hasil PTM yang berjumlah RM25.13 juta.

#### **5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Tukar Syarat Tanah telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

#### **5.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pengurusan Tukar Syarat Tanah di PTM bagi tahun 2008 hingga bulan April 2010. Skop pengauditan dibuat setakat bulan April 2010 disebabkan hanya permohonan sehingga bulan tersebut yang dapat diselesaikan semasa pengauditan dijalankan pada bulan Ogos 2010. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen permohonan tukar syarat tanah yang dipilih secara rawak. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai serta lawatan ke kawasan yang terlibat turut diadakan.

#### **5.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan tukar syarat tanah boleh dipertingkatkan lagi dengan mengatasi beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti penyelesaian permohonan mengambil masa lebih dari tempoh 4 bulan yang ditetapkan, pelanggaran syarat penggunaan tanah tidak

diambil tindakan dan nilai semula tanah tidak dibuat bagi tanah yang telah tamat tempoh nilai. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

#### 5.4.1. Prestasi Pencapaian

Bagi tahun 2008 hingga 2010, PTM telah memproses sebanyak 805 permohonan tukar syarat tanah iaitu sebanyak 733 permohonan dalam tempoh yang sama dan 72 baki permohonan yang belum selesai pada awal tahun 2008. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 342 atau 42.5% permohonan telah diluluskan, 127 atau 15.8% permohonan telah ditolak oleh Pentadbir Tanah atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan 336 atau 41.7% permohonan belum diselesaikan. Antara sebab permohonan tukar syarat tanah ditolak ialah tanah tidak ekonomik untuk dimajukan atau tanah terlibat dengan zon pertanian dan/atau sistem perparitan. Maklumat lengkap mengenai bilangan permohonan yang diproses dalam tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Permohonan Tukar Syarat Tanah Yang Diproses Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Bilangan Permohonan			Jumlah
		2008	2009	2010	
1.	Baki Permohonan Belum Selesai Tahun Sebelum	72	173	285	
2.	Permohonan Diterima Dalam Tahun	214	267	252	733
3.	Permohonan Diluluskan Dalam Tahun	85	138	119	342
4.	Permohonan Ditolak Dalam Tahun	28	17	82	127
5.	Permohonan Belum Selesai Pada Akhir Tahun	173	285	336	

Sumber: Pejabat Tanah Marang

#### 5.4.2. Proses Permohonan Tukar Syarat Tanah Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

5.4.2.1. Mengikut Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (PTG) Bil. 1 Tahun 1993, proses tukar syarat tanah hendaklah diselesaikan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh permohonan diterima sehingga keputusan dimaklumkan kepada pemohon seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Tempoh Proses Permohonan Tukar Syarat Tanah**

Bil.	Proses	Tempoh (Minggu)
1.	PTM memproses permohonan yang diterima	2
2.	Ulasan daripada Jabatan Teknikal	4
3.	PTM menyediakan kertas pengesyoran kepada PTG	2
4.	PTG menyemak kertas pengesyoran dan mengemukakan kepada MMKN	2
5.	MMKN membuat keputusan dan memaklumkan kepada PTG	4
6.	PTM menghantar keputusan kepada pemohon	2
<b>Jumlah Masa Diambil</b>		<b>16</b>

Sumber: Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Bil. 1 Tahun 1993

5.4.2.2. Semakan Audit terhadap 121 fail permohonan tukar syarat tanah mendapat 94 permohonan tukar syarat tanah telah selesai diproses. Analisis terhadap 94 permohonan tersebut mendapat hanya 6 permohonan atau 6.4% telah dapat diselesaikan dalam tempoh 4 bulan dan 88 permohonan atau 93.6% telah lewat diselesaikan dari tempoh 4 bulan yang ditetapkan seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Bilangan Permohonan Yang Diluluskan Mengikut Tempoh Masa**

Bil.	Tempoh Masa	Bilangan Permohonan	Peratus (%)
1.	Dalam Tempoh 4 Bulan	6	6.4
2.	Lebih 4 Hingga 6 Bulan	32	34.0
3.	Lebih 6 Hingga 12 Bulan	50	53.2
4.	Lebih 12 Bulan	6	6.4
<b>Jumlah</b>		<b>94</b>	<b>100</b>

Sumber: Pejabat Tanah Marang

5.4.2.3. PTM memaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Kualiti Pejabat-pejabat Tanah Negeri Terengganu telah bersetuju supaya permohonan tukar syarat tanah diselesaikan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh permohonan diterima sehingga Kertas Pengesyoran dihantar kepada PTG. Pihak Audit berpendapat keputusan ini adalah bertentangan dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh PTG.

5.4.2.4. Semakan Audit selanjutnya mendapat kelewatkan proses permohonan berlaku di beberapa peringkat seperti berikut:

**a. Kelewatan Ulasan Daripada Jabatan Teknikal**

- i. Setiap permohonan tukar syarat tanah memerlukan ulasan daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan sebelum dibawa kepada mesyuarat MMKN untuk keputusan. Jabatan Teknikal yang terlibat ialah Majlis Daerah Marang (MDM), Jabatan Kerja Raya Daerah Marang (JKR), Jabatan Pertanian Daerah Marang (JP), Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Kuala Terengganu/Marang (JPS), Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD).
- ii. Surat PTM kepada JP menyatakan ulasan hendaklah diberi dalam masa sebulan dari tarikh surat dikeluarkan dan sekiranya ulasan tidak diterima dalam tempoh ditetapkan, maka PTM beranggapan pihak JP tidak mempunyai sebarang halangan terhadap permohonan tukar syarat tanah. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan mesyuarat MMKN masih memerlukan ulasan secara bertulis daripada JP kerana ia merupakan arahan Kerajaan Negeri di samping memelihara Dasar Pertanian Negara. Manakala surat PTM kepada lain-lain Jabatan Teknikal pula tidak menetapkan tempoh sepatutnya ulasan dikemukakan kepada PTM. Analisis Audit terhadap tempoh masa yang diambil oleh Jabatan Teknikal untuk memberi ulasan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Tempoh Masa Yang Diambil Oleh Jabatan Teknikal Untuk Memberi Ulasan**

Bil.	Tempoh (Hari)	Bilangan Permohonan					
		MDM	JP	JKR	JPS	JPPH	JPBD
1.	Kurang 30	8	10	64	11	94	115
2.	31 Hingga 90	95	27	52	39	21	3
3.	91 Hingga 120	3	14	5	13	2	1
4.	Lebih 120	4	18	-	22	2	1
5.	Tiada Maklum Balas	10	42	-	35	2	1
<b>Jumlah</b>		<b>120*</b>	<b>111*</b>	<b>121</b>	<b>120*</b>	<b>121</b>	<b>121</b>

Sumber: Pejabat Tanah Marang

\*Nota: Jumlah bilangan ulasan teknikal kurang daripada 121 sampel kerana ada permohonan tidak memerlukan ulasan daripada Jabatan Teknikal berkenaan.

- iii. Berdasarkan kepada **Jadual 5.4** di atas, daripada 121 permohonan yang dikemukakan kepada JPBD dan JPPH didapati 115 dan 94 permohonan masing-masing telah diberi ulasan dalam tempoh satu bulan yang ditetapkan. Bagaimanapun, daripada 120 permohonan yang dikemukakan kepada MDM dan JPS didapati 8 dan 11 permohonan masing-masing telah diberi ulasan dalam tempoh ditetapkan. Selain itu, daripada 111 permohonan yang dikemukakan kepada JP didapati 10 permohonan telah diberi ulasan dalam tempoh ditetapkan.

#### b. Kelemahan PTM Memantau Ulasan Daripada Jabatan Teknikal

Pihak Audit dimaklumkan, PTM masih memerlukan ulasan secara bertulis daripada Jabatan Teknikal terutamanya JP. Semakan Audit mendapati PTM kurang membuat pemantauan terhadap permohonan yang belum mendapat ulasan dan mengambil masa yang lama untuk menghantar surat peringatan iaitu antara 90 hingga 242 hari seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Tempoh Surat Peringatan Dikeluarkan Kepada Jabatan Teknikal**

Bil.	No. Fail	Jabatan Teknikal	Tarikh Surat		Tempoh Kelewatan (Hari)	Tarikh Ulasan Diterima
			Mohon Ulasan	Peringatan		
1.	PTM.02/40/2008/0005	JP	19.02.2008	18.11.2008	242	03.12.2008
2.	PTM.06/40/2008/0034	JP	25.11.2008	22.06.2009	179	02.12.2009
3.	PTM.05/40/2008/0036	JP	25.11.2008	22.06.2009	179	12.04.2010
4.	PTM.03/40/2009/0002	JPS	11.03.2009	13.09.2009	156	30.11.2009
5.	PTM.02/40/2009/0030	JPPH	22.04.2009	13.09.2009	114	13.10.2009
6.	PTM.03/40/2009/0004	JPS	22.04.2009	13.09.2009	114	02.12.2009
7.	PTM.06/40/2009/0014	JPS	28.04.2009	13.09.2009	108	02.12.2009
8.	PTM.06/40/2009/0009	JP	09.02.2009	22.06.2009	103	02.12.2009
9.	PTM.02/40/2009/0035	JPS	12.05.2009	09.09.2009	90	02.12.2009

Sumber: Pejabat Tanah Marang

**c. Permohonan Yang Belum Mendapat Ulasan Tidak Dibincangkan Semula Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal**

PTM telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal yang bertujuan untuk mempercepatkan proses permohonan tukar syarat tanah selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Tanah, Galian Dan Perhutanan Negeri pada 31 Januari 1993. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pentadbir Tanah Marang dan ahlinya terdiri daripada pegawai Jabatan Teknikal. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan bagi membincangkan ulasan dan pandangan terhadap permohonan tukar syarat tanah yang masih belum mendapat ulasan daripada Jabatan Teknikal. Semakan Audit mendapati permohonan yang belum mendapat ulasan tidak dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada bulan berikutnya sehingga selesai.

**d. Kelewatan Membuat Keputusan Permohonan Tukar Syarat Tanah**

Berdasarkan Pekeliling PTG Bil. 1 Tahun 1993, tempoh masa yang ditetapkan bagi membuat keputusan permohonan tukar syarat tanah adalah selama 6 minggu iaitu dari Kertas Pengesyoran dikemukakan ke PTG sehingga keputusan MMKN dibuat. Semakan Audit mendapati 12 daripada 121 permohonan belum dibawa ke mesyuarat MMKN. Analisis terhadap 109 permohonan yang telah dibawa ke mesyuarat MMKN mendapati 10 permohonan atau 9.2% telah dibuat keputusan dalam tempoh 6 minggu seperti yang ditetapkan dan 99 permohonan atau 90.8% lewat dibuat keputusan seperti di **Jadual 5.6**.

**Jadual 5.6**  
**Tempoh Masa Diambil Oleh MMKN Untuk Membuat Keputusan**

Bil.	Tempoh Masa	Bilangan Permohonan	Peratus (%)
1.	Dalam Tempoh 6 Minggu	10	9.2
2.	Lebih 6 Hingga 12 Minggu	91	83.5
3.	Lebih 12 Hingga 24 Minggu	8	7.3
<b>Jumlah</b>		<b>109</b>	<b>100</b>

Sumber: Pejabat Tanah Marang

**e. Keputusan Lewat Dikemukakan Kepada Pemohon**

i. Pekeliling PTG Bil. 1 Tahun 1993 menetapkan PTM hendaklah mengemukakan keputusan permohonan kepada pemohon dalam tempoh 2 minggu dari tarikh MMKN membuat keputusan. Semakan Audit mendapati 15 daripada 109 permohonan yang telah diputuskan oleh MMKN tidak dapat ditentukan tarikh notis disampaikan kepada pemohon. Analisis Audit terhadap baki 94 permohonan yang telah diputuskan dalam mesyuarat MMKN mendapati 59 pemohon atau 62.8% telah dimaklumkan keputusan dalam tempoh 2 minggu manakala 35 pemohon atau 37.2% lewat dimaklumkan keputusan seperti di **Jadual 5.7**.

**Jadual 5.7**  
**Notis Keputusan Dihantar Kepada Pemohon**

Bil.	Tempoh Masa	Bilangan Permohonan	Peratus (%)
1.	Dalam Tempoh 2 Minggu	59	62.8
2.	Lebih 2 Hingga 4 Minggu	21	22.3
3.	Lebih 4 Hingga 6 Minggu	9	9.6
4.	Lebih 6 Minggu	5	5.3
<b>Jumlah</b>		<b>94</b>	<b>100</b>

Sumber: Pejabat Tanah Marang

- ii. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan penyampaian keputusan tukar syarat tanah kepada pemohon adalah disebabkan PTM mempunyai kekosongan 2 daripada 4 jawatan Penghantar Notis dan bebanan tugas Pembantu Tadbir yang mengendalikan pengurusan tukar syarat tanah. PTM telah mengambil tindakan memohon pengisian jawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan tetapi sehingga kini tiada pengisian dibuat.

**Pada pendapat Audit, penyelesaian tukar syarat tanah dalam tempoh 4 bulan adalah tidak memuaskan kerana hanya 6 daripada 94 permohonan atau 6.4% dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut. Kelewatan ini berlaku melibatkan di semua peringkat iaitu di Jabatan Teknikal, PTG, MMKN dan PTM. Permohonan tukar syarat tanah boleh diselesaikan dalam tempoh 4 bulan sekiranya PTM meningkatkan pemantauan terhadap ulasan daripada Jabatan Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal.**

#### **5.4.3. Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah**

5.4.3.1. Tanah tidak boleh dibangunkan bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan di dalam dokumen hak milik tanah. Seksyen 127 KTN membenarkan tindakan seperti melucutkan hak tanah kepada pemilik tanah yang melakukan pelanggaran syarat penggunaan tanah. Tugas penguatkuasaan di PTM adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Penguatkuasa. Lawatan Audit pada 22 dan 23 Ogos 2010 bersama pegawai Bahagian Penguatkuasa ke 30 lot tanah mendapati berlaku 9 kes pelanggaran syarat penggunaan tanah seperti berikut:

- a. Tiga lot tanah telah dibangunkan walaupun permohonan tukar syarat tanah tidak diluluskan seperti di **Jadual 5.8** dan **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.3**.

**Jadual 5.8**  
**Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah**

Bil.	No. Dokumen Hak Milik	No. Lot	Syarat Nyata Kegunaan Tanah	Kegunaan Tanah Sebenar
1.	GM 935	Lot 7774	Getah	Kilang Atap
2.	GM 3740	Lot 10636	Padi	Bangunan (Perniagaan)
3.	GRN 1683	Lot 992	Bangunan (Kediaman)	Bangunan (Burung Walet)

Sumber: Pejabat Tanah Marang

**Gambar 5.1**  
**Tanah Syarat Nyata Getah Dibangunkan**  
**Kilang Atap**



22/08/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 7774/ GM935 Bukit Payong, Marang  
Tarikh: 22 Ogos 2010

**Gambar 5.2**  
**Tanah Syarat Nyata Padi Dibangunkan**  
**Bangunan (Perniagaan)**



22/08/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 10636/GM3740 Bukit Payong, Marang  
Tarikh: 22 Ogos 2010

**Gambar 5.3**  
**Tanah Syarat Nyata Bangunan (Kediaman)**  
**Dibangunkan Bangunan (Burung Walet)**



22/08/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 992/GRN 1683 Alor Limbat, Marang  
Tarikh: 22 Ogos 2010

- b. Satu lot tanah iaitu Lot 2712, syarat nyata asal ialah ‘kampung’ telah diusahakan dengan tanaman pokok getah seperti di **Gambar 5.4**. Permohonan tukar syarat tanah ini telah diluluskan tetapi terbatal kerana pemohon tidak membayar premium yang ditetapkan.

**Gambar 5.4**  
**Tanah Syarat Nyata Kampung Yang**  
**Ditanam Dengan Pokok Getah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2712/GM3629 Alor Limbat, Marang  
Tarikh: 22 Ogos 2010

- c. Lima lot tanah telah dibangunkan walaupun tidak membuat permohonan tukar syarat tanah seperti di **Jadual 5.9** dan **Gambar 5.5** hingga **Gambar 5.9**.

**Jadual 5.9**  
**Pelanggaran Syarat Penggunaan Tanah**

Bil.	No. Dokumen Hak Milik	No. Lot	Syarat Nyata Kegunaan Tanah	Kegunaan Tanah Sebenar
1.	GM 4341	Lot 83	Kampung	Chalet
2.	GM 7105	Lot 2795	Kampung	Bangunan (Burung Walet)
3.	GM 5110	Lot 5813	Padi	Kelapa Sawit
4.	GM 193	Lot 1893	Bangunan (Rumah Kediaman)	Bangunan (Burung Walet)
5.	GM 683	Lot 2082	Bangunan (Rumah Kediaman)	Bangunan (Perniagaan Dan Burung Walet)

Sumber: Pejabat Tanah Marang

**Gambar 5.5**  
**Tanah Syarat Nyata Kampung Dibangunkan Chalet**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 83/GM 4341 Rhu Muda, Marang  
Tarikh: 23 Ogos 2010

**Gambar 5.6**  
**Tanah Syarat Nyata Kampung Dibangunkan Bangunan (Burung Walet)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2795/GM 7105 Bukit Gasing, Marang  
Tarikh: 23 Ogos 2010

**Gambar 5.7**  
**Tanah Syarat Nyata Padi Ditanam**  
**Kelapa Sawit**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 5813/GM 5110 Sungai Serai, Marang  
Tarikh: 22 Ogos 2010

**Gambar 5.8**  
**Tanah Syarat Nyata Bangunan**  
**(Rumah Kediaman) Dibangunkan**  
**Bangunan (Burung Walet)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 1893/GM 193 Bukit Gasing, Marang  
Tarikh: 23 Ogos 2010

**Gambar 5.9**  
**Tanah Syarat Nyata Tapak Rumah Kediaman**  
**Dibangunkan Bangunan (Perniagaan Dan**  
**Burung Walet)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2082/GM 683 Sungai Serai, Marang  
Tarikh: 23 Ogos 2010

5.4.3.2. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan 9 lot tanah di Pulau Kapas telah melanggar syarat penggunaan tanah kerana telah dibangunkan chalet di mana syarat nyata tanah tersebut adalah 'Kampung/Tapak Rumah' seperti di **Jadual 5.10**.

**Jadual 5.10**  
**Chalet Di Pulau Kapas Yang Belum Membuat Permohonan Tukar Syarat Tanah**

Bil.	No. Dokumen Hak Milik	No. Lot	Keluasan Tanah (Hektar)	Syarat Nyata Tanah
1.	GM 1094	Lot 55	0.3136	Kampung
2.	GM 3460	Lot 30	0.2833	Kampung
3.	GM 3341	Lot 86	0.7207	Kampung
4.	GM 3338	Lot 85	0.1263	Kampung
5.	GM 3331	Lot 82	0.4905	Kampung
6.	GM 3330	Lot 81	0.4553	Kampung
7.	GM 1675	Lot 41	0.3691	Kampung
8.	GM 2358	Lot 43	0.2529	Kampung
9.	GM 1101	Lot 3325	0.2927	Tapak Rumah

*Sumber: Pejabat Tanah Marang*

5.4.3.3. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, PTM telah mengambil tindakan dengan menghantar notis kepada pemilik tanah di Pulau Kapas supaya membuat permohonan tukar syarat tanah. PTM memaklumkan tindakan terhadap kesalahan pelanggaran syarat tanah belum diambil kerana Bahagian Penguatkuasa mempunyai 5 pegawai dan lebih menumpukan kepada kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN (Pendudukan secara tak sah dan lain-lain tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan) di mana kesalahan tersebut sering dilaporkan dan memerlukan tindakan segera. Bahagian Penguatkuasa juga dalam perancangan untuk memulakan tindakan di bawah kesalahan pelanggaran syarat tanah bagi memastikan pihak Kerajaan Negeri memperoleh cukai tanah yang sepatutnya dibayar oleh pemilik.

5.4.3.4. Semakan Audit mendapati penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat penggunaan tanah tidak dinyatakan dalam bidang tugas Bahagian Penguatkuasa. Bagaimanapun, tanggungjawab penguatkuasaan tanah ada dinyatakan dalam Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008. Pihak Audit berpendapat tanggungjawab penguatkuasaan hendaklah dinyatakan dalam bidang tugas Bahagian Penguatkuasa bagi memastikan tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, pelanggaran syarat penggunaan tanah boleh menjaskan program pembangunan tanah yang telah ditetapkan di samping merugikan Kerajaan Negeri dari segi premium tambahan yang dikenakan. PTM hendaklah mengambil tindakan segera terhadap pemilik tanah yang melanggar syarat penggunaan tanah.**

#### **5.4.4. Nilaian Tanah Yang Tamat Tempoh Tidak Dibuat Nilaian Semula**

5.4.4.1. Prosedur tukar syarat tanah menetapkan semua permohonan tukar syarat tanah hendaklah dibuat penilaian harga tanah oleh JPPH bagi tujuan pengiraan premium tambahan yang akan dikenakan. JPPH menetapkan harga tanah yang dinilai boleh diguna pakai selama 6 bulan dari tarikh penilaian dibuat dan tanah hendaklah dinilai semula jika tempoh tersebut tamat. Semakan Audit mendapati tempoh 6 bulan yang ditetapkan oleh JPPH telah tamat bagi 13 daripada 121 permohonan tukar syarat tanah semasa permohonan dikemukakan kepada PTG untuk keputusan MMKN dan didapati

juga tiada permohonan dibuat bagi penilaian semula tanah berkenaan seperti di **Jadual 5.11.**

**Jadual 5.11**  
**Nilaian Tanah Yang Melebihi Tempoh 6 Bulan**

Bil.	No. Dokumen Hak Milik	No. Lot	Tarikh Nilaian Dibuat	Tarikh Hantar Pengesongan Ke PTG	Tempoh
1.	GM 1356	Lot 3620	08.12.2008	14.04.2010	16 bulan 7 hari
2.	GM 4337	Lot 3032	18.12.2008	14.12.2009	11 bulan 27 hari
3.	PM 173	Lot 10853	27.02.2008	07.01.2009	10 bulan 8 hari
4.	GM 6318	Lot 7854	17.02.2009	22.12.2009	10 bulan 3 hari
5.	GM 419	Lot 2494	23.03.2009	03.01.2010	9 bulan 11 hari
6.	GM 572	Lot 2773	05.07.2009	14.04.2010	9 bulan 10 hari
7.	GM 1528	Lot 3119	02.07.2008	26.03.2009	8 bulan 25 hari
8.	GM 506	Lot 1740	19.04.2009	03.01.2010	8 bulan 14 hari
9.	GM 1937	Lot 461	14.05.2008	25.01.2009	8 bulan 12 hari
10.	GM 1224	Lot 1955	03.05.2009	04.01.2010	8 bulan 2 hari
11.	GM 3911	Lot 3741	03.05.2009	17.12.2009	7 bulan 15 hari
12.	HSM 1646	PT3634K	25.05.2009	03.01.2010	7 bulan 9 hari
13.	GM 3609	Lot 4607	31.05.2009	04.01.2010	7 bulan 4 hari

Sumber: Pejabat Tanah Marang

5.4.4.2. PTM memaklumkan setiap nilaian tanah yang tamat tempoh 6 bulan akan dipohon penilaian semula daripada JPPH.

**Pada pendapat Audit, penilaian semula perlu dibuat supaya Kerajaan Negeri boleh mengutip hasil premium tambahan yang lebih tinggi kerana nilai tanah sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.**

## 5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan tukar syarat tanah dapat dipertingkatkan adalah disyorkan supaya PTM melaksanakan perkara berikut:

5.5.1. Proses tukar syarat kegunaan tanah mestilah diselesaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan sebagaimana pekeliling Pejabat Tanah Dan Galian.

5.5.2 PTM perlu memantau ulasan Jabatan Teknikal mengikut tempoh yang ditetapkan dan melaporkannya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal sekiranya Jabatan Teknikal tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan supaya tindakan lanjut dapat diambil.

5.5.3. Kaedah penyelesaian antara PTM dan pemohon dari segi bayaran premium dan denda perlu diadakan bagi menyelesaikan masalah berkaitan pelanggaran syarat kegunaan tanah.

## YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

### 6. PROGRAM JAYA DIRI

#### 6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (Yayasan) telah melaksanakan Program Jaya Diri (PJD) sejak tahun 1995. Program ini telah diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah (Lembaga) Yayasan pada 11 November 1994. Objektif PJD adalah antaranya bagi melahirkan usahawan di kalangan isi rumah miskin dan meningkatkan ekonomi isi rumah yang berpendapatan rendah. Penyertaan dalam PJD diberi keutamaan kepada golongan wanita untuk membantu keluarga dalam usaha menambahkan pendapatan.

6.1.2. PJD menyediakan pinjaman modal kepada isi rumah miskin yang berpendapatan di bawah RM1,500 sebulan. Jumlah pembiayaan pinjaman adalah antara RM1,000 hingga RM8,000 dan pinjaman ini tidak dikenakan sebarang cagaran, penjamin dan faedah. Terdapat 2 skim pinjaman yang diperkenalkan iaitu Skim Bestari dan Skim Hadhari. Skim Bestari menawarkan jumlah pembiayaan pinjaman antara RM1,000 hingga RM3,000 dan kebiasaannya diperuntukkan kepada peserta yang membuat pinjaman bagi kali pertama. Manakala Skim Hadhari memperuntukkan pembiayaan antara RM3,100 hingga RM8,000 kepada peserta yang memohon pinjaman buat kali kedua dan seterusnya. Pengurusan pentadbiran PJD dilaksanakan mengikut pembahagian kawasan parlimen iaitu Parlimen Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

6.1.3. Sehingga tahun 2010, Yayasan telah memberi pinjaman PJD kepada seramai 12,476 peserta dengan jumlah pembiayaan RM28.85 juta dan baki pinjaman PJD yang masih belum dibayar balik adalah sejumlah RM5.65 juta. Bagi tahun 2008 hingga 2010, seramai 3,219 peserta telah mendapat pembiayaan pinjaman PJD sejumlah RM11.28 juta seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Pinjaman Program Jaya Diri Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Bilangan Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)
2008	778	2.85
2009	1,371	4.71
2010	1,070	3.72
<b>Jumlah</b>	<b>3,219</b>	<b>11.28</b>

Sumber: Rekod Pinjaman PJD

## **6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada Program Jaya Diri telah dilaksanakan dengan teratur dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

## **6.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan PJD bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dan Pejabat Yayasan Parlimen Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun, Hulu Terengganu dan Setiu. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen dan rekod berkaitan. Sebanyak 200 sampel fail peserta telah dipilih berdasarkan jumlah pembiayaan tertinggi yang diberi kepada pusat PJD bagi 5 parlimen. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan peserta program serta lawatan ke 57 lokasi juga dijalankan bagi melihat prestasi pelaksanaan PJD.

## **6.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2010 hingga Januari 2011 mendapati secara keseluruhannya PJD telah berjaya membantu meningkatkan ekonomi sebahagian daripada peserta yang menyertainya. Bagaimanapun, beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti peserta mempunyai pinjaman dengan agensi lain, tunggakan bayaran balik pinjaman serta terma dan syarat pinjaman tidak dapat dikuatkuasakan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

### **6.4.1. Prestasi Peserta PJD**

6.4.1.1. Pinjaman PJD bertujuan membantu peserta memulakan atau mengembangkan perniagaan berdasarkan kemahiran, pengalaman dan kelayakan mereka. Antara perniagaan yang dijalankan adalah seperti menjual ikan, menjual burger, kedai runcit, pengusaha kantin, penginapan pelajar, membuat keropok, kedai makan dan ternakan ikan keli dalam sangkar. Lawatan Audit ke 57 lokasi yang dipilih mendapati 44 atau 77.2% peserta masih lagi meneruskan perniagaan mereka seperti di **Gambar 6.1** hingga **Gambar 6.4**.

**Gambar 6.1**  
**Pusat Rawatan Kecantikan Dan Kesihatan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Manir, Kuala Terengganu  
Tarikh: 3 November 2010

**Gambar 6.2**  
**Kedai Menjual Keropok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 November 2010

**Gambar 6.3**  
**Perusahaan Tanaman Cendawan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Cacar, Dungun  
Tarikh: 1 Disember 2010

**Gambar 6.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Cacar, Dungun  
Tarikh: 1 Disember 2010

6.4.1.2. Manakala seramai 13 atau 22.8% peserta tidak lagi meneruskan perniagaan disebabkan masalah seperti tidak mampu bersaing dengan peniaga lain, tidak komited terhadap perniagaan dan masalah kewangan. Semakan Audit mendapati 6 atau 46.2% daripada 13 peserta tersebut mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman PJD berjumlah RM12,733. **Gambar 6.5** hingga **Gambar 6.8** menunjukkan sebahagian daripada perniagaan yang tidak diteruskan.

**Gambar 6.5**  
**Sangkar Ternakan Ikan Keli Yang Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Nibong Stesen, Dungun  
Tarikh: 1 Disember 2010

**Gambar 6.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Nibong Stesen, Dungun  
Tarikh: 1 Disember 2010

**Gambar 6.7**  
**Gerai Burger Yang Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Chendering, Kuala Terengganu  
Tarikh: 27 Oktober 2010

**Gambar 6.8**  
**Mesin Memproses Keropok Tidak Digunakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kampung Wakaf Beruas, Kuala Terengganu  
Tarikh: 28 Tarikh: 28 Oktober 2010

6.4.1.3. Yayasan berusaha memainkan peranan sebagai pembimbing dalam membantu peserta menuju ke arah matlamat yang ingin dicapai. Dalam usaha tersebut, Yayasan memberi latihan kepada peserta dari sumber dalaman dan luaran bagi memberi input serta bimbingan yang bertepatan dengan keperluan peserta. Pada masa yang sama, Yayasan memantau peserta melalui perjumpaan bulanan dan mengadakan lawatan ke tapak perniagaan peserta bagi memastikan peserta menjalankan perniagaan dengan baik.

6.4.1.4. Dalam usaha ini, sebahagian besar peserta ternyata berupaya menjalankan perniagaan dengan baik. Bagaimanapun, terdapat peserta yang gagal disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kurang kemahiran, kurang disiplin, pemilihan lokasi yang tidak sesuai dan lain-lain. Terdapat juga faktor kegagalan yang berkait dengan isu peribadi seperti kematian pasangan, sakit atau kezuruan, perceraian dan sebagainya.

6.4.1.5. Yayasan akan mengambil langkah yang lebih berkesan dalam mengawal dan meningkatkan pencapaian peserta melalui latihan dan pendedahan yang lebih berkesan terhadap peserta, meningkatkan disiplin peserta, mewujudkan mekanisme kawalan dan pemantauan yang lebih berkesan serta meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai Yayasan yang terlibat dalam pelaksanaan PJD.

**Pada pendapat Audit, pinjaman PJD telah berjaya membantu sebahagian peserta dalam melaksanakan perniagaan mereka.**

#### 6.4.2. Peserta Mempunyai Pinjaman Dengan Agensi Lain

6.4.2.1. Yayasan mensyaratkan pemohon PJD adalah merupakan mereka yang bukan peminjam kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) atau Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN). Mekanisme yang digunakan bagi mengesahkan maklumat pemohon adalah melalui siasatan yang dilakukan pegawai pelaksana secara temu bual dengan peserta, kepimpinan masyarakat dan rujukan kepada agensi pinjaman yang terlibat. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 200 sampel fail peserta PJD mendapati 19 atau 9.5% daripada peserta mempunyai pinjaman dengan AIM atau TEKUN sejumlah RM98,000 sebelum mereka meminjam dengan PJD seperti di **Jadual 6.2**.

**Jadual 6.2**  
**Peserta PJD Yang Mempunyai Pinjaman Dengan AIM/TEKUN**

Bil.	Parlimen	Peserta PJD	Pinjaman				Jumlah			
			AIM		TEKUN					
			Peserta	(RM)	Peserta	(RM)				
1.	Kuala Terengganu	74	0	0	9	51,000	9	51,000		
2.	Kuala Nerus	45	0	0	0	0	0	0		
3.	Dungun	28	5	23,000	1	5,000	6	28,000		
4.	Hulu Terengganu	18	0	0	2	15,000	2	15,000		
5.	Setiu	35	2	4,000	0	0	2	4,000		
<b>Jumlah</b>		<b>200</b>	<b>7</b>	<b>27,000</b>	<b>12</b>	<b>71,000</b>	<b>19</b>	<b>98,000</b>		

Sumber: Pengesahan Daripada AIM Dan TEKUN

6.4.2.2. Berdasarkan **Jadual 6.2** di atas, seramai 7 peserta meminjam daripada AIM dan 12 peserta meminjam daripada TEKUN. Analisis selanjutnya mendapati seramai 9 atau 12.2% daripada 74 peserta PJD bagi Parlimen Kuala Terengganu meminjam daripada TEKUN berjumlah RM51,000. Manakala 5 atau 17.9% daripada 28 peserta PJD bagi Parlimen Dungun meminjam daripada AIM berjumlah RM23,000 dan seorang atau 3.6% meminjam daripada TEKUN berjumlah RM5,000. Bagi Parlimen Hulu Terengganu seramai 2 atau 11.1% daripada 18 peserta PJD meminjam daripada TEKUN berjumlah RM15,000 dan bagi Parlimen Setiu seramai 2 atau 5.7% daripada 35 peserta PJD meminjam daripada AIM berjumlah RM4,000.

6.4.2.3. Keadaan tersebut berlaku disebabkan Yayasan tidak mempunyai sebarang perjanjian atau persetujuan rasmi dengan agensi berkenaan bagi menguatkuasakan garis panduan tersebut. Ini menyebabkan Yayasan tidak merujuk semua permohonan peserta kepada agensi berkenaan untuk pengesahan. Selain itu, maklumat yang dikehendaki agak sukar diperoleh dan kurang tepat. Bagi memperkemaskan pengurusan pemilihan

peserta, Yayasan akan mengkaji, mempertingkat dan menambah baik mekanisme penilaian yang digunakan bagi pemilihan peserta.

**Pada pendapat Audit, pengesahan yang dilaksanakan oleh Yayasan perlu dipertingkatkan kerana terdapat peserta PJD yang mempunyai pinjaman dengan agensi lain.**

#### 6.4.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

6.4.3.1. Peserta PJD disyaratkan menubuhkan kumpulan dan pusat bagi menjalankan projek dan membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan. Setiap satu kumpulan terdiri daripada 4 peserta manakala satu pusat terdiri daripada satu hingga 5 kumpulan di kawasan yang terlibat. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 482 pusat PJD telah ditubuhkan bagi 8 parlimen. Kadar dan tempoh bayaran balik pinjaman PJD adalah berdasarkan jadual bayaran balik yang telah ditetapkan seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**  
**Kadar Dan Tempoh Bayaran Balik Pinjaman PJD**

Bil.	Skim Pinjaman	Jumlah Pembayaran (RM)	Bayaran Bulanan (RM)	Bayaran Bulan Terakhir (RM)	Tempoh Bayaran Balik (Bulan)
1.	Bestari I	1,000	66	76	15
2.	Bestari II	1,100 – 1,400	45 – 58	50 – 66	24
3.	Bestari III	1,500 – 2,000	62 – 83	74 – 91	24
4.	Bestari IV	2,100 – 3,000	87 – 125	99 – 140	24
5.	Hadhari	3,100 – 4,000	103 – 133	113 – 146	30
		4,100 – 5,000	113 – 138	125 – 170	36
		5,100 – 6,000	121 – 142	134 – 178	42
6.	Hadhari Jadual 1	6,100 – 8,000	203 – 266	213 – 286	30
7.	Hadhari Jadual 2	6,100 – 8,000	145 – 190	132 – 220	42
8.	Hadhari Jadual 3	6,100 – 8,000	112 – 148	122 – 186	54

Sumber: Jadual Bayaran Balik Pinjaman PJD

6.4.3.2. Bagi memastikan proses bayaran balik pinjaman dilaksanakan secara sistematik dan dalam tempoh yang ditetapkan, peminjam dikehendaki membuat bayaran balik pinjaman kepada pegawai Yayasan pada setiap bulan semasa mesyuarat pusat dijalankan. Sekiranya terdapat peminjam yang tidak dapat menjelaskan bayaran balik pinjaman, kumpulan atau pusat tersebut akan bertanggungjawab membayar balik pinjaman itu bagi pihak peminjam berkenaan. Yayasan juga membuat lawatan yang berterusan ke rumah peserta yang gagal membayar balik pinjaman bagi mengetahui masalah yang dihadapi dan mengeluarkan notis peringatan.

6.4.3.3. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2010, seramai 48 atau 3.4% daripada 1,399 peminjam PJD mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman antara satu hingga 25 bulan yang berjumlah RM45,722 seperti di **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4**  
**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman PJD Sehingga 31 Disember 2010**

Bil.	Parlimen	Jumlah Peminjam	Tunggakan			
			Bilangan Peminjam	Peratus (%)	Jumlah (RM)	Tempoh (Bulan)
1.	Kuala Terengganu	317	18	5.7	35,037	2 – 25
2.	Kuala Nerus	246	3	1.2	2,212	4 – 8
3.	Dungun	428	7	1.6	2,306	1 – 6
4.	Hulu Terengganu	188	1	0.5	800	6
5.	Setiu	220	19	8.6	5,367	1 – 14
<b>Jumlah</b>		<b>1,399</b>	<b>48</b>	<b>3.4</b>	<b>45,722</b>	

Sumber: *Lejar Individu Pinjaman PJD*

6.4.3.4. Berdasarkan **Jadual 6.4** di atas, didapati peminjam PJD bagi Parlimen Kuala Terengganu mempunyai baki tunggakan tertinggi iaitu berjumlah RM35,037 yang melibatkan seramai 18 atau 5.7% daripada 317 peminjam. Analisis selanjutnya mendapati seramai 13 atau 72.2% daripada 18 peminjam tersebut terdiri daripada peserta PJD Pusat Ibu Tunggal Kuala Terengganu yang mempunyai tunggakan antara 2 hingga 25 bulan berjumlah RM31,149. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Yayasan menggunakan budi bicara dalam meluluskan permohonan pinjaman terutamanya kepada peserta dari kalangan ibu tunggal bagi memastikan golongan ini tidak terpinggir disebabkan oleh faktor-faktor teknikal. Bagaimanapun, kelonggaran ini telah mewujudkan masalah dari segi disiplin dan kebertanggungjawaban di kalangan peserta.

6.4.3.5. Antara sebab berlakunya tunggakan bayaran balik pinjaman adalah kerana peminjam tidak dapat mematuhi sepenuhnya jadual bayaran balik pinjaman, perniagaan gagal diteruskan dan sikap peminjam yang tidak bertanggungjawab terhadap bayaran balik pinjaman. Keadaan ini boleh memberi kesan yang kurang baik dan mempengaruhi peminjam lain dari segi bayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan.

6.4.3.6. Bagi mengatasi masalah ini, Yayasan akan menetapkan peraturan yang lebih tegas seperti memperhalus proses pemilihan peserta, menguatkuasakan surat perjanjian pinjaman, mengeluarkan notis peringatan secara konsisten pada peringkat awal keingkaran dan langkah-langkah lain yang sepatutnya.

**Pada pendapat Audit, Yayasan perlu lebih proaktif bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada peminjam terlibat.**

#### **6.4.4. Terma Dan Syarat Pinjaman Tidak Dapat Dikuatkuasakan**

6.4.4.1. Enakmen Yayasan Pembangunan Keluarga 1985, Seksyen 11(1)(i) memperuntukkan bahawa Lembaga berkuasa memberi pinjaman tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut dikenakan. Peminjam perlu menandatangani borang Perakuan Terima Pinjaman Modal PJD dan mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati terma dan syarat yang perlu dipatuhi oleh peminjam tidak dinyatakan dalam borang tersebut atau dilampirkan bersamanya. Terma dan syarat pinjaman hanya dimaklumkan secara lisan kepada peminjam semasa

Latihan Dalam Kumpulan (LDK) diadakan. Selain itu, pihak Audit mendapati perjanjian pinjaman secara formal juga tidak disediakan.

6.4.4.2. Kaedah ini telah menjadi amalan sejak PJD mula diperkenalkan hingga kini kerana matlamat asas pelaksanaan PJD adalah untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah melalui sumber dana yang sah dan mudah bagi menjalankan aktiviti perniagaan yang boleh meningkatkan pendapatan keluarga. Golongan ini biasanya tidak mahu terikat dengan skim pinjaman bank ataupun agensi yang mengenakan syarat tertentu seperti penyediaan kertas kerja, cagaran dan perjanjian untuk pinjaman yang ditawarkan. Oleh itu, mereka cenderung mendapatkan pinjaman daripada peminjam wang haram.

6.4.4.3. Bagi mengatasi masalah ini, Yayasan telah merangka PJD berasaskan didikan yang mewujudkan kawalan secara tidak langsung terhadap sikap peserta seperti memupuk disiplin yang tinggi dan menekankan kebertanggungjawaban sesama peserta. Pendekatan ini secara umumnya berjaya menarik penyertaan golongan sasaran dan dalam masa yang sama mengelakkan golongan ini meminjam daripada peminjam wang haram.

6.4.4.4. Risiko yang perlu dihadapi oleh Yayasan ialah peserta yang ingkar tidak boleh didakwa mengikut saluran mahkamah disebabkan komitmen telah dibuat secara ikrar dan akuanji tanpa dokumen yang lengkap serta tidak diperakui sah secara perundangan. Berdasarkan kepada keadaan ini dan perkembangan semasa masyarakat, Yayasan akan membuat pertimbangan serius bagi mensyaratkan peserta menandatangani perjanjian bagi membolehkan Yayasan mengambil tindakan undang-undang kepada peserta yang ingkar setelah langkah dan tindakan lain tidak berjaya.

**Pada pendapat Audit, Yayasan perlu menyediakan perjanjian pinjaman bagi membolehkan tindakan perundangan diambil terhadap peminjam yang gagal mematuhi terma dan syarat pinjaman.**

## **6.5. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan program ini, Yayasan disarankan mengambil tindakan berikut:

6.5.1. Proses semakan PJD perlu diselaraskan dengan syarat program yang ditetapkan iaitu peserta PJD tidak mempunyai pinjaman lain.

6.5.2. Yayasan perlu lebih proaktif bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada peminjam terlibat.

6.5.3. Yayasan perlu menyediakan perjanjian pinjaman bagi membolehkan tindakan perundangan diambil terhadap peminjam yang gagal mematuhi terma dan syarat pinjaman.

## PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

### 7. PENGURUSAN PERPUSTAKAAN AWAM

#### 7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (Perbadanan) yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 1974 (Enakmen Bilangan 7 Tahun 1974) dan mula beroperasi pada 1 Ogos 1977 bertanggungjawab terhadap pengurusan perpustakaan awam di Negeri Terengganu. Matlamat utama penubuhan Perbadanan adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat Terengganu yang berilmu, bermaklumat, peka kepada perkembangan dan kemajuan dunia serta memiliki budaya membaca yang tinggi. Bagi tujuan itu, Perbadanan telah menyediakan perkhidmatan rangkaian perpustakaan yang luas melalui perpustakaan pusat, perpustakaan daerah/pekan/desa dan perpustakaan bergerak. Setakat tahun 2010, Perbadanan mempunyai sebuah perpustakaan pusat, 6 buah perpustakaan daerah, 2 buah perpustakaan pekan, 50 buah perpustakaan desa dan 12 buah perpustakaan bergerak. Daripada 58 buah perpustakaan daerah/pekan/desa, 10 buah beroperasi di bangunan milik Perbadanan, 4 buah beroperasi di bangunan yang disewa dan 44 buah lagi beroperasi di bangunan yang dimiliki pihak lain kebanyakannya di balai raya di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Selain itu, di perpustakaan pusat juga disediakan dewan serba guna dan dewan teater untuk pelbagai aktiviti dalaman dan untuk sewaan kepada pihak luar.

7.1.2. Mengikut Enakmen Perbadanan, bahan perpustakaan meliputi apa-apa bentuk perkara bertulis, bercetak atau grafik, termasuk tulisan tangan, tulisan taip, buku, akhbar, majalah berkala, muzik, gambar, peta, cetakan, lukisan dan lain-lain bentuk seni grafik, filem, jalur filem, piring hitam, rakaman pita dan lain-lain rakaman pada kertas atau lain-lain bahan dan pengeluaran ulangnya. Bagi menjayakan program Perbadanan, sejumlah RM42.96 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2008 hingga 2010 di mana sejumlah RM35.39 juta telah dibelanjakan.

#### 7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Perpustakaan Awam telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### 7.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan Perpustakaan Awam dari segi pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan, pembangunan serta keselamatan bangunan perpustakaan bagi tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Perbadanan

Perpustakaan Awam Terengganu, 2 buah perpustakaan daerah, sebuah perpustakaan pekan, 15 buah perpustakaan desa dan 6 buah perpustakaan bergerak di Daerah Kuala Terengganu, Dungun dan Setiu. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke lokasi juga turut dilakukan.

#### **7.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Perpustakaan Awam adalah memuaskan kerana menunjukkan peningkatan bilangan ahli perpustakaan dan kehadiran pengunjung dari tahun 2008 hingga 2010. Sehingga 31 Disember 2010, Perbadanan memiliki sebanyak 2,086,152 buah buku. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang telah dikenal pasti antaranya seperti berlaku kelewatan dalam menyiapkan pembinaan bangunan perpustakaan dan kelemahan dalam pengurusan buku-buku di perpustakaan daerah dan desa. Penjelasan lanjut terhadap perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

##### **7.4.1. Keahlian Dan Kehadiran Pengunjung**

7.4.1.1. Mengikut Kaedah 5 dalam Kaedah-Kaedah Perpustakaan Terengganu 1979, seseorang hendaklah mendaftarkan namanya bagi maksud meminjam bahan perpustakaan. Perbadanan tidak mengenakan sebarang bayaran untuk menjadi ahli di mana-mana perpustakaan Perbadanan kecuali perpustakaan pusat dan Perpustakaan Daerah Kemaman. Seseorang yang memohon menjadi ahli di perpustakaan pusat dan Perpustakaan Daerah Kemaman dikenakan bayaran sejumlah RM2 iaitu harga kad keahlian yang diperbuat daripada plastik dan dilengkapi dengan kod bar. Ahli perpustakaan yang berdaftar dibahagikan kepada 2 kategori iaitu kanak-kanak bagi ahli yang berumur di bawah 13 tahun dan dewasa bagi ahli yang berumur 13 tahun ke atas. Berdasarkan rekod Perbadanan, jumlah ahli perpustakaan sehingga 31 Disember 2010 adalah seramai 527,791 iaitu meningkat seramai 124,825 berbanding pada tahun 2008.

7.4.1.2. Bilangan pengunjung perpustakaan pada tahun 2010 adalah seramai 1,357,101 orang iaitu pertambahan seramai 327,084 orang berbanding pada tahun 2008. Bagi menggalakkan kehadiran pengunjung ke perpustakaan, Perbadanan telah mengadakan pelbagai aktiviti antaranya di perpustakaan pusat dengan menganjurkan pameran, seminar dan pertandingan. Manakala di perpustakaan daerah/desa pula mengadakan 2 aktiviti setiap bulan contohnya seperti membuat kraf tangan dan menonton video.

7.4.1.3. Bilangan ahli baru dan pengunjung perpustakaan mengikut kategori bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Kategori Ahli	Tahun		
	2008	2009	2010
<b>Bilangan Keahlian Baru:</b>			
Kanak - Kanak	27,393	27,969	25,446
Dewasa	29,604	37,598	33,812
<b>Jumlah</b>	<b>56,997</b>	<b>65,567</b>	<b>59,258</b>
<b>Bilangan Pengunjung:</b>			
Kanak - Kanak	468,165	513,185	641,922
Dewasa	561,852	642,020	715,179
<b>Jumlah</b>	<b>1,030,017</b>	<b>1,155,205</b>	<b>1,357,101</b>

Sumber: Rekod Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

#### 7.4.1.4. Semakan Audit mendapati:

- Di perpustakaan desa, bilangan keahlian yang dinyatakan tidak memberikan gambaran sebenar kedudukan kategori ahli kerana kanak-kanak yang telah melebihi umur seperti yang ditetapkan dan telah bertukar ke kategori dewasa tidak dikeluarkan dari senarai daftar kanak-kanak.
- Mengikut Objektif Strategik 4, Pelan Strategik Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu 2010 hingga 2015, Perbadanan telah menetapkan penambahan bilangan keahlian sahaja iaitu pada kadar 50,000 orang setahun tanpa menetapkan sasaran bilangan pengunjung. Sasaran bilangan keahlian dan pengunjung perlu ditetapkan bagi memudahkan pengurusan bajet khususnya berkenaan perolehan buku dan pelaksanaan program/aktiviti untuk ahli perpustakaan. Perbadanan telah mengambil tindakan dengan mengambil kira sasaran pengunjung dalam Objektif Strategik 1 dengan sasaran antara 50 hingga 500 orang pada hari biasa dan 100 hingga 3,000 orang pada hari Sabtu mengikut jenis perpustakaan.

Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu menetapkan bilangan sasaran tahunan keahlian dan pengunjung bagi mengukur tahap pencapaian matlamatnya serta memudahkan pengurusan perolehan buku dan pelaksanaan aktiviti di perpustakaan. Selain itu, senarai daftar keahlian perlu dikemas kini bagi menunjukkan statistik yang tepat mengenai data keahlian.

#### 7.4.2. Bangunan Perpustakaan

##### 7.4.2.1. Pembinaan Bangunan Perpustakaan Lewat Disiapkan

- Bagi tahun 2008 hingga 2010, sebanyak 7 buah perpustakaan daerah dan desa telah dibina. Semakan Audit mendapati 4 buah daripadanya telah siap dibina dan beroperasi seperti di Jadual 7.2 serta Gambar 7.1 dan Gambar 7.2. Manakala 3 buah lagi masih dalam pembinaan seperti di Jadual 7.3. Reka bentuk bangunan perpustakaan disediakan oleh Perbadanan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Pejabat Daerah bertindak sebagai agensi pelaksana yang merupakan Pegawai Penguasa serta bertanggungjawab memantau kerja di tapak pembinaan.

**Jadual 7.2**  
**Perpustakaan Yang Telah Siap Dibina Dan Beroperasi**

Lokasi	Kos Pembinaan (RM)	Tarikh Mula Beroperasi
Perpustakaan Desa Felda Neram Satu, Kemaman	174,400	19.12.2009
Perpustakaan Desa Kampung Merang, Setiu	176,920	20.10.2009
Perpustakaan Desa Kampung Wakaf Tengah, Kuala Terengganu	199,960	17.08.2009
Perpustakaan Desa Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu	194,000	10.07.2010

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

**Gambar 7.1**  
**Perpustakaan Desa Kampung Wakaf Tengah Yang Telah Beroperasi**



19/10/2010

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Wakaf Tengah, Kuala Terengganu

Tarikh: 19 Oktober 2010

**Gambar 7.2**  
**Perpustakaan Desa Kampung Merang Yang Telah Beroperasi**



2010-10-31-16-11

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kampung Merang, Setiu

Tarikh: 31 Oktober 2010

**Jadual 7.3**  
**Perpustakaan Masih Dalam Pembinaan**

Lokasi	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Patut Siap	Peratus Siap Sehingga Disember 2010 (%)	Agensi Pelaksana
Perpustakaan Daerah Setiu	5,984,468	08.09.2008	02.12.2010	87	JKR Daerah Setiu
Perpustakaan Desa Putera Jaya, Setiu	193,990	02.06.2010	23.11.2010	80	Pejabat Daerah Setiu
Perpustakaan Desa Kampung Gertak Seratus, Besut	197,069	30.11.2010	04.04.2011	45	Pejabat Daerah Besut

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

- b. Pemeriksaan dan lawatan Audit pada 27 dan 28 Oktober 2010 ke bangunan Perpustakaan Daerah Setiu dan Perpustakaan Desa Putera Jaya, Setiu yang sedang dalam pembinaan mendapati perkara seperti berikut:

### i. Pembinaan Perpustakaan Daerah Setiu

Pembinaan Perpustakaan Daerah Setiu dengan kos asal sejumlah RM5.98 juta adalah bagi menggantikan bangunan perpustakaan sedia ada yang usang dan disebabkan lokasinya yang tidak sesuai kerana berhampiran dengan jalan raya utama yang menghubungkan Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Pembinaan perpustakaan ini telah dimulakan pada 8 September 2008 dan tarikh asal bagi menyiapkannya ialah pada 7 Mac 2010. Bagaimanapun, tempoh menyiapkan pembinaan ini telah dilanjutkan masa sebanyak 2 kali iaitu selama 270 hari dan tarikh siap yang baru ialah pada 2 Disember 2010. Semakan Audit mendapati lanjutan masa yang pertama iaitu selama 180 hari diberi kerana perubahan reka bentuk bangunan daripada satu tingkat kepada 2 tingkat. Manakala lanjutan masa kedua iaitu selama 90 hari pula diberi kerana perubahan reka bentuk bumbung dan pertambahan tangki sedutan (seperti disarankan oleh pihak Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. kerana kawasan projek adalah kawasan air yang bertekanan rendah). Perubahan yang dibuat itu menyebabkan tambahan kos sejumlah RM1.27 juta menjadikan kos kontrak semasa adalah sejumlah RM7.25 juta. Sehingga bulan Disember 2010, kemajuan pembinaan bangunan ini hanya siap pada kadar 87%. Berdasarkan Minit Mesyuarat Tapak pada 8 Disember 2010, kontraktor terlibat telah dikenakan denda sejumlah RM1,108 sehari bermula 3 Disember 2010. **Gambar 7.3** dan **Gambar 7.4** menunjukkan bangunan perpustakaan sedia ada dan bangunan perpustakaan yang masih dalam pembinaan.

**Gambar 7.3**  
Perpustakaan Daerah Setiu



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bandar Permaisuri, Setiu  
Tarikh: 27 Oktober 2010

**Gambar 7.4**  
Bangunan Perpustakaan Daerah Setiu  
Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pembinaan di Bandar Permaisuri,  
Setiu  
Tarikh: 27 Oktober 2010

### ii. Pembinaan Perpustakaan Desa Putera Jaya

Pembinaan Perpustakaan Desa Putera Jaya yang bernilai RM193,990 adalah bagi menggantikan perpustakaan sedia ada yang beroperasi di sebuah bilik di Masjid Putera Jaya, Setiu. Tarikh mula pembinaan perpustakaan ini ialah pada

2 Jun 2010 dan tarikh asal bagi menyiapkannya ialah pada 31 Ogos 2010. Bagaimanapun, lanjutan masa selama 5 minggu sehingga 23 November 2010 telah diluluskan kerana perubahan daripada kekuda kayu kepada kekuda besi aluminium dan kelewatan pembekal membekalkan barang-barang. Sehingga bulan Disember 2010 didapati pembinaan belum disiapkan dan kemajuan kerja pembinaan hanya siap sebanyak 80%. Perpustakaan sedia ada dan bangunan perpustakaan yang masih dalam pembinaan adalah seperti di **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.6**.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Masjid Putera Jaya, Setiu  
Tarikh: 28 Oktober 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Pembinaan Di Kampung Putera Jaya,  
Setiu  
Tarikh: 28 Oktober 2010

#### 7.4.2.2. Aspek Keselamatan Kurang Memuaskan

- Lawatan Audit ke perpustakaan daerah dan desa mendapati aspek keselamatan di bangunan perpustakaan adalah kurang memuaskan. Perpustakaan Desa Jeram Tepoh dan Perpustakaan Desa Kampung Langkap terletak di tingkat atas bangunan 2 tingkat yang mempunyai satu laluan keluar/masuk, jerji yang dipasang jenis kekal, tangga yang curam boleh membahayakan pengunjung, struktur tangga tidak kukuh dan lantai yang tidak dapat menampung berat peralatan/perabot, bahan bacaan dan pengunjung seperti di **Gambar 7.7** dan **Gambar 7.8**. Bangunan Perpustakaan Desa Jeram Tepoh dan Perpustakaan Desa Kampung Langkap ini adalah milik JKKA dan Perbadanan tidak dikenakan sebarang bayaran. Bagaimanapun, penyenggaraan dan pembaikan bangunan dibayai oleh Perbadanan. Selain itu, alat pemadam api juga telah tamat tempoh penggunaannya.

**Gambar 7.7**  
Keadaan Tangga Yang Curam



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Desa Jeram Tepoh,  
Kuala Terengganu  
Tarikh: 20 Oktober 2010

**Gambar 7.8**  
Struktur Tangga Tidak Kukuh Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Desa Kampung Langkap, Setiu  
Tarikh: 28 Oktober 2010

- b. Perbadanan memaklumkan, beberapa rundingan telah diadakan antara Perbadanan dan pemilik bangunan bagi memindahkan perpustakaan berkenaan ke tingkat bawah. Oleh kerana Perbadanan hanya mampu membayai pembinaan 2 buah perpustakaan desa sahaja dalam setahun dengan kos berjumlah RM200,000 sebuah, Perbadanan telah memohon kepada Perpustakaan Negara Malaysia supaya dimasukkan ke dalam permohonan kepada Kerajaan Persekutuan untuk Program Menaik Taraf Perpustakaan Desa di seluruh negara.

Pada pendapat Audit, kelewatian menyiapkan pembinaan bangunan Perpustakaan menyebabkan Perbadanan tidak dapat menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang lebih baik kepada pengguna. Bagi bangunan yang sedia ada, aspek keselamatan perlu dipertingkatkan agar keselamatan pengguna terjamin.

#### 7.4.3. Kemudahan Perpustakaan

##### 7.4.3.1. Pengurusan Buku-buku

###### a. Perolehan Buku Tidak Melalui Jawatankuasa Pemilihan Buku-buku

- i. Unit Perolehan Perbadanan bertanggungjawab terhadap perolehan bahan bacaan di semua perpustakaan Perbadanan. Perolehan dibuat secara pembelian terus daripada pembekal/penerbit buku yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan berdasarkan naskhah terbaru yang berada di pasaran dengan mengambil kira status pembekal sama ada pembekal baru, pembekal lama dan pembekal yang membekalkan buku tempatan atau luar negara. Buku-buku akan diterima oleh Unit Perolehan sebelum diagihkan ke perpustakaan daerah/pekan/desa/bergerak. Bagi tahun 2008 hingga 2010, sejumlah RM5.07 juta telah dibelanjakan bagi pembelian sebanyak 219,048 naskhah buku daripada sejumlah RM7 juta peruntukan perolehan bahan bacaan.

- ii. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Perbadanan pada tahun 2004 dan 2008 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Buku-buku. Mesyuarat juga telah menerima Peraturan Pemilihan Bahan-bahan Untuk Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu untuk rujukan dalam membuat perolehan buku. Bagaimanapun, pelantikan ahli-ahli jawatankuasa tidak dilakukan menyebabkan jawatankuasa belum dapat berfungsi. Perolehan buku-buku dibuat secara terus oleh Unit Perolehan tanpa melalui jawatankuasa berkenaan dan tidak berpandukan kepada Peraturan Pemilihan Bahan-bahan Untuk Koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- iii. Perbadanan memaklumkan Jawatankuasa Pemilihan Buku-buku telah terhenti setakat pelantikan pengurus sahaja setelah pengurus yang dilantik meninggal dunia. Mesyuarat Perbadanan pada 26 Februari 2006 kemudiannya meluluskan penubuhan jawatankuasa secara dalaman dengan dipengerusikan oleh Pengarah Perbadanan dan ahli-ahli terdiri daripada Ketua-ketua Unit di Perbadanan serta wakil Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri dan Universiti Sultan Zainal Abidin. Jawatankuasa Pemilihan Buku ini telah bermesyuarat sebanyak 2 kali iaitu pada 21 Oktober 2010 dan 22 November 2010. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan dasar pemilihan buku, kaedah perolehan dan keperluan mewujudkan repositori untuk mengumpul bahan-bahan dalam bentuk digital. Jawatankuasa dalam mesyuaratnya pada 21 Oktober 2010 juga menetapkan sebarang pembelian yang melibatkan harga melebihi RM5,000 hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa terlebih dahulu. Manakala pembelian bagi jumlah kurang dari RM5,000 adalah di bawah tanggungjawab Pustakawan Perolehan.

**b. Buku Tidak Dipamerkan**

- i. Setiap buku yang diperoleh akan dikatalogkan dan dikelaskan oleh Unit Pendokumentasian Dan Teknikal. Seterusnya buku tersebut akan dipamerkan di perpustakaan pusat dan sebahagiannya dihantar ke perpustakaan daerah/pekan/desa/bergerak. Setiap buku yang diterima di perpustakaan daerah/desa/pekan/bergerak akan diberi nombor perolehan sebelum buku berkenaan dipamerkan. Bagaimanapun, didapati Perbadanan tidak menetapkan tempoh masa bagi memproses buku yang diterima iaitu mengkatalogkan, mengelaskan dan memberi nombor perolehan sebelum buku tersebut dipamerkan.
- ii. Semakan Audit mendapati sebanyak 5,409 buah buku bernilai RM123,542 belum dipamerkan di perpustakaan daerah, desa dan perpustakaan bergerak seperti di **Jadual 7.4**. Keadaan ini berlaku disebabkan buku yang diperoleh masih banyak belum diproses dan ruang perpustakaan yang sempit tidak dapat menempatkan rak-rak buku berkenaan. **Gambar 7.9** dan **Gambar 7.10** menunjukkan buku yang belum dipamerkan.

**Jadual 7.4**  
**Buku Belum Dipamerkan**

<b>Lokasi</b>	<b>Tahun Perolehan</b>						
	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>Bilangan Buku</b>	<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Bilangan Buku</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
Perpustakaan Daerah Setiu	-	-	-	-	-	1,853	58,991
Perpustakaan Desa Putera Jaya	-	-	852	16,564	471	8,853	
Perpustakaan Desa Guntung Luar	189	2,817	1,010	19,421	592	10,554	
Perpustakaan Bergerak Daerah Setiu	-	-	-	-	-	442	6,342
<b>Jumlah</b>	<b>189</b>	<b>2,817</b>	<b>1,862</b>	<b>35,985</b>	<b>3,358</b>	<b>84,740</b>	

Sumber: Perpustakaan Daerah Setiu/Desa Putera Jaya/Desa Guntung Luar

**Gambar 7.9**  
**Buku Dalam Kotak Yang Belum Dipamerkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Daerah Setiu, Setiu  
Tarikh: 26 Oktober 2010

**Gambar 7.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Desa Guntung Luar, Setiu  
Tarikh: 31 Oktober 2010

- iii. Selepas mendapat teguran Audit, Perbadanan telah mengambil tindakan dengan menetapkan tempoh masa bagi memproses buku iaitu dalam tempoh 2 minggu dari tarikh buku diterima oleh Perpustakaan Pusat dan 4 minggu dari tarikh buku dihantar bagi perpustakaan daerah dan desa serta telah dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja Perbadanan. Bagi menambah baik pengurusan Perpustakaan Desa, Perbadanan juga telah menujuhkan Unit Pemantauan Perpustakaan Desa melalui tambahan kepada Pekeliling Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu Bil. 5/2009 bertarikh 20 April 2011. Bagi buku yang tidak dipamerkan di Perpustakaan Daerah Setiu dan Perpustakaan Desa Putera Jaya, Perbadanan menjangkakan perkara ini dapat diselesaikan apabila pembinaan bangunan perpustakaan yang baru telah disiapkan.

### c. Pemeriksaan Terhadap Buku Untuk Tujuan Pelupusan

Perbadanan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelupusan Buku untuk membuat pemeriksaan terhadap buku-buku/bahan koleksi yang rosak atau usang. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada jawatankuasa telah menjalankan pemeriksaan terhadap buku-buku yang rosak atau usang kerana tiada rekod diselenggarakan. Ini menyebabkan buku yang rosak dan usang tidak diambil tindakan pelupusan dan masih disimpan di ruang perpustakaan, di dalam stor perpustakaan atau masjid. Akibatnya ruang perpustakaan dan stor kelihatan sesak dan tidak terurus. Selepas mendapat teguran Audit, Perbadanan memaklumkan pada masa sekarang Perbadanan menumpukan kepada pelupusan buku di perpustakaan pusat dan sebanyak 99,772 buah buku telah dilupuskan antara tahun 2008 hingga 2010. Perbadanan juga telah melantik Lembaga Pemeriksa Bahan-bahan Bacaan bagi melaksanakan pemeriksaan terhadap buku-buku. Perbadanan juga telah mengambil tindakan menyimpan buku-buku dengan kemas dan tersusun di perpustakaan berkenaan. **Gambar 7.11** hingga **Gambar 7.16** menunjukkan keadaan buku-buku tersebut sebelum dan selepas tindakan diambil oleh Perbadanan.

**Gambar 7.11**  
**Buku Rosak Dan Usang Disimpan  
Dalam Stor Perpustakaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Perpustakaan Daerah Dungun, Dungun  
Tarikh: 8 November 2010

**Gambar 7.12**  
**Buku Rosak Dan Usang Telah Disimpan  
Dengan Teratur**



Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam  
Terengganu  
Lokasi: Stor Perpustakaan Daerah Dungun, Dungun  
Tarikh: 3 Mei 2011

**Gambar 7.13**  
**Buku Rosak Dan Usang Disimpan  
Dalam Stor Masjid Setiu**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Masjid Setiu, Setiu  
Tarikh: 28 Oktober 2010

**Gambar 7.14**  
**Buku Rosak Dan Usang Disimpan  
Dalam Kotak**



Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam  
Terengganu  
Lokasi: Stor Masjid Setiu, Setiu  
Tarikh: 2 Mei 2011

**Gambar 7.15**  
**Buku Rosak Dan Usang Disimpan  
Dalam Stor Masjid Paka**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor Masjid Paka, Dungun  
Tarikh: 10 November 2010

**Gambar 7.16**  
**Buku Rosak Dan Usang Telah Dialihkan  
Daripada Stor Masjid**



Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam  
Terengganu  
Lokasi: Stor Masjid Paka, Dungun  
Tarikh: 3 Mei 2011

#### d. Buku Tidak Dipulangkan Atau Hilang

- Peraturan dan Syarat Pinjaman di perpustakaan pusat dan Perpustakaan Daerah Kemaman menggariskan setiap ahli dibenarkan meminjam 4 buah buku pada suatu masa dalam tempoh pinjaman iaitu selama 28 hari dari tarikh meminjam dan boleh disambung semula selama 28 hari dari tarikh akhir pinjaman sebelumnya. Bagi perpustakaan daerah/pekan/desa/bergerak yang lain, pembaca berdaftar dibenarkan meminjam 2 buku untuk tempoh 14 hari dan boleh disambung bagi tempoh yang sama. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2008 hingga 2010, sejumlah 4,713 buah buku telah hilang dan sejumlah 5,597 buah buku tidak dipulangkan.

- ii. Temu bual dengan pegawai Perbadanan mendapati panduan mengenai kaedah peringatan kepada peminjam yang lewat memulangkan buku/bahan bacaan tidak disediakan. Bagaimanapun, pegawai Perbadanan di Perpustakaan Daerah Dungun ada mengeluarkan surat peringatan kepada peminjam yang lewat memulangkan buku. Bagi perpustakaan daerah/pekan/desa/bergerak pula, peringatan akan dibuat melalui telefon, pesanan melalui rakan atau guru-guru yang bertanggungjawab.
- iii. Perbadanan juga tidak menetapkan peraturan atau kaedah dalam menentukan status buku yang tidak dipulangkan bagi sesuatu tempoh yang lama seperti sejak tahun 2008 dan 2009 sama ada ianya dikategorikan sebagai buku hilang.
- iv. Pihak Perbadanan telah mengeluarkan Pekeliling Pengarah Bil. 4/2011 mengenai keperluan mengeluarkan peringatan secara bertulis kepada peminjam yang lewat memulangkan buku dan menetapkan status buku yang tidak dipulangkan melebihi 3 bulan akan dianggap sebagai buku hilang.

**Pada pendapat Audit, pengurusan buku-buku hendaklah diperkemas terutamanya berkaitan perolehan, pameran, pinjaman dan pemeriksaan agar ahli dan pengunjung perpustakaan mendapat manfaat sepenuhnya.**

#### **7.4.3.2. Kemudahan Komputer Dan Internet**

##### **a. Internet Tidak Dapat Diteruskan**

- i. Kemudahan Internet di perpustakaan daerah/pekan/desa disediakan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA) melalui Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provisions – USP*) Fasa III pada tahun 2004, Fasa IV pada tahun 2005 dan Fasa V pada 2007. Program ini bertujuan untuk membangunkan keupayaan digital komuniti dengan menjadikan projek USP sebagai pusat ilmu bagi melahirkan masyarakat yang bermaklumat melalui teknologi maklumat. Di bawah program ini, KTAK membekalkan 2 buah komputer peribadi, sebuah mesin pengimbas, sebuah pencetak dan sebuah terminal *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) bagi kemudahan Internet. Selain itu, KTAK juga menyediakan perabot seperti meja, kerusi dan rak di setiap perpustakaan di samping memberikan perkhidmatan penyenggaraan bagi tempoh 5 tahun.
- ii. Semakan Audit mendapati capaian Internet tidak dapat diteruskan kerana 21 daripada 35 unit komputer di 15 buah perpustakaan daerah dan desa telah rosak dan tidak boleh digunakan lagi. Ini kerana selepas tamat tempoh penyenggaraan, tiada arahan rasmi berhubung penyenggaraan atau penyerahan perkakasan komputer berkenaan diterima oleh Perbadanan. Pemeriksaan Audit mendapati perkakasan komputer yang rosak masih disimpan di perpustakaan berkenaan. Perbadanan memaklumkan penyenggaraan dan pembaikan kecil

akan dilaksanakan oleh Unit Teknologi Maklumat. Petugas di perpustakaan desa pula telah diminta untuk mengalihkan komputer yang rosak supaya tidak menimbulkan pandangan negatif kepada pengguna perpustakaan. Perbadanan juga telah menulis surat kepada Perpustakaan Negara Malaysia agar dapat mengadakan perbincangan dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan bagi menyelesaikan perkara berkaitan projek USP ini.

**b. Penyenggaraan Komputer Kurang Memuaskan**

- i. Unit Teknologi Maklumat adalah bertanggungjawab terhadap penyenggaraan komputer dan peralatan komputer. Di perpustakaan pusat terdapat 68 buah komputer di bilik siber, 20 buah di makmal komputer, 9 buah komputer untuk *Online Public Access Catalogue* (OPAC), 3 buah pencetak dan sebuah mesin pengimbas. Unit Teknologi Maklumat ada menyediakan Borang Penyenggaraan Komputer bagi merekodkan laporan kerosakan dan tindakan yang diambil bagi setiap komputer atau perkakasan komputer yang disenggarakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pemeriksaan dan penyenggaraan telah dijalankan terhadap semua komputer di perpustakaan pusat kerana tiada daftar diselenggarakan bagi merekodkan kerja-kerja pemeriksaan dan penyenggaraan yang telah dijalankan.
- ii. Perbadanan telah mengadakan Daftar Penyenggaraan Alatan Elektronik yang diuruskan oleh Unit Teknologi Maklumat bagi merekodkan semua maklumat berkaitan dengan penyenggaraan peralatan komputer dan jenis penyenggaraan yang dijalankan. Perbadanan juga telah mengadakan sistem secara automatik di mana apabila sebuah komputer yang telah disenggarakan dan ditutup, kerja penyenggaraan akan dibuat secara automatik apabila komputer tersebut dibuka semula.

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan terhadap komputer dan perkakasan hendaklah dilakukan bagi memastikan komputer dapat digunakan setiap masa dan tindakan terhadap peralatan komputer yang rosak perlu diambil selaras dengan pekeliling yang berkaitan.**

**7.4.4. Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak**

7.4.4.1. Perbadanan mempunyai 12 buah bas yang digunakan sebagai perpustakaan bergerak. Sebanyak 4 buah bas ditempatkan di Perpustakaan Pusat Kuala Terengganu, 2 buah masing-masingnya di Perpustakaan Daerah Marang dan Besut dan sebuah bas bagi setiap Perpustakaan Daerah Kemaman, Dungun, Setiu dan Hulu Terengganu. Semakan Audit mendapati perkhidmatan perpustakaan bergerak ini mula beroperasi sejak tahun 1981 iaitu antara 15 hingga 29 tahun dan tahun perolehan bagi 12 buah bas ini adalah dari tahun 1981 hingga 1995. Pada tahun 2006, perkhidmatan perpustakaan bergerak ini dihentikan sementara kerana bas tersebut telah dibuat penyenggaraan dan beroperasi semula pada bulan Mei 2008. **Jadual 7.5** menunjukkan jumlah ahli dan pinjaman buku di perpustakaan bergerak bagi tahun 2008 hingga 2010.

**Jadual 7.5**  
**Jumlah Ahli Dan Pinjaman Buku Di Perpustakaan Bergerak**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

<b>Bilangan</b>	<b>Tahun</b>			<b>Jumlah</b>
	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	
Ahli	12,607	15,373	14,585	42,565
Pinjaman Buku	69,258	206,450	246,202	521,910

*Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu*

7.4.4.2. Lawatan Audit pada November 2010 ke beberapa lokasi perkhidmatan perpustakaan bergerak mendapati perkhidmatan ini mendapat sambutan baik seperti di **Gambar 7.17** dan **Gambar 7.18**. Bagaimanapun, keadaan fizikal bas perpustakaan bergerak tidak ceria pada pandangan awam disebabkan bas berkenaan yang telah berusia dan poster iklan pada bas yang telah pudar serta rosak seperti di **Gambar 7.19** dan **Gambar 7.20**. Manakala di Perpustakaan Daerah Dungun pula, tiada garaj khas disediakan bagi menempatkan bas perpustakaan bergerak berbanding di kawasan Ibu Pejabat Perbadanan. Keadaan ini menyebabkan bas terdedah kepada hujan dan panas yang mempercepatkan lagi proses kerosakan. Bagi tahun 2008 hingga 2010 sejumlah RM187,250 telah dibelanjakan untuk kerja penyenggaraan dan pembaikan bas perpustakaan bergerak.

**Gambar 7.17**

**Pengunjung Perpustakaan Bergerak**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*

*Lokasi: Perpustakaan Bergerak Daerah Dungun*

*Tarikh: 11 November 2010*

**Gambar 7.18**



*Sumber: Jabatan Audit Negara*

*Lokasi: Perpustakaan Bergerak Kuala Terengganu*

*Tarikh: 3 November 2010*

**Gambar 7.19**  
Plastik Poster Pada Bas Yang Pudar Dan Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Bergerak Kuala Terengganu  
Tarikh: 2 November 2010

**Gambar 7.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perpustakaan Bergerak Kuala Terengganu  
Tarikh: 2 November 2010

7.4.4.3. Perbadanan memaklumkan, pada tahun 2011 sebanyak 9 buah bas akan dilupuskan disebabkan faktor usia kenderaan dan cukai jalan yang tidak dapat diperbaharui kerana syarikat insurans tidak berminat untuk mengeluarkan insurans. Perbadanan juga telah menerima sebuah bas baru daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2011.

**Pada pendapat Audit, perkhidmatan perpustakaan bergerak patut diteruskan kerana mendapat sambutan yang baik daripada pelajar sekolah dan guru-guru. Di samping itu Perpustakaan patut memberi penekanan kepada keadaan fizikal bas agar lebih selesa dan ceria.**

#### 7.4.5. Pendaftaran Dan Pelabelan Aset Tidak Dibuat

Semua aset dan inventori yang dimiliki Perbadanan hendaklah didaftarkan dan ditandakan nombor pendaftaran. Lawatan Audit ke perpustakaan daerah dan desa mendapati inventori seperti meja, kerusi dan rak buku tidak ditandakan dengan nombor pendaftaran. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan inventori tersebut kerana tiada daftar diselenggarakan di perpustakaan daerah dan desa berkenaan. Perbadanan memaklumkan, tindakan sedang dilakukan untuk merekodkan semua aset dan inventori serta mengemas kini daftar berkaitan. Bagi memastikan semua aset dan inventori didaftarkan terutamanya di perpustakaan desa, setiap aset dan inventori yang diperoleh akan dimaklumkan oleh Bahagian Rangkaian Perpustakaan kepada Pegawai Pengurusan Aset dengan menggunakan borang khas.

**Pada pendapat Audit, pihak Perbadanan hendaklah menyelenggarakan Daftar Aset dan Inventori yang lengkap dan kemas kini serta menandakan nombor pendaftaran pada setiap aset dan inventori berkenaan.**

## **7.5. SYOR AUDIT**

Perbadanan hendaklah memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan dengan mempertimbangkan perkara berikut:

- 7.5.1. Perbadanan hendaklah memastikan pembinaan bangunan disiapkan dan aspek keselamatan hendaklah diberi perhatian bagi memastikan keselamatan pengunjung terjamin.
- 7.5.2. Perbadanan hendaklah mempertingkatkan dan memperkemaskan pengurusan kemudahan perpustakaan khususnya berkenaan pengurusan buku-buku dan perkhidmatan perpustakaan bergerak untuk manfaat ahli dan pengunjung.
- 7.5.3. Perbadanan hendaklah memastikan komputer dapat digunakan setiap masa dengan meningkatkan pengurusan penyenggaraan komputer antaranya menentukan jenis penyenggaraan, merekodkan penyenggaraan yang dijalankan dan mengambil tindakan terhadap komputer yang rosak selaras dengan pekeliling yang berkaitan.
- 7.5.4. Perbadanan hendaklah memastikan setiap aset dan inventori didaftarkan serta ditandakan dengan nombor pendaftaran.

## SYARIKAT AIR TERENGGANU SDN. BHD.

### 8. PENGURUSAN PENGEBILAN AIR

#### 8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 November 1997 berikutan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Terengganu. SATU bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pembekalan air bersih untuk domestik, komersial dan industri. Pengurusan pengebilan air adalah merupakan salah satu aktiviti utama yang melibatkan pengeluaran bil air, memungut hasil, mengemaskinikan akaun pengguna dan pengurusan tunggakan hasil.

8.1.2. Matlamat dan fungsi pengurusan pengebilan air adalah bagi memperbaiki pengurusan entiti bekalan air negeri dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan melalui amalan terbaik industri. Selain itu, pengurusan pengebilan yang sistematik juga dapat membantu pihak pengurusan membuat perancangan perniagaan, menjana, merekodkan dan mengemas kini akaun bagi tujuan mengoptimumkan pengutipan hasil yang cekap dan pembacaan meter yang lebih efektif.

8.1.3. Pengurusan pengebilan yang cekap akan membantu memaksimumkan keuntungan syarikat serta kepuasan kepada pengguna. Bagi tujuan itu, SATU telah menggunakan *Internet Water Revenue System* (iWRS) secara berpusat semenjak awal tahun 2006. SATU juga turut membekalkan atau menggantikan meter-meter baru kepada pelanggan domestik dan *Automatic Meter Reading* (AMR) kepada pelanggan berbentuk industri atau perusahaan. Bagi tahun 2008 hingga 2010, nilai bil air yang telah dikeluarkan adalah berjumlah RM381.97 juta. Pada tempoh yang sama juga, sejumlah RM380.42 juta telah dikutip oleh SATU.

#### 8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Pengebilan Air telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### 8.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi pengurusan Pengebilan Air bagi tahun 2007 hingga 2010 yang melibatkan 3 daerah iaitu Kuala Terengganu, Besut dan Kemaman. Pengauditan dijalankan merangkumi aktiviti pengeluaran bil, kutipan hasil, pengurusan perkhidmatan pelanggan dan aduan, aktiviti penguatkuasaan dan pengurusan cagaran air. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen serta menganalisis data dengan menggunakan

perisian *Audit Command Language* (ACL). Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat serta lawatan ke lokasi juga turut dilakukan.

#### 8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2010 hingga Mac 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengebilan air adalah memuaskan. Bagaimanapun, tindakan pembetulan bagi mengatasi kelemahan mengenai pengurusan cagaran, mengutip balik tunggakan hasil dan kesalahan mengenakan kod tarif hendaklah diambil. Penjelasan lanjut adalah seperti di perenggan berikut:

##### 8.4.1. Penggunaan Yang Dibilkan/Diakaunkan

###### 8.4.1.1. Pertambahan Akaun Baru

- Bagi tahun 2007 hingga 2010, sebanyak 24,369 permohonan akaun baru telah diluluskan. Analisis Audit mendapati kadar pertambahan akaun baru pada tahun 2010 adalah 4.1% berbanding tahun 2009 sebanyak 3.2%. **Jadual 8.1** menunjukkan pertambahan akaun pengguna bagi tahun 2007 hingga 2010.

**Jadual 8.1**  
**Pertambahan Akaun Baru Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Akaun Pengguna	Tahun			
	2007	2008	2009	2010
Jumlah Akaun 1 Januari	-	211,455	219,441	226,521
Pertambahan Akaun	-	7,986	7,080	9,303
Jumlah Akaun 31 Disember	211,455	219,441	226,521	235,824
Pertambahan Akaun (%)		3.8	3.2	4.1

Sumber: SATU

- Kedudukan akaun aktif mengikut kod tarif bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.2**. Berdasarkan jadual di bawah, kod tarif yang mempunyai akaun aktif paling tinggi ialah kod tarif Rumah Tangga (10) dan kod tarif bagi akaun aktif paling rendah ialah kod tarif Kapal & Bot Perdagangan (40).

**Jadual 8.2**  
**Akaun Aktif Mengikut Kod Tarif**

Bil.	Tahun	10	11	20	21	22	24	30	40	50	Jumlah Bilangan Akaun
1.	2007	186,093	0	19,756	1,072	831	3,277	399	10	17	211,455
2.	2008	192,368	0	21,128	1,082	832	3,527	478	10	16	219,441
3.	2009	197,363	542	22,530	1,061	849	3,654	496	9	17	226,521
4.	2010	205,000	0	24,587	1,017	924	3,786	482	10	18	235,824

Sumber: SATU

Nota: Tarif

10 – Rumah Tangga

11 – Kakitangan SATU (Setakat Tahun 2009)

20 – Perdagangan

21 – Surau/Masjid

22 – Surau/Masjid (Berdaftar Dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu - JHEAT)

24 – Bangunan Kerajaan

30 – Perusahaan

40 – Kapal & Bot Perdagangan

50 – Ladang-ladang (Bekalan Melalui Meter Pukal)

#### 8.4.1.2. Pemasangan Meter Air Dibuat Sebelum Bayaran Cagaran Diterima

Mengikut Piagam Pelanggan SATU, pemasangan meter air bagi permohonan baru akan dibuat dalam tempoh masa 1 hari bekerja selepas wang cagaran diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 8 kes di Daerah Besut telah dibuat pemasangan meter air sebelum bayaran cagaran dijelaskan iaitu antara 3 hingga 123 hari lebih awal sebelum bayaran cagaran diterima seperti di **Jadual 8.3**. Pihak Audit difahamkan perkara ini berlaku kerana pihak SATU tidak memungut wang cagaran daripada kontraktor projek perumahan dan ianya adalah lanjutan daripada kegagalan atau gangguan *network* semasa proses pendaftaran permohonan sambungan baru.

**Jadual 8.3**  
**Pemasangan Meter Air Sebelum Bayaran Cagaran Diterima**

Bil.	No. Akaun	Jumlah Cagaran (RM)	Tarikh Bayaran Cagaran	Tarikh Pemasangan Meter Air	Bilangan Hari
1.	1027742512009	100	14.01.2010	13.09.2009	123
2.	1027819422009	300	04.01.2010	12.10.2009	84
3.	1028128952010	200	20.01.2010	03.01.2010	17
4.	1029248802010	200	08.08.2010	27.07.2010	12
5.	1028177822010	100	17.01.2010	13.01.2010	4
6.	1029311022010	100	16.08.2010	12.08.2010	4
7.	1029312972010	100	15.08.2010	12.08.2010	3
8.	1029307902010	200	15.08.2010	12.08.2010	3

Sumber: SATU

#### 8.4.1.3. Kelewatan Membuat Bacaan Pertama Bagi Akaun Baru

- a. Mengikut norma yang ditetapkan oleh SATU, bacaan pertama bagi akaun baru hendaklah dilakukan tidak melebihi 45 hari dari tarikh pemasangan meter air. Semakan Audit mendapati sebanyak 13 akaun baru telah dibuat bacaan bil pertama antara 51 hingga 115 hari iaitu kelewatan antara 5 hingga 69 hari. Keadaan ini berlaku disebabkan Bahagian Permohonan Baru dan Bahagian Kemasukan Data tidak mengambil tindakan segera dalam pengemaskinian arahan kerja di dalam sistem. Kesannya, SATU tidak memperoleh hasil bagi tempoh yang sepatutnya dan boleh menjelaskan aliran tunai syarikat. Maklumat lanjut 10 daripada 13 kes kelewatan tersebut adalah seperti di **Jadual 8.4**.

**Jadual 8.4**  
**Kelewatan Membuat Bacaan Pertama Bagi Akaun Baru**

Bil.	No. Akaun	Tarikh Pemasangan Meter Air	Tarikh Bacaan Bil Pertama	Bilangan Hari Diambil	Kelewatan (Hari)
1.	1027819422009	12.10.2009	04.02.2010	115	69
2.	1028128952010	03.01.2010	14.03.2010	70	24
3.	1029311022010	12.08.2010	20.10.2010	69	23
4.	1029312972010	12.08.2010	19.10.2010	68	22
5.	1029307902010	12.08.2010	19.10.2010	68	22
6.	1029297672010	19.08.2010	25.10.2010	67	21
7.	1029399592010	05.09.2010	09.11.2010	65	19
8.	1028136962010	07.01.2010	11.03.2010	63	17
9.	1029401012010	05.09.2010	07.11.2010	63	17
10.	1029400032010	05.09.2010	03.11.2010	59	13

Sumber: SATU

- b. Pihak Audit dimaklumkan kes tersebut berlaku disebabkan masalah *network* yang perlahan ketika memindahkan maklumat akaun ke fail induk telah menyebabkan terdapat sebilangan akaun tidak berjaya dikemas kini dan bacaan meter bagi akaun baru tidak dibuat kerana menunggu pusingan bacaan pertama pada bulan berikutnya.

#### 8.4.2. Pengurusan Pembacaan Meter Dan Pengeluaran Bil

##### 8.4.2.1. Jenis Bacaan Dan Tarif

- a. Tarif bekalan air yang diguna pakai oleh SATU adalah berdasarkan Enakmen Pembekalan Air 1951 yang menetapkan 8 kategori pengguna mengikut jenis bekalan seperti di **Jadual 8.5**.

**Jadual 8.5**  
**Kod Tarif, Jenis Bekalan, Kadar Dan Caj Minimum**

Kod Tarif	Jenis Bekalan	Kadar		Caj Minimum/Bulan (RM)
		Metrik M <sup>3</sup> (Meter Padu)	Caj Setiap M <sup>3</sup> (RM)	
10	Rumah Tangga	0 - 20	0.42	4
		20.1 - 40	0.65	
		40.1 - 60	0.90	
		60.1 Ke Atas	1.00	
20	Perdagangan	0 - 70	0.95	15
		70.1 Ke Atas	1.15	
21	Surau/Masjid (Tidak Berdaftar Dengan JHEAT)	0 - 50	Percuma	-
		50.1 - 70	0.95	
		70.1 Ke Atas	1.15	
22	Surau Masjid (Berdaftar Dengan JHEAT)	0 Ke Atas	Percuma	-
24	Bangunan Kerajaan	0 - 70	0.95	15
		70.1 Ke Atas	1.15	
30	Perusahaan	Caj Biasa	1.15	50
40	Kapal & Bot Perdagangan	Caj Biasa	3.00	30
50	Ladang-ladang (Bekalan Melalui Meter Pukal)	0 - 500	0.65	300
		500.1 Ke Atas	1.00	

Sumber: SATU

- b. Selain itu, SATU telah menetapkan bil yang dikeluarkan terbahagi kepada 4 jenis bil iaitu seperti berikut:
- Bil Normal (N) iaitu bil yang dikeluarkan berdasarkan bacaan sebenar pada keadaan meter berfungsi secara normal.
  - Bil Anggaran (E) iaitu bil yang dikeluarkan berdasarkan bacaan meter purata 3 bulan kerana bacaan biasa tidak dapat dibuat disebabkan ada halangan. Antara halangannya adalah seperti cuaca buruk, pagar berkunci, meter rosak, meter kotor, meter tidak dijumpai, anjing garang, meter terkambus dan lain-lain hal.
  - Bil Purata (A) dikeluarkan berdasarkan bacaan meter purata 3 bulan kerana meter rosak.
  - Bil Pelbagai pula ialah bacaan meter dibuat berdasarkan permintaan pelanggan kerana menamatkan akaun.

- c. Kedudukan pengeluaran bil air mengikut jenis bil bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.6**. Pengeluaran bil normal adalah merupakan pengeluaran bil tertinggi bagi tempoh berkenaan iaitu 94.8%. Manakala bil anggaran 3.9% dan bil purata 1.3%. Pengeluaran bil anggaran pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sebanyak 9,291 bil dari tahun sebelumnya. Bagaimanapun pada tahun 2009 dan 2010, pengeluaran bil anggaran telah berkurangan. Pihak Audit dimaklumkan, pengeluaran bil anggaran adalah bergantung kepada faktor cuaca iaitu sekiranya Pembaca Meter Air tidak dapat membuat bacaan secara normal.

**Jadual 8.6**  
**Kedudukan Pengeluaran Bil Mengikut Jenis Bil**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Bilangan Bil				Jumlah
	Normal (N)	Anggaran (E)	Purata (A)	Pelbagai	
2007	2,332,485	103,578	29,253	12	2,465,328
2008	2,407,076	112,869	30,855	12	2,550,812
2009	2,501,956	100,591	35,826	115	2,638,488
2010	2,593,024	86,029	39,364	88	2,718,505
<b>Jumlah</b>	<b>9,834,541</b>	<b>403,067</b>	<b>135,298</b>	<b>227</b>	<b>10,373,133</b>
<b>Peratus (%)</b>	<b>94.8</b>	<b>3.9</b>	<b>1.3</b>	<b>0.0</b>	<b>100</b>

Sumber: SATU

#### 8.4.2.2. Prestasi Pembacaan Meter

SATU telah menyasarkan sebanyak 10,422,674 bil dikeluarkan bagi tahun 2007 hingga 2010. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tersebut sebanyak 10,111,388 bil telah dikeluarkan. Manakala bil yang tidak dikeluarkan adalah sebanyak 311,286 iaitu 3% berbanding dengan bil yang sepatutnya dikeluarkan seperti di **Jadual 8.7**. Pihak SATU menyatakan antara sebab bacaan meter tidak dapat dibuat kerana pemasangan meter bagi akaun baru tidak dijumpai oleh Pembaca Meter Air, masalah data yang tidak dikemas kini dan pertukaran meter.

**Jadual 8.7**  
**Prestasi Pembacaan Meter Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Bilangan Bil		Bil Tidak Dikeluarkan	
	Patut Dikeluarkan	Sebenar Dikeluarkan	Bilangan	Peratus (%)
2007	2,368,931	2,223,349	145,582	6.1
2008	2,598,928	2,534,244	64,684	2.5
2009	2,677,699	2,635,312	42,387	1.6
2010	2,777,116	2,718,483	58,633	2.1
<b>Jumlah</b>	<b>10,422,674</b>	<b>10,111,388</b>	<b>311,286</b>	<b>3.0</b>

Sumber: SATU

#### 8.4.2.3. Pengeluaran Bil Anggaran

- a. Semakan Audit terhadap maklumat daripada Unit Komputer SATU mendapati bagi tahun 2007 hingga 2010 sejumlah 403,067 bil atau 3.9% daripada 10,373,133 bil yang dikeluarkan adalah bil anggaran. Pihak Audit difahamkan pengeluaran bil anggaran hanya dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh satu tahun. Berdasarkan

sampel Audit mendapati sebanyak 35 akaun bagi 3 daerah mencatatkan bacaan anggaran yang melebihi 3 bulan berturut-turut seperti di **Jadual 8.8**.

**Jadual 8.8**  
**Bil Anggaran Melebihi 3 Bulan Berturut-turut**

Bil.	No. Akaun	No. Meter	Tarif	Bacaan Anggaran		Bilangan Anggaran (Bulan)
				Mula	Terkini	
1.	04003737871996	01G00875	10	01.04.2009	01.02.2011	23
2.	05014252221982	275212	10	07.10.2009	05.02.2011	18
3.	05014254181982	93127409	10	07.10.2009	05.02.2011	18
4.	05014255161982	080100251P	10	07.10.2009	05.02.2011	18
5.	05014276081982	A030102357	10	06.09.2009	05.02.2011	18
6.	05014278041982	TM000021	10	06.09.2009	05.02.2011	18
7.	05014282131982	A021004610	10	06.09.2009	05.02.2011	18
8.	05014283111982	080100242P	10	06.09.2009	05.02.2011	18
9.	04010479961995	5127	10	28.09.2009	20.01.2011	17
10.	05014258101982	A098117827	10	07.12.2009	05.02.2011	16
11.	05014281151982	A040300750	10	04.11.2009	05.02.2011	16
12.	04017445741996	A97124068	10	28.09.2009	22.12.2010	16
13.	05014253201982	8215	10	06.01.2010	05.02.2011	15
14.	05014257121982	9320221	10	06.01.2010	05.02.2011	15
15.	05014280171982	A030704547	10	06.01.2010	05.02.2011	14
16.	04006215051996	A098094850	10	05.01.2010	08.02.2011	14
17.	04008105911988	A098013699	10	27.01.2010	29.01.2011	13
18.	04015195762006	9412915	10	25.01.2010	23.01.2011	13
19.	04006110271994	840406557	10	05.01.2010	06.12.2010	12
20.	04038635592003	A020701783	10	20.01.2010	15.12.2010	12
21.	05014259081982	A099042646	10	07.06.2010	05.02.2011	10
22.	04042807722005	A050506151	10	31.01.2010	27.01.2011	10
23.	05014279021982	7536503	10	05.07.2010	05.02.2011	8
24.	01007192121991	921136206	10	26.04.2010	26.10.2010	7
25.	01017458902000	99042360	10	13.04.2010	12.10.2010	7
26.	04035196822001	B098121915	10	24.08.2010	23.01.2011	6
27.	01001463421981	83D1093	20	28.05.2010	29.10.2010	6
28.	01008052071995	94G03030	10	10.06.2010	09.11.2010	6
29.	05014277061982	A030601300	10	10.10.2010	05.02.2011	5
30.	05014256141982	205490	10	04.08.2010	03.11.2010	4
31.	01026329682008	000111554	20	21.07.2010	26.10.2010	4
32.	05014261211982	7525058	10	05.12.2010	05.02.2011	3
33.	05014284731999	E96110099	10	10.10.2010	05.12.2010	3
34.	01001415321995	B96050124	20	30.08.2010	29.10.2010	3
35.	01018589662001	00673	20	16.08.2010	19.10.2010	3

Sumber: SATU

- b. Lawatan Audit pada 24 November 2010, 23 Februari 2011 dan 1 Mac 2011 ke premis pengguna yang menerima bil anggaran mendapati di antara sebab bil dibaca secara anggaran adalah kerana meter berada di dalam pagar yang berkunci, di dalam semak, meter terletak di dalam premis dan meter rosak antaranya seperti di **Gambar 8.1** hingga **Gambar 8.3**.

**Gambar 8.1**  
**Meter Di Dalam Pagar Yang Berkunci**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perumahan Awam Kos Rendah  
Pelagat 3, Besut  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 8.2**  
**Meter Berada Di Dalam Semak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perumahan Awam Kos Rendah  
Pelagat 3, Besut  
Tarikh: 24 November 2010

**Gambar 8.3**  
**Lokasi Meter Di Dalam Premis**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Petani, Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 Mac 2011

- c. Pihak Audit dimaklumkan, bil-bil yang dibaca secara anggaran melebihi 3 bulan berturut-turut telah pun diambil tindakan yang sewajarnya dengan menulis surat kepada pengguna supaya meter berkenaan dialihkan di luar pagar. Manakala bagi meter yang rosak, Pembaca Meter Air perlu mengisi Borang P4 iaitu Borang Arahan Pertukaran Meter Rosak. Meter-meter yang rosak juga telah ditukar kepada meter baru. Pihak SATU juga mengakui bahawa kelewatan menukar meter berlaku kerana kelewatan penyediaan Borang P4 oleh Pembaca Meter Air dan juga kelewatan mengemas kini maklumat ke dalam fail induk oleh Penolong Pegawai Sistem Maklumat.

#### **8.4.2.4. Penggunaan Perdagangan Dicajkan Di Bawah Kod Tarif Rumah Tangga**

Semakan Audit mendapati sebanyak 34 kes di Daerah Kemaman yang menjalankan aktiviti perhotelan di pangaspuri telah dicajkan di bawah kod tarif rumah tangga. Kesilapan mengenakan caj tersebut telah menyebabkan SATU mengalami kekurangan hasil kerana kod tarif perdagangan adalah lebih tinggi daripada kod tarif rumah tangga. **Jadual 8.9** menunjukkan perbandingan terhadap 5 daripada 34 akaun tersebut yang terkurang hasil sejumlah RM624.90 disebabkan kesilapan caj berkenaan. Pihak Audit dimaklumkan pada peringkat awal permohonan, premis ini dijual kepada individu sebagai premis kediaman dan SATU tidak dimaklumkan bahawa pemilik berkenaan telah menyerah kembali kepada Awana Kijal Golf, Beach & Spa Resort untuk diuruskan sebagai apartmen resort secara komersil. Bagaimanapun, pertukaran kod akan dibuat mulai bulan Jun 2011.

**Jadual 8.9**  
**Kegunaan Perdagangan Tetapi Dicajkan Di Bawah**  
**Kod Tarif Rumah Tangga Bagi Tahun 2010**

Bil.	No. Akaun	Rumah Tangga (RM)	Perdagangan (RM)	Jumlah Terkurang Hasil (RM)
1.	04035782612003	55.62	173.20	117.58
2.	04035780652003	48.00	180.00	132.00
3.	04035798462003	48.00	180.00	132.00
4.	04035787512003	48.20	174.50	126.30
5.	04035778522003	50.28	167.30	117.02
<b>Jumlah</b>		<b>250.10</b>	<b>875.00 (*)</b>	<b>624.90</b>

Sumber: SATU

Nota: \* - Perkiraan Audit berdasarkan kadar penggunaan dan kod tarif perdagangan.

#### **8.4.3. Pengurusan Meter Air**

##### **8.4.3.1 Penggunaan Automatic Meter Reading**

Tanggungjawab SATU adalah untuk memberi perkhidmatan yang baik dalam membekalkan air bersih kepada pelanggan. Pengguna berkapasiti besar yang menggunakan meter lama terdedah kepada ketidakstabilan dalam bacaan meter. Pada tahun 2007, SATU telah membeli sebanyak 62 *Automatic Meter Reading (AMR)* secara kontrak dengan kos sejumlah RM1.23 juta dan tempoh kecacatan adalah selama satu tahun dari tarikh siap iaitu pada 16 Januari 2008. Pembelian meter ini membolehkan Pembaca Meter Air membuat bacaan meter melalui *web portal* tanpa perlu turun ke tapak. Selain itu, bacaan meter dapat dibuat secara tepat dan boleh digunakan bagi tujuan pemantauan.

##### **8.4.3.2. Meter AMR Tidak Dapat Dibaca**

- Pemeriksaan Audit mendapati berlaku kerosakan meter AMR di beberapa lokasi yang menyebabkan bacaan melalui *web portal* tidak dapat dilakukan kerana bateri tidak berfungsi dan modem rosak antaranya seperti di **Jadual 8.10**. Kesannya, Pembaca Meter Air perlu membuat bacaan meter di tapak.

**Jadual 8.10**  
**Meter AMR Rosak**

Bil.	No. Akaun	Lokasi	Tempoh Kerosakan
1.	05076440582003	Sek. Men. Agama Sheikh Abdul Malik	04/2009 - 08/2009
2.	05090531532008	Hotel Felda	04/2010 - 12/2010
3.	05031635212199	UMT (Pusat Perikanan)	09/2009 - 01/2010
4.	05036395732000	UDM (KUSZA)	03/2009 - 01/2010 03/2010 - 09/2010
5.	05046926511994	YIYI Sdn. Bhd.	05/2009 - 06/2009 01/2010 - 03/2010
6.	06075065672002	Sek. Berasrama Penuh Integrasi	08/2009 - 10/2010
7.	05032322241991	Institut Latihan Petronas	01/2010 - 11/2010
8.	01001182202006	TUDM Bukit Puteri, Besut	02/2011 - 03/2011

Sumber: SATU

- b. Lawatan Audit pada 15 Mac 2011 di satu lokasi meter AMR mendapati meter tersebut tidak dapat dibuat bacaan kerana bateri tidak berfungsi seperti di **Gambar 8.4**.

**Gambar 8.4**  
**Meter AMR Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: TUDM Bukit Puteri, Besut  
Tarikh: 15 Mac 2011

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Aduan Kerosakan SATU Daerah Besut menunjukkan bacaan meter AMR tidak dapat diakses melalui *web portal* kerana mengalami kerosakan modem seperti di **Jadual 8.11**. Setelah teguran Audit, pihak SATU telah membaiki kerosakan berkenaan dan jadual penyelenggaraan berkala ke atas meter AMR akan disediakan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang.

**Jadual 8.11**  
**Laporan Kerosakan AMR**

Nama Pengguna	Jenis Kerosakan	Tarikh Aduan	Kos (RM)
Maktab Perguruan	Modem	03.05.2010	5,171
Sekolah Menengah Teknik	Modem	03.05.2010	3,858
TUDM Bukit Puteri	Modem	17.09.2009	6,400
MRSMPaya Rawa	Modem	31.12.2009	8,146
<b>Jumlah</b>			<b>23,575</b>

Sumber: SATU

#### **8.4.3.3. Penggunaan Meter Plastik Multi Jet Saiz 15 mm**

Meter merupakan salah satu komponen penting dalam sistem bekalan dan retikulasi air yang bertujuan untuk menyukat kuantiti penggunaan air. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh SATU pada tahun 2006 kepada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah menyatakan penggunaan meter plastik ini dapat menghindarkan kes-kes kehilangan atau kecurian meter air domestik dan ianya telah digunakan oleh SATU sejak tahun 2002. Pada tahun 2007, Lembaga Tender telah bersetuju menerima tawaran secara sambungan kontrak terdahulu bagi pembelian meter saiz 15 mm dengan harga RM45 seunit. SATU menjangkakan penggunaan meter plastik ini dalam tempoh setahun adalah sebanyak 13,500 unit. Laporan juga menyatakan meter yang dibekalkan adalah menepati spesifikasi. Bagi tempoh 4 tahun iaitu tahun 2007 hingga 2010, SATU telah membeli sebanyak 60,586 unit meter plastik dengan kos RM2.73 juta. Pemeriksaan Audit pada 1 Mac 2011 di stor SATU Kuala Terengganu mendapati meter plastik yang rosak telah disimpan dalam tong dan tidak direkodkan. Pihak Audit difahamkan meter plastik ini mudah rosak dan kerosakannya adalah berpunca daripada cermin pecah, penyambung patah dan meter tertanggal seperti di **Gambar 8.5** dan **Gambar 8.6**. Pihak SATU memaklumkan penggunaan meter plastik adalah bertujuan bagi mengelakkan kecurian meter dan meter-meter yang rosak ini akan dilupuskan. Pengurusan SATU telah membuat penilaian semula penggunaan meter plastik ini kepada meter logam. Proses perolehan meter logam sedang dibuat dan pembekalan oleh kontraktor dijangka akan diperoleh pada bulan Jun 2011.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU, Gong Badak, Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 Mac 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU, Gong Badak, Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 Mac 2011

#### **8.4.3.4. Pemasangan Bulk Meter**

Bagi pemaju perumahan, pihak SATU telah menyediakan penyaluran air yang besar melalui *bulk meter* sebagai meter induk dan dihubungi dengan meter bersaiz kecil iaitu 15 mm kepada setiap unit premis. Bayaran bil air bagi bacaan meter di premis pengguna akan dibayar oleh setiap pengguna kepada SATU. Manakala perbezaan bacaan *bulk meter* ditanggung oleh syarikat pemaju perumahan berkaitan. Pihak pemaju perumahan

dikehendaki membayar bil perbezaan antara jumlah pada *bulk meter* dan jumlah yang digunakan oleh semua pengguna premis di tapak projek perumahan berkenaan. Lawatan Audit pada 1 Mac 2011 ke Flat Kampung Kolam, Kuala Terengganu mendapati *bulk meter* yang dipasang di luar pagar flat telah rosak sejak 16 Oktober 2008 seperti di **Gambar 8.7**. Ini menyebabkan SATU tidak dapat membuat bacaan perbandingan antara *bulk meter* dengan meter pengguna. Selain itu, SATU akan mengalami kerugian hasil sekiranya berlaku kehilangan air selepas *bulk meter* kerana bacaan pada *bulk meter* tidak dapat dilakukan. Pihak Audit dimaklumkan, SATU akan mengambil tindakan menukar *bulk meter* berkenaan.

**Gambar 8.7**  
**Bulk Meter Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Flat Kampung Kolam, Kuala Terengganu  
Tarikh: 1 Mac 2011

#### 8.4.3.5. Penggantian Meter Berusia Dan Meter Rosak

- Penggantian meter air adalah penting bagi mempertingkatkan perkhidmatan syarikat kepada pelanggan dan meningkatkan pendapatan SATU. Berdasarkan amalan terbaik, tempoh penggantian meter adalah antara 7 hingga 10 tahun. Meter dijangka akan menjadi kurang tepat dalam merekodkan bacaan dan boleh menyebabkan kehilangan pendapatan hasil air. Pemeriksaan Audit mendapati SATU mempunyai program penggantian meter di mana meter akan diganti setiap tahun merangkumi semua daerah. Selain itu, penggantian meter juga dilakukan apabila terdapat aduan kerosakan dan pengguna tidak dikenakan bayaran. Manakala bagi kes kecurian, pengguna akan dikenakan bayaran caj pemasangan sebanyak RM10. **Jadual 8.12** menunjukkan kedudukan penggantian meter yang telah dilaksanakan oleh SATU bagi tahun 2007 hingga 2010. Program penggantian meter akan dibuat secara berperingkat mengikut keupayaan kewangan SATU.

**Jadual 8.12**  
**Penggantian Meter Berusia Dan Meter Rosak**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Meter Melebihi 7 Tahun	Meter Telah Ditukar
2007	99,119	14,140
2008	99,775	14,091
2009	95,497	7,382
2010	87,643	9,179
<b>Jumlah</b>		<b>44,792</b>

Sumber: SATU

- b. Berdasarkan **Jadual 8.12** di atas, sebanyak 44,792 unit meter telah ditukar dengan meter plastik dalam tempoh 4 tahun. Pihak Audit juga difahamkan sebahagian besar pengguna tidak berpuas hati dengan penggantian meter plastik kerana ianya tidak tahan lama atau cepat rosak. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh masa meter plastik berkenaan digunakan kerana SATU tidak menyediakan rekod dengan lengkap.

#### **8.4.3.6. Pengujian Meter Tidak Dapat Dilakukan**

- a. Kualiti meter yang dibekalkan kepada pengguna adalah penting bagi memastikan bacaan meter adalah tepat dan selaras dengan pengeluaran air yang digunakan serta tidak diragui. Bagi pengguna yang tidak yakin dengan bacaan meter yang dibuat oleh SATU, pengguna boleh memohon bagi membuat pengujian meter. Sebelum ujian dilakukan, pengguna perlu menjelaskan cagaran ujian sebanyak RM7.50. Cagaran ini akan dikembalikan sekiranya keputusan ujian mendapati perbezaan isi padu air digunakan dan air yang keluar dari meter melebihi 3%. Bagaimanapun pihak Audit mendapati bagi Daerah Kemaman dan Besut, ujian berkenaan tidak dapat dilakukan di Bengkel Ujian Meter yang terletak di stor daerah SATU kerana alat tersebut telah rosak sejak tahun 2008 seperti di **Gambar 8.8** dan **Gambar 8.9**.

**Gambar 8.8**  
**Alat Penguji Meter Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU, Besut  
Tarikh: 25 November 2010

**Gambar 8.9**  
**Alat Penguji Meter Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Stor SATU, Kemaman  
Tarikh: 24 Februari 2011

- b. Bagi Daerah Kemaman, pihak Audit difahamkan ujian meter telah dilakukan secara manual dengan menggunakan meter yang dibawa oleh kakitangan SATU ke tapak meter pengguna bagi mengenal pasti perbezaan antara isi padu air digunakan dan air yang keluar. Ujian secara demikian boleh dipertikaikan kerana ianya tidak menepati standard yang ditetapkan dan perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Sukat dan Timbang. Manakala bagi Daerah Besut, pengujian meter dilakukan di Pejabat Mekanikal SATU Gong Badak, Kuala Terengganu. Bagi tahun 2007 hingga 2010, sebanyak 120 kes pengujian meter telah dibuat di Daerah Kuala Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 90 unit meter dalam keadaan baik dan sebanyak 30 unit meter didapati rosak. Bagaimanapun, bagi Daerah Kemaman dan Besut tiada maklumat diperoleh. Pihak Audit dimaklumkan, alat penguji meter tersebut telah dipasang sejak 15 tahun yang lalu dan kerosakan yang berlaku memerlukan kos pembaikan yang tinggi serta penggantian sebahagian komponen tidak dapat dilakukan kerana komponen berkenaan tiada lagi di pasaran. Bagaimanapun SATU akan membaiki beberapa alat penguji meter dan sekiranya perlu, ujian akan dilakukan di Pejabat Mekanikal SATU Gong Badak, Kuala Terengganu.

#### 8.4.4. Pengurusan Kutipan

##### 8.4.4.1. Prestasi Kutipan Hasil Air

- a. Pembayaran bil air boleh dibuat di Pejabat SATU dan pusat pembayaran bil setempat seperti TNB, Telekom Malaysia, Pos Malaysia dan juga di bank komersial tertentu. Kaedah pembayaran boleh dibuat sama ada secara tunai, cek, wang pos atau bank draf. Semakan Audit mendapati nilai bil yang dikeluarkan dan kutipan hasil air telah meningkat setiap tahun dari tahun 2007 hingga 2010. Bagaimanapun, prestasi kutipan hasil air menurun kepada 98.3% pada tahun 2010 berbanding 100.1% pada tahun 2009. Kedudukan prestasi kutipan hasil air bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.13**.

**Jadual 8.13**  
**Prestasi Kutipan Hasil Air Berbanding Bil Dikeluarkan Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Butiran	Tahun							
	2007		2008		2009		2010	
	Domestik	Industri	Domestik	Industri	Domestik	Industri	Domestik	Industri
Bilangan Bil Dikeluarkan (Juta)	1.96	0.27	2.23	0.31	2.3	0.33	2.47	0.36
Nilai Bil Dikeluarkan (RM Juta)	36.98	50.78	38.24	55.3	41.87	55.31	40.94	62.55
Jumlah Nilai Bil Dikeluarkan (RM Juta)	87.76		93.54		97.18		103.49	
Nilai Kutipan Hasil (RM Juta)	88.54		92.84		97.29		101.75	
Perbezaan Nilai (RM Juta)	(0.78)		0.70		(0.11)		1.74	
Prestasi Kutipan (%)	100.9		99.3		100.1		98.3	

Sumber: SATU

- b. Perkara tersebut berlaku disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:-
  - i. Pembayaran bil pada bulan November atau Disember tahun semasa dibuat bayaran pada tahun 2011.
  - ii. Pemotongan tidak dapat dibuat kerana akan menimbulkan isu yang lebih besar kepada sosio ekonomi Negeri khususnya yang melibatkan premis-premis Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti sekolah, hospital dan sebagainya.
  - iii. Pemotongan bekalan air bagi akaun pengguna besar seperti kilang-kilang boleh menyebabkan terhentinya operasi.
  - iv. Kelemahan di Unit Kuat Kuasa dan kekurangan Pembaca Meter Air.
- c. Bagi mengatasi masalah ini, SATU menggalakkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan membuat bayaran secara pukal, membuat susulan secara peribadi dengan pengguna-pengguna akaun besar dan membuat pengambilan kakitangan baru.

#### 8.4.4.2. Pengurusan Tunggakan Hasil Air

Seksyen 88 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 menetapkan Agensi Bekalan Air perlu mendapatkan bayaran terhadap bekalan air yang dibekalkan dalam masa 30 hari dari tarikh penyerahan bil. Kecekapan sesuatu agensi memungut hasil adalah berkait rapat dengan kutipan hasil yang dibuat berbanding dengan bil yang dikeluarkan. Semakan Audit terhadap Laporan Akaun Belum Terima mendapati, tunggakan hasil air telah meningkat setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2010. Tunggakan hasil air pada tahun 2010 berjumlah RM9.42 juta telah meningkat sejumrah RM1.95 juta atau 26.1% berbanding RM7.47 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 8.14**. Di antara pengguna yang mempunyai tunggakan yang besar ialah pemaju projek perumahan di Kuala Terengganu yang berjumlah RM257,407. Pihak SATU telah menghantar surat peringatan

dan perjumpaan dengan pemaju tersebut bagi menyelesaikan tunggakan. Bagaimanapun, tiada tindakan guaman diambil oleh SATU terhadap pemaju berkenaan bagi mengatasi masalah ini. Pihak Audit dimaklumkan oleh SATU, antara tindakan yang dipraktikkan ialah dengan menghantar surat amaran atau peringatan dan disusuli dengan rundingan sama ada persetujuan bayaran secara ansuran bulanan dibuat atau bekalan air dipotong. Bagaimanapun, SATU memandang serius cadangan mengambil tindakan guaman bagi kes-kes yang tertentu.

**Jadual 8.14**  
**Prestasi Tunggakan Hasil Air Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Daerah	Tahun			
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Kuala Terengganu	3.88	4.26	3.96	5.12
Kemaman	2.61	2.51	2.78	3.26
Besut	0.27	0.45	0.73	1.04
<b>Jumlah</b>	<b>6.76</b>	<b>7.22</b>	<b>7.47</b>	<b>9.42</b>

Sumber: SATU

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan adalah kurang memuaskan kerana tunggakan hasil air telah meningkat setiap tahun. SATU hendaklah mengambil tindakan tegas termasuk mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan bayaran tertunggak tersebut.

#### 8.4.5. Pengurusan Cagaran Air

8.4.5.1. Mengikut peraturan yang telah ditetapkan, pengguna perlu membayar wang cagaran pada kadar tertentu mengikut jenis bekalan sebelum air boleh dibekalkan kepada premis kecuali bangunan Kerajaan dan masjid yang berdaftar dengan JHEAT. Tujuan cagaran dikenakan adalah sebagai jaminan sekiranya pengguna tidak dapat menjelaskan bil mereka. Jika akaun tidak mempunyai cagaran, maka SATU tidak mempunyai jaminan untuk membuat pelarasan terhadap bil yang tidak dapat dijelaskan oleh pengguna. Semakan Audit mendapati sebanyak 2,975 akaun pengguna yang masih aktif tiada bayaran cagaran. Berdasarkan perkiraan Audit, dianggarkan sejumlah RM302,100 bayaran cagaran perlu dikutip oleh SATU terhadap akaun berkenaan.

8.4.5.2. Sebanyak 994 akaun tiada bayaran cagaran tetapi mempunyai tunggakan bayaran bil. Maklumat terperinci 17 daripada 994 akaun tersebut adalah seperti di **Jadual 8.15**.

**Jadual 8.15**  
**Akaun Tiada Cagaran Tetapi Mempunyai Tunggakan**

Daerah	Bil.	No. Akaun	Status	No. Meter	Tarif	Tunggakan (RM)
Kuala Terengganu	1.	5010817921997	Aktif	94G189	20	7,217.30
	2.	5014284731999	Aktif	E96110099	10	1,733.18
	3.	5042668711993	Aktif	2822658-89	10	1,059.37
	4.	5037199371999	Aktif	A099042180	10	659.28
	5.	5055671491996	Aktif	090312498P	20	628.60
	6.	5044803651997	Aktif	95G18	20	609.55
	7.	5004946751995	Aktif	B021200242	10	606.09
	8.	5062919401998	Aktif	080600662P	20	586.75
	9.	5002040281997	Aktif	A97072707	10	562.94
Besut	10.	1002979772004	Aktif	96J50044	20	437.10
	11.	1007255052002	Aktif	A090311891	10	370.59
	12.	1010362101999	Aktif	A098114391	10	358.86
	13.	1009318751998	Aktif	9602189	10	332.43
	14.	1001540251996	Aktif	A070106607	10	278.43
	15.	1000667101995	Aktif	60301981	20	271.22
	16.	1008815661998	Aktif	B97071651	10	228.42
	17.	1008585531999	Aktif	9607949	10	201.67

Sumber: SATU

8.4.5.3. Pihak SATU memaklumkan perkara ini berlaku kerana kehilangan maklumat semasa proses migrasi dari sistem manual kepada sistem komputer yang dilaksanakan pada tahun 1995. Pihak SATU sukar untuk mendapatkan semula bayaran cagaran atau merampas cagaran ini kerana ketiadaan bukti. Bagi memastikan akaun-akaun seperti ini menjelaskan tunggakan bil, SATU telah mengeluarkan notis pemotongan dari semasa ke semasa. Pemotongan akan dibuat sekiranya pengguna gagal menjelaskan tunggakan.

**Pada pendapat Audit pengurusan cagaran air kurang memuaskan kerana akaun tiada bayaran cagaran dan mempunyai tunggakan bayaran bil.**

#### 8.4.6. Pelarasan Debit Dan Kredit

8.4.6.1. Berdasarkan Manual Operasi Bisnes Air, pelarasan bil adalah merupakan satu proses debit atau kredit bil dan perlu mendapat kelulusan Pengurus Daerah, Pengurus Kewangan atau Penolong Pengurus Daerah kecuali bagi rayuan bil yang tinggi akibat kebocoran perlu diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Ianya bertujuan bagi memastikan perekodan bil, kutipan dan akaun pengguna adalah betul dan tepat. Borang Arahan Debit/Kredit hendaklah diisi dan diluluskan oleh Pengurus Daerah sebelum diserah kepada Operator Mesin Pemprosesan Data untuk dibuat pelarasan di dalam Sistem Hasil Air. Laporan senarai Nota Kredit dan Nota Debit dicetak setiap akhir bulan untuk disemak dan difailkan. **Jadual 8.16** menunjukkan status pelarasan debit dan kredit.

**Jadual 8.16**  
**Status Pelarasan Debit Dan Kredit Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahun	Jenis Pelarasan				Jumlah	
	Debit		Kredit		Bil	RM
	Bil	RM	Bil	RM		
2007	315	297,855	6,918	1,005,124	7,233	1,302,979
2008	425	522,192	1,953	1,300,584	2,378	1,822,776
2009	498	828,498	2,204	695,124	2,702	1,523,622
2010	382	79,450	2,907	861,800	3,289	941,250
<b>Jumlah</b>	<b>1,620</b>	<b>1,727,995</b>	<b>13,982</b>	<b>3,862,632</b>	<b>15,602</b>	<b>5,590,627</b>

Sumber: SATU

8.4.6.2. Analisis Audit mendapati, antara sebab-sebab pelarasan debit dan kredit tertinggi bagi tahun 2007 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.17**. Pihak Audit dimaklumkan sebahagian besar pelarasan dibuat disebabkan oleh kesilapan manusia, kecekapan pengurusan dan sebagainya. Bagi mengatasi masalah ini, SATU dalam proses penyusunan semula struktur organisasi dengan melantik penyelia-penyelia mengikut zon pengguna dan jumlah akaun yang akan dipantau. Latihan yang berterusan juga akan diberikan kepada kakitangan yang berkaitan.

**Jadual 8.17**  
**Jumlah Pelarasan Debit Dan Kredit Tertinggi Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Bil.	Sebab-sebab	Jumlah	
		Bil	RM
1.	Salah Bacaan	2,043	2,104,987
2.	Lain-lain Sebab	807	1,333,094
3.	Salah Kemasukan Bayaran	434	684,291
4.	Pindah Hutang	633	588,684
5.	Rayuan Bil	3,313	341,606
6.	Salah Average	385	178,646
7.	Lebihan Bayaran Bil	485	162,750
8.	Bayaran Bil Air	724	102,547
9.	Cek Tidak Sah	215	65,047
10.	Laras Caj Penalty	1,286	12,930
11.	Pelarasan Sewa Meter	5,179	7,896
12.	Jurnal Ke Hasil	58	4,914
13.	Salah Premis	35	2,915
14.	Pelarasan Bayaran Cagaran	5	320
<b>Jumlah</b>		<b>15,602</b>	<b>5,590,627</b>

Sumber: SATU

#### 8.4.7. Penguatkuasaan Dan Pemotongan Bekalan Air

##### 8.4.7.1. Penguatkuasaan Kesalahan

Pada keseluruhananya aktiviti penguatkuasaan adalah merupakan elemen yang penting dalam memastikan segala rancangan dan pengebilan air dipatuhi oleh pengguna. Tanpa aktiviti penguatkuasaan yang berkesan, masalah penggunaan air secara haram sukar di kesan. Semakan Audit mendapati di Daerah Besut bagi tahun 2009 hingga 2010 sebanyak 14 kes kecurian air berlaku melibatkan 2,159 M<sup>3</sup> air dan semua kes tersebut telah diselesaikan. Manakala bagi Daerah Kemaman dan Kuala Terengganu maklumat kecurian air tidak diperoleh. Sehingga kini tiada kes tindakan mahkamah diambil terhadap pengguna. Pihak Audit dimaklumkan, SATU memandang serius kes kecurian air

sebagaimana yang telah berlaku di Daerah Besut. Mereka yang terlibat telah dikenakan denda atau ganti rugi dan telah pun membuat bayaran.

#### **8.4.7.2. Pemotongan Bekalan Air**

SATU menetapkan bahawa notis pemotongan akan dikeluarkan bagi akaun tertunggak melebihi 2 bulan. Sekiranya notis tersebut tidak dijelaskan dalam masa 7 hari, maka pemotongan akan dijalankan. Pengguna akan dikenakan bayaran sebanyak RM10 sebagai bayaran penyambungan semula meter. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 sebanyak 30,993 pemotongan bekalan dilakukan iaitu Daerah Kuala Terengganu sebanyak 6,295, Kemaman sebanyak 14,155 dan Besut sebanyak 10,543. Pengurusan SATU juga sedang membuat kajian kemungkinan untuk *outsourcing* unit ini.

**Pada pendapat Audit, aktiviti penguatkuasaan dan pemotongan bekalan air perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan tunggakan bayaran bil.**

#### **8.4.8. Pengurusan Aduan/Pusat Khidmat Pelanggan**

Pusat Khidmat Pelanggan SATU adalah medium perhubungan utama di antara SATU dan pelanggan yang beroperasi selama 24 jam sehari di talian bebas tol 1-300-882-111 serta merupakan pusat sumber untuk mendapat segala bentuk maklumat mengenai perkhidmatan dan membuat sebarang bentuk aduan. Matlamat SATU adalah untuk sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan, memberikan layanan mesra, profesional dan cepat bagi setiap pelanggan. Jenis-jenis aduan berkenaan bil bagi tahun 2009 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 8.18**. Semakan Audit mendapati semua aduan telah diambil tindakan. Pihak Audit dimaklumkan pada tahun 2011, SATU telah menggunakan pakai khidmat sumber luar yang profesional dalam pengendalian pusat khidmat panggilan pelanggan (*CareLine Contact Center*). Segala aduan kepada [helpdesk@satuwater.com.my](mailto:helpdesk@satuwater.com.my) dan panggilan kepada nombor talian *careline* SATU: 1-300-882-111 akan dihubungkan secara terus ke pusat tersebut di mana ejen-ejen yang terlatih akan memastikan setiap pelanggan dilayan dengan segera, mesra dan berinformasi pada tahap piawaian yang telah ditetapkan. Langkah penambahbaikan ini diharap dapat memberikan impak yang besar kepada peningkatan keseluruhan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pihak SATU kepada masyarakat.

**Jadual 8.18**  
**Aduan Berkenaan Bil Bagi Tahun 2009 Hingga 2010**

Bil.	Jenis Aduan	Tahun					
		2009			2010		
		Kuala Terengganu	Besut	Kemaman	Kuala Terengganu	Besut	Kemaman
1.	Bil Belum Keluar/Terima	4	3	1	-	1	7
2.	Bil Tinggi	1,115	12	313	902	11	254
3.	Kompaun	3	-	-	3	-	-
4.	Lain-lain Aduan Akaun/Bil	4	2	382	15	3	364
5.	Perkiraan Bil Yang Ragu	3	-	3	2	1	-
6.	Tukar Maklumat Akaun Pengguna	-	-	-	1	-	4
7.	Tunggakan Pada Bil	1	1	-	2	-	2
<b>Jumlah</b>		<b>1,130</b>	<b>18</b>	<b>699</b>	<b>925</b>	<b>16</b>	<b>631</b>

Sumber: SATU

**Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah memuaskan kerana semua aduan dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.**

## 8.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbaiki dan tidak berulang lagi pada masa akan datang, SATU adalah disyorkan mempertimbangkan perkara berikut:

8.5.1. Aktiviti penguatkuasaan dan pemotongan bekalan air dipertingkatkan bagi mengurangkan tunggakan.

8.5.2. Bahagian Teknologi Maklumat perlu mengemas kini data terhadap aktiviti pengebilian, pemotongan, penyambungan semula dan permohonan baru supaya data sentiasa dalam status terkini.

8.5.3. Melaksanakan ujian terhadap meter yang berusia bagi memastikan ketepatan bacaan dan mengelakkan air yang tidak berhasil (*non revenue water*).

8.5.4. Bahagian Pembaca Meter Air perlu memastikan pembacaan meter dibuat mengikut norma yang telah ditetapkan.

8.5.5. Koordinasi dan komunikasi antara Bahagian Permohonan Baru, Bahagian Kemasukan Data dan Bahagian Pembaca Meter perlu dipertingkatkan.



## **BAHAGIAN II**

# **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**



## **BAHAGIAN II** **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **9. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agenzi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat tersebut. Pada tahun 2010, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan syarikat TATI University College Sdn. Bhd. dan GPQ Sdn. Bhd.

### **LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU**

### **10. TATI UNIVERSITY COLLEGE SDN. BHD.**

#### **10.1. LATAR BELAKANG**

10.1.1. TATI University College Sdn. Bhd. (Syarikat) dahulunya dikenali sebagai Terengganu Advance Technical Institute Sdn. Bhd. (TATI) telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada 11 Jun 1993 dengan modal dibenarkan sejumlah RM5 juta dan modal dibayar sejumlah RM4 juta. Syarikat telah mendapat pengiktirafan sebagai Kolej Universiti daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada 27 Mei 2007. Syarikat merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

10.1.2. Objektif Syarikat adalah untuk dikenali sebagai pusat pengajian berkemahiran tinggi di peringkat dunia dengan misi menjanakan teknokrat yang mahir dalam bidang kejuruteraan terkini dan kecekapan perindustrian. Program-program yang ditawarkan telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Syarikat ialah antara institusi pertama di Malaysia yang memperoleh pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 1999. Syarikat juga telah mendapat sijil ISO 9001:2000 pada 18 Oktober 2004.

10.1.3. Syarikat mempunyai 8 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri, 3 orang wakil daripada Kerajaan Negeri, 2 orang wakil daripada Institusi

Pengajian Tinggi dan masing-masing seorang wakil daripada Syarikat dan Industri. Syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang juga dikenali sebagai Rektor yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal pengurusan Syarikat dan dibantu oleh 132 kakitangan tetap, 124 kakitangan kontrak dan 7 kakitangan sementara yang bertanggungjawab di 2 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Akademik.

## **10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat Syarikat adalah teratur dan selaras dengan matlamat penubuhannya.

## **10.3. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit dilakukan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti Syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 hingga 2010. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai berkenaan serta lawatan fizikal juga dijalankan.

## **10.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2010 hingga Januari 2011 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat masih mempunyai keuntungan terkumpul serta kedudukan kewangan yang baik dan stabil walaupun keuntungan tahun 2010 berkurangan berbanding tahun 2009 dan 2008. Pengauditan terhadap aktiviti utama Syarikat mendapati tawaran kursus yang berteraskan kemahiran adalah memuaskan di mana jumlah kemasukan pelajar pada tahun 2010 meningkat berbanding tahun 2009. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat adalah seperti berikut:

### **10.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **10.4.1.1. Analisis Trend**

- a. Analisis terhadap penyata kewangan mendapati Syarikat telah mencatatkan penurunan dalam jumlah pendapatan bagi tempoh 2 tahun dari tahun 2008 hingga 2010 masing-masing sejumlah RM2.91 juta dan RM0.71 juta. Jumlah perbelanjaan Syarikat telah meningkat bagi tempoh yang sama masing-masing sejumlah RM1.54 juta dan RM1.39 juta. Butiran perbelanjaan yang meningkat adalah belanja utiliti, gaji dan elauan kakitangan, perbelanjaan susut nilai, bayaran pakar perunding asing dan pensyarah sambilan. Penurunan jumlah pendapatan berbanding peningkatan jumlah perbelanjaan menyebabkan keuntungan semasa Syarikat menurun bagi tempoh yang sama.


- b. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada tahun 2010 mendapati jumlah aset telah menurun sejumlah RM1.09 juta atau 1.3% daripada RM80.38 juta berbanding RM81.47 juta pada tahun 2009. Manakala liabiliti menunjukkan pengurangan masing-masing sejumlah RM2.72 juta dan RM1.99 juta pada tahun 2010 dan 2009. Syarikat mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham sebanyak RM41.86 juta pada tahun 2010. Selain itu, semakan Audit mendapati Geran Kerajaan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah diambil kira dalam liabiliti bukan semasa. Pihak Audit berpendapat, geran tersebut perlu diambil kira sebagai pembiayaan serta ditunjuk di dalam Penyata Perubahan Ekuiti.
- c. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.1**, **Carta 10.1** dan **Carta 10.2**.

**Jadual 10.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	9,644,771	10,819,817	12,514,664
Perbelanjaan Operasi	-	-	-
<b>Untung Kasar</b>	<b>9,644,771</b>	<b>10,819,817</b>	<b>12,514,664</b>
Pendapatan Lain	22,763,134	18,680,539	16,281,194
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	24,220,882	25,702,497	27,153,520
<b>Untung/(Rugi) Operasi</b>	<b>8,187,023</b>	<b>3,797,859</b>	<b>1,642,338</b>
Kos Kewangan	18,565	6,847	12,653
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>8,168,458</b>	<b>3,791,012</b>	<b>1,629,685</b>
Cukai	-	66,757	-


Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

**Carta 10.1**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

**Carta 10.2**  
**Kedudukan Keuntungan Semasa**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



#### **10.4.1.2. Analisis Nisbah**

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**  
**Hasil Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	4.88:1	2.61:1	2.23:1
Margin Keuntungan	25.2%	12.9%	5.7%
Pulangan Atas Aset	10.2:1	4.6:1	2:1
Pulangan Atas Ekuiti	22.4:1	9.3:1	3.9:1

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

##### **a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa Syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Pada amnya, nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini semakin teguh kemampuan Syarikat menanggung liabiliti jangka pendek. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2010 adalah pada kadar 2.23:1 iaitu menurun berbanding tahun 2009 dan 2008. Nisbah ini menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat mempunyai kecairan yang tinggi bagi menampung tanggungan semasa iaitu setiap ringgit tanggungan semasa dibiayai oleh aset semasa antara RM2.23 hingga RM4.88.

##### **b. Margin Keuntungan**

Margin keuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur kadar keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada perniagaan utama sesebuah Syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah Syarikat di mana setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan Syarikat. Syarikat mencatatkan margin keuntungan daripada operasi Syarikat sebanyak 5.7% pada tahun 2010 berbanding 12.9% pada tahun 2009 dan tahun 2008 sebanyak 25.2%.

##### **c. Pulangan Atas Aset**

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh Syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan semakin cekap Syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset menurun menjadi 2:1 pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan 2008.

#### d. Pulangan Atas Ekuiti

Pulangan atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal Syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapatkan kadar pulangan atas ekuiti menurun menjadi 3.9:1 pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 dan 2008.

**Pada pendapat Audit, Syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan kerana Syarikat masih memperoleh peningkatan keuntungan terkumpul walaupun mencatat kekurangan keuntungan semasa.**

#### 10.4.2. Pengurusan Aktiviti

Syarikat adalah sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang terlibat dalam bidang pendidikan berasaskan kemahiran tinggi yang menawarkan kursus dari peringkat sijil hingga sarjana. Sejak dari penubuhan hingga kini seramai 2,209 graduan telah berjaya menamatkan pengajian dalam program Diploma Kemahiran, *Higher National Diploma* (HND) dan Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, Syarikat telah berjaya melatih lebih 15,000 pelatih melalui kursus jangka pendek. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat mendapatkan perkara-perkara seperti berikut:

##### 10.4.2.1. Bilangan Pelajar Tidak Mencapai Unjuran

- a. Pelan Strategik Pembangunan yang dirancang setiap 5 tahun mengambil kira unjuran kemasukan bilangan pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan. Semakan Audit mendapatkan pelbagai usaha telah dijalankan oleh Syarikat untuk menarik minat pelajar bagi mengikuti program-program yang ditawarkan seperti menyiaran iklan di akhbar-akhbar harian, menyertai promosi atau pameran di ekspos pendidikan. Selain itu, lawatan ke industri berkaitan turut dilakukan bagi menarik minat pekerja-pekerja untuk mengikuti kursus lanjutan yang ditawarkan. Usaha yang dilakukan ini telah menampakkan kesannya di mana jumlah kemasukan pelajar telah meningkat pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**  
**Permohonan Dan Kemasukan Pelajar Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bilangan	Tahun		
	2008	2009	2010
Permohonan	1,441	2,049	3,242
Kemasukan	591	487	813
<b>Perbezaan</b>	<b>850</b>	<b>1,562</b>	<b>2,429</b>

*Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.*

- b. Walaupun permohonan menunjukkan peningkatan, namun pihak Syarikat tidak dapat memenuhi permintaan tersebut dan hanya dapat mengambil pelajar bagi tahun 2008 hingga 2010 masing-masing seramai 591, 487 dan 813 orang sahaja. Kemasukan pelajar yang rendah berbanding dengan pemohon yang berkelayakan adalah

disebabkan kemudahan asrama yang tidak mencukupi dan perpustakaan yang hanya dapat menampung 500 orang pelajar pada satu masa. Kemudahan asrama yang sedia ada hanya boleh menampung seramai 800 pelajar bagi setiap sesi pembelajaran.

- c. Analisis Audit ke atas maklumat kemasukan pelajar mendapati secara keseluruhannya pengambilan pelajar tidak mencapai unjuran yang ditetapkan seperti dalam Pelan Strategik Pembangunan. Bagi tahun 2008 hingga 2010, pencapaian sasaran masing-masing adalah sebanyak 81%, 61% dan 83%. Pihak Audit dimaklumkan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Pembangunan adalah tinggi daripada pencapaian sebenar supaya memberi motivasi kepada Syarikat bagi mencapai sasaran. Pengurusan Syarikat berpendapat pencapaian sebanyak 83% pada tahun 2010 adalah baik memandangkan persaingan dari IPTA dan IPTS. Pada tahun 2009, berlaku penurunan kemasukan pelajar ke TATI University College disebabkan pengurangan penajaan oleh MARA. Statistik bilangan pelajar berbanding unjuran bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**  
**Statistik Bilangan Pelajar Berbanding Unjuran Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Fakultti	Tahun					
	2008		2009		2010	
	Unjuran	Sebenar	Unjuran	Sebenar	Unjuran	Sebenar
Kejuruteraan Kimia	80	46	80	27	140	71
Kejuruteraan Pembuatan	200	193	200	190	200	236
Kejuruteraan Elektrik & Automasi	180	114	200	121	240	219
Kejuruteraan Media & Teknologi	20	26	70	28	120	109
Pusat Pengajian HND	120	134	120	66	120	79
Foundation	130	78	130	55	160	99
<b>Jumlah</b>	<b>730</b>	<b>591</b>	<b>800</b>	<b>487</b>	<b>980</b>	<b>813</b>

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

- d. Bagi mengatasi masalah kekurangan kemudahan asrama, Kerajaan Negeri bersetuju menyerahkan bangunan asrama di *International Training Centre* (ITC) di Telok Kalong, Kemaman kepada pengurusan Syarikat bagi tujuan penempatan pelajar. Bangunan asrama di ITC adalah seperti di **Gambar 10.1**. Bangunan asrama tersebut mempunyai 136 bilik yang boleh digunakan untuk menempatkan seramai 200 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 101 bilik telah digunakan manakala 35 bilik yang lain masih belum digunakan kerana mengalami kerosakan. Kerosakan ini berlaku sebelum Syarikat menempatkan pelajar di bangunan berkenaan. Lawatan Audit pada 18 Januari 2011 ke ITC mendapati berlaku lelehan air yang disebabkan masalah *water proofing*, suis yang rosak di dalam bilik dan takungan air di beranda tingkat 7 bangunan asrama kerana saluran air tersumbat seperti di **Gambar 10.2** hingga **Gambar 10.5**.

**Gambar 10.1**  
**Bangunan Asrama Di ITC Yang Dipinjamkan**  
**Oleh Kerajaan Negeri**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: ITC Teluk Kalong, Kemaman  
Tarikh: 18 Januari 2011

**Gambar 10.2**  
**Lelehan Air Di Suis Utama Elektrik**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama ITC  
Tarikh: 18 Januari 2011

**Gambar 10.3**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama ITC  
Tarikh: 18 Januari 2011

**Gambar 10.4**  
Suis Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama ITC  
Tarikh: 18 Januari 2011

**Gambar 10.5**  
Takungan Air Hujan Di Beranda Tingkat 7



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama ITC  
Tarikh: 18 Januari 2011

- e. Kiraan nisbah bilangan pelajar dengan pengajar mendapati kadar yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) iaitu 1:20 bagi program peringkat Diploma dan 1:15 pada peringkat Ijazah tidak dicapai di 3 fakulti seperti di **Jadual 10.5**. Bagaimanapun perbandingan secara keseluruhan mendapati kadar bilangan pengajar dan pelajar adalah selaras dengan kadar yang ditetapkan oleh LAN seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.5**  
Nisbah Bilangan Pengajar Berbanding Pelajar Berdasarkan Fakulti Dan Kursus

Fakulti	Tahun 2010			Nisbah	
	Kursus	Bil. Pelajar	Bil. Pengajar	Kadar Yang Ditetapkan LAN	Sebenar
Teknologi Kejuruteraan Kimia	Diploma	105	12	1:20	1:11
	Ijazah	25		1:15	
Teknologi Kejuruteraan Pembuatan	Diploma	260	29	1:20	1:14
	Ijazah	145		1:15	
Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Automasi	Diploma	393	21	1:20	1:20
	Ijazah	39		1:15	
Kejuruteraan Media & Teknologi	Diploma	103	15	1:20	1:11
	Ijazah	56		1:15	

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

**Jadual 10.6**  
Bilangan Pengajar Berbanding Keseluruhan Pelajar

Kategori	Jumlah Orang
Bilangan Pengajar	77
Bilangan Pelajar	1,456
Kiraan Nisbah	1:19
Kadar yang ditetapkan LAN	1:15 & 1:20

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

#### **10.4.2.2. Yuran Pengajian Yang Belum Dijelaskan Oleh Pelajar**

- a. Yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar merupakan salah satu sumber pendapatan Syarikat. Bagi melanjutkan pelajaran di TATI University College, terdapat agensi yang menyediakan kemudahan pinjaman pembelajaran kepada pelajar antaranya Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Yayasan Terengganu, Yayasan Johor dan lain-lain institusi kewangan. Semakan Audit terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati yuran pengajian yang belum dijelaskan oleh pelajar meningkat setiap tahun iaitu RM7.87 juta pada tahun 2008, RM8.64 juta pada tahun 2009 dan menjadi RM9.78 juta pada tahun 2010. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2010, sejumlah RM2.61 juta daripada RM9.78 juta adalah merupakan jumlah tunggakan yuran pelajar yang dikenal pasti tidak aktif dan belum dijelaskan oleh bekas pelajar.
- b. Pihak Audit dimaklumkan, Syarikat membuat tindakan berterusan untuk mengawal yuran tertunggak di mana antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan seperti mengambil tindakan undang-undang selepas 5 tahun pelajar menamatkan kursus, mengeluarkan surat peringatan kepada penghutang sekali setiap semester, menahan diploma/sijil asal penghutang dan mengemas kini polisi kutipan hutang sedia ada yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Pembayaran Yuran oleh Penuntut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat memuaskan kerana peratusan pencapaian sasaran pengambilan pelajar adalah antara 61% hingga 83%.**

#### **10.4.3. Tadbir Urus Korporat**

##### **10.4.3.1. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan Syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh pengurusinya. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam selaras dengan Pekeliling di atas. Bagi tahun 2008 hingga 2010 didapati pengauditan oleh Unit Audit Dalam syarikat induk tidak dilakukan. Pihak Audit dimaklumkan, Syarikat dalam proses mencadangkan penubuhan jawatankuasa sepertimana kehendak pekeliling dan ianya akan dibentangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah.

##### **10.4.3.2. Perbelanjaan Lembaga Pengarah**

- a. Mengikut Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965, manfaat kepada Lembaga Pengarah Syarikat boleh diberikan dengan kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat pada 21 Mac 2010

telah meluluskan bayaran Elaun Tahunan Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 sebanyak RM280,000. Bagaimanapun, berlaku peningkatan yang amat ketara iaitu sebanyak 225.6% pada tahun 2009 berbanding tahun sebelumnya seperti di **Jadual 10.7**. Selain itu, semakan Audit mendapati bayaran Sagu Hati Raya telah dibuat kepada Ahli Lembaga Pengarah tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. Butiran terperinci bayaran tersebut adalah seperti di **Jadual 10.8**.

**Jadual 10.7**  
**Elaun Tahunan Ahli Lembaga Pengarah**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2009**

Tahun	Bilangan Ahli Lembaga Pengarah	Elaun Tahunan (RM)
2007	9	83,000
2008	9	86,000
2009	8	280,000

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

**Jadual 10.8**  
**Bayaran Sagu Hati Raya Kepada Lembaga Pengarah Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga 2010**

Tahun	Bil. Minit Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat	Amaun Diluluskan (RM)	Catatan
2008	ALP 8/2008	18.09.2008	55,000	Termasuk Setiausaha
2009	ALP 5/2009	11.09.2009	55,000	Termasuk Setiausaha
2010	ALP 4/2010	28.08.2010	95,000	Termasuk Setiausaha Dan Timbalan Rektor

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

- b. Pihak Audit dimaklumkan, memandangkan Ahli Lembaga Pengarah tidak menerima apa-apa bayaran bulanan selain menerima bayaran elaun kehadiran sejumlah RM500 setiap mesyuarat, Syarikat berpendapat bahawa peningkatan perbelanjaan adalah munasabah. Manakala bayaran Sagu Hati Raya akan dibawa untuk kelulusan Syarikat Induk.

#### 10.4.3.3 Setiausaha Syarikat

Menurut Seksyen 139(1) Akta Syarikat, setiap syarikat berdaftar perlu melantik seorang atau lebih setiausaha yang berkelayakan dan mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- a. Setiausaha Syarikat tidak menyediakan minit mesyuarat Lembaga Pengarah sebaliknya disediakan oleh Pendaftar yang tidak mempunyai kelayakan.
- b. Seksyen 139(1A) Akta Syarikat 1965 menyatakan bahawa Setiausaha Syarikat yang pertama hendaklah dinamakan di dalam *Memorandum And Articles of Association* (M&A). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Setiausaha Syarikat yang pertama tidak dinamakan di dalam M&A tersebut.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Syarikat adalah kurang memuaskan kerana Setiausaha Syarikat yang dilantik tidak menjalankan tugas yang sepatutnya dan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.**

#### 10.4.4. Pengurusan Kewangan

##### 10.4.4.1. Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak pernah mengisyiharkan sebarang pembayaran dividen walaupun Syarikat memperoleh keuntungan pada tahun 2008 hingga 2010 seperti di **Jadual 10.9**. Pihak Audit dimaklumkan, pengurusan Syarikat akan mengusulkan perkara tersebut kepada Ahli Lembaga Pengarah bagi mengisyiharkan dividen kepada Lembaga Tabung Warisan Negeri Terengganu dan disahkan di dalam Mesyuarat Agung yang akan datang.

**Jadual 10.9**  
**Keuntungan Syarikat Sebelum Cukai Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Untung Sebelum Cukai	8.17	3.79	1.63
Untung Terkumpul	32.51	36.24	37.87
Pengisytiharan Dividen	-	-	-

Sumber: TATI University College Sdn. Bhd.

##### 10.4.4.2. Pengurusan Aset

Kawalan pengurusan aset merupakan antara elemen penting dalam pengurusan Syarikat bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit terhadap pengurusan aset Syarikat mendapati perkara berikut:

- a. Syarikat ada menyelenggarakan Daftar Harta Modal dan Inventori. Bagaimanapun, daftar tersebut tidak diselenggarakan dengan lengkap kerana kos pembelian, tarikh dibeli atau diterima serta nama dan tandatangan penerima aset tidak dicatat dalam daftar tersebut.
- b. Pemeriksaan aset hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan perlu direkodkan dalam Daftar Harta Modal. Syarikat didapati tidak pernah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap asetnya kerana tidak ada sebarang pengesahan atau bukti yang menunjukkan pemeriksaan aset telah dijalankan. Bagaimanapun bagi kenderaan, pemeriksaan aset ada dibuat apabila kenderaan tersebut dihantar untuk penyenggaraan secara berkala.
- c. Syarikat mempunyai sebanyak 24 buah kenderaan iaitu 17 buah yang dibeli oleh syarikat dan 7 buah lagi adalah sumbangan daripada Kerajaan Negeri untuk kegunaan Syarikat. Bagaimanapun pendaftaran 7 buah kenderaan tersebut masih belum ditukar hak milik kepada Syarikat. Walaupun pertukaran pendaftaran hak milik belum dibuat, didapati beberapa buah kenderaan seperti bas dan van telah dicat dengan nama Syarikat pada kenderaan seperti di **Gambar 10.6** dan **Gambar 10.7**.

Gambar 10.6

Nama Syarikat Di Dinding Bas Dan Van Milik Kerajaan Negeri



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: TATI University College, Kemaman

Tarikh: 12 Januari 2011

Gambar 10.7



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: TATI University College, Kemaman

Tarikh: 12 Januari 2011

10.4.4.3. Pihak Audit dimaklumkan, Syarikat akan mengemas kini data harta modal dan inventori dengan mengambil tindakan seperti menerima pakai garis panduan *TATiUC Accounting And Financial Rules* apabila diluluskan, melantik seorang pegawai khusus bagi mengawal selia harta modal Syarikat dan melaksanakan pemeriksaan aset secara berkala serta memastikan kakitangan yang bertanggungjawab ke atas kawal selia aset Syarikat melaksanakan tugas seperti yang telah diarahkan.

**Pada pendapat Audit, tadbir urus akan menjadi lebih baik sekiranya peraturan yang berkaitan pengurusan aset dipatuhi sepenuhnya.**

## 10.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan dan memantapkan pengurusan Syarikat, pihak Audit mengesyorkan tindakan berikut:

10.5.1. Syarikat perlu meningkatkan kemudahan dan keperluan pelajar seperti menyediakan asrama yang mencukupi untuk menampung pengambilan pelajaran bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

10.5.2. Syarikat hendaklah mengambil kira dalam penyata kewangan semua aset miliknya dan mengakaunkannya dengan tepat agar penyata kewangan yang disediakan memberi gambaran yang benar dan saksama.

10.5.3. Syarikat hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan pengurusan aset bagi memastikan aset Syarikat diuruskan dengan baik.

10.5.4. Syarikat hendaklah mematuhi Akta Syarikat 1965, Pekeliling Kerajaan dan Piawaian Perakaunan berkaitan pelantikan Setiausaha Syarikat dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta Unit Audit Dalam.

## TERENGGANU INCORPORATED SDN. BHD.

### 11. GPQ SDN. BHD.

#### 11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. GPQ Sdn. Bhd. (Syarikat) dahulunya dikenali sebagai Gabongan Pemborong Quarry Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 14 Julai 1978 dengan modal dibenarkan RM10 juta dan modal dibayar RM4.59 juta. Syarikat merupakan anak syarikat yang dimiliki oleh Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) dengan pegangan saham biasa sebanyak 4,591,693 unit atau 97.8% ekuiti. TISB merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Menteri Besar.

11.1.2. Objektif Syarikat adalah untuk menjadi sebuah Syarikat yang produktif dan terunggul dalam bidang pembinaan di Terengganu. Syarikat ini menjalankan aktiviti utamanya sebagai kontraktor dalam bidang pembangunan harta tanah dan pembinaan serta operasi kuari. Kerja yang dilakukan termasuk kerja-kerja infrastruktur, mekanikal dan elektrikal serta pembinaan rumah, bangunan pejabat, kedai dan lebuh raya. Syarikat juga menjalankan operasi kuari di atas sebidang tanah seluas 42 ekar sebagai asas kuari di Kampung Sungai Serai, Bukit Payong, Terengganu. Bahan kuari yang dihasilkan tersebut digunakan untuk projek dalaman Syarikat dan juga dijual kepada pihak luar.

11.1.3. Syarikat mempunyai 2 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Y. B. Adun Bukit Besi dan seorang wakil daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh 49 kakitangan tetap, 20 kakitangan kontrak dan 5 kakitangan sementara. Syarikat telah melantik seorang setiausaha yang berkelayakan dan mempunyai lesen.

#### 11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat Syarikat adalah teratur dan selaras dengan matlamat penubuhannya.

#### 11.3. SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti Syarikat dan tadbir urus korporat bagi tahun 2008 hingga 2010. Semakan Audit dilakukan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan dengan aktiviti Syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 hingga 2010. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai berkenaan serta lawatan fizikal juga dijalankan.

## **11.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat masih mempunyai keuntungan terkumpul serta kedudukan kewangan yang baik dan stabil serta mengakhiri tahun kewangan 2010 dengan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM3.41 juta berbanding kerugian sejumlah RM3.71 juta pada tahun 2009. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah kurang memuaskan di mana aktiviti yang dilaksanakan seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) Pakej 1C, Perumahan KP Perdana Fasa 1 dan Rumah Pangsa Mampu Milik di KP Perdana tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu didapati, pengeluaran bahan kuari tidak mencapai sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat Syarikat adalah seperti di perenggan berikut:

### **11.4.1. Prestasi Kewangan**

#### **11.4.1.1. Analisis Trend**


- a. Analisis terhadap penyata kewangan mendapati pendapatan Syarikat bagi tahun 2010 mengalami penurunan sebanyak RM14.99 juta menjadi RM48.47 juta berbanding tahun 2009. Manakala pendapatan tahun 2009 mencatatkan peningkatan sejumlah RM9.02 juta menjadi RM63.46 juta berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan Syarikat juga mengalami penurunan pada tahun 2010 sejumlah RM22.10 juta menjadi RM45.07 juta berbanding tahun 2009. Manakala perbelanjaan tahun 2009 mencatatkan peningkatan sejumlah RM14.18 juta menjadi RM67.17 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan kos projek pembinaan sejumlah RM11.30 juta, pengiktirafan kerugian atas projek sejumlah RM4.15 juta dan lain-lain perbelanjaan kendalian sejumlah RM0.56 juta.
- b. Pada tahun 2010, Syarikat mengalami keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.41 juta berbanding kerugian sejumlah RM3.71 juta pada tahun 2009. Kesan keuntungan tahun semasa yang dialami pada tahun 2010 menyebabkan keuntungan terkumpul telah meningkat sejumlah RM3.26 juta menjadi RM15.88 juta berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM12.62 juta.
- c. Analisis terhadap Lembaran Imbangan mendapati jumlah aset telah menurun bagi tahun 2008 hingga 2010 masing-masing sejumlah RM6.83 juta dan RM1.79 juta. Sementara itu, liabiliti bagi tahun 2010 berjumlah RM26.11 juta telah menurun sejumlah RM5.05 juta atau 16.2% berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM31.16 juta. Kedudukan aset yang melebihi liabiliti menunjukkan Syarikat mempunyai lebih ekuiti pemegang saham berjumlah RM20.58 juta pada tahun 2010.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.1, Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

**Jadual 11.1**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat**  
**Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	54,200,204	63,052,406	47,507,136
Perbelanjaan Operasi	46,687,805	60,406,048	40,296,317
<b>Untung Kasar</b>	7,512,399	2,646,358	7,210,819
Pendapatan Lain	237,161	407,886	964,808
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	6,216,480	6,721,854	4,769,152
<b>Untung/(Rugi) Operasi</b>	1,533,080	(3,667,610)	3,406,475
Kos Kewangan	87,232	44,207	-
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	1,445,848	(3,711,817)	3,406,475
Cukai	359,702	21,032	143,015


Sumber: GPQ Sdn. Bhd.

**Carta 11.1**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



Sumber: GPQ Sdn. Bhd.

**Carta 11.2**  
**Kedudukan Keuntungan/Kerugian Semasa**  
**Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**



#### 11.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 11.2**.

**Jadual 11.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Butiran	Tahun		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	1.57:1	1.48:1	1.68:1
Margin Keuntungan	2.7%	(5.9%)	7%
Pulangan Atas Aset	2:1	(7.7):1	6.36:1
Pulangan Atas Ekuiti	4.8:1	(21.6):1	14.6:1

Sumber: GPQ Sdn. Bhd.

**a. Nisbah Semasa**

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa Syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Pada amnya, nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini semakin teguh kemampuan Syarikat menanggung liabiliti jangka pendek. Analisis Audit mendapati nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2010 masing-masing adalah pada kadar 1.57:1, 1.48:1 dan 1.68:1.

**b. Margin Keuntungan**

Margin keuntungan adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur kadar keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit hasil yang diperoleh daripada perniagaan utama sesebuah Syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah Syarikat di mana setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan Syarikat. Syarikat mencatatkan margin keuntungan daripada operasi Syarikat sebanyak 7% pada tahun 2010 berbanding kerugian pada tahun 2009 sebanyak 5.9%. Kerugian pada tahun 2009 disebabkan peningkatan perbelanjaan tidak selari dengan prestasi pendapatan tahunan Syarikat.

**c. Pulangan Atas Aset**

Pulangan atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh Syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh dari setiap aset yang digunakan semakin cekap Syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2010 meningkat berbanding pada tahun 2009.

**d. Pulangan Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap Syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2010 meningkat berbanding pada tahun 2009.

11.4.1.3. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pada tahun 2009, akibat daripada *Mutual Termination* projek LPT Pakej II yang dijalankan secara usaha sama dengan syarikat Bukit Puteri Development Sdn. Bhd., Syarikat terpaksa menanggung perkongsian kerugian dengan nisbah 60% iaitu sejumlah RM4.15 juta. Perkara ini telah menyebabkan peningkatan dalam kos operasi dan penurunan dalam nisbah keuntungan. Senario ini berlaku pada tahun 2009 sahaja di mana pada tahun 2010, Syarikat telah mencatat keuntungan sejumlah RM3.41 juta.

**Pada pendapat Audit, Syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang memuaskan kerana memperoleh keuntungan tahun semasa dan keuntungan terkumpul. Prestasi kewangan berdasarkan analisis nisbah yang dibuat memberi gambaran yang memuaskan terhadap kedudukan kewangan yang lebih baik pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.**

#### **11.4.2. Pengurusan Aktiviti**

Aktiviti utama Syarikat adalah sebagai kontraktor dalam bidang pembangunan harta tanah dan pembinaan serta pengusaha kuari. Projek-projek pembangunan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Syarikat antaranya adalah pembinaan lebuh raya, projek perumahan awam dan projek perumahan komersial. Bagi tahun 2008 hingga 2010, Syarikat memperoleh kontrak pembinaan LPT 2 Pakej 1C bernilai RM94.72 juta dan telah menyiapkan 9 daripada 10 kontrak pembinaan rumah dan bangunan berjumlah RM101.51 juta. Satu projek Perumahan KP Perdana Fasa 3B, Kubang Parit, Kuala Terengganu bernilai RM5.69 juta dijangka siap pada tahun 2012. Hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

##### **11.4.2.1. Projek Pembinaan Lewat Disiapkan**

###### **a. Pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 2, Pakej 1C**

- i. Projek pembinaan LPT 2 Pakej 1C diperoleh oleh Syarikat melalui tender terbuka bagi kuota kontraktor Bumiputera Terengganu daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia yang dibuat secara usaha sama dengan GPQ Bukit Puteri JV sebagai kontraktor utama. Pakej ini bermula dari Sungai Jabor sehingga ke Ladang Bukit Sah sepanjang 6.14 km dengan nilai kontrak berjumlah RM94.72 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 27 bulan iaitu dari 27 April 2008 hingga 24 Julai 2010. Pembinaan ini melibatkan *Elevated Structure* sepanjang 750 meter dan 5 buah jambatan serta pembinaan *ramp* sepanjang 2.33 km.
- ii. Semakan Audit mendapati projek ini tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada 24 Julai 2010. Bagaimanapun, Syarikat telah mendapat lanjutan masa sebanyak 3 kali iaitu selama 17 bulan bagi menyiapkan projek ini dan tarikh siap yang baru ialah pada 15 Disember 2011. Faktor lanjutan masa disebabkan oleh perubahan harga bahan binaan, perubahan reka bentuk dan perubahan lukisan binaan Jambatan No. 5. Berdasarkan laporan kemajuan kerja pada 31 Julai 2010 mendapati kemajuan kerja sebenar adalah sebanyak 38.7% berbanding 39.1% mengikut jadual kerja seperti di **Jadual 11.3**.

**Jadual 11.3**  
**Kemajuan Kerja Pembinaan LPT 2 Paket 1C Setakat 31 Julai 2010**

Kategori Kerja	Pemberat (%)	Kemajuan Mengikut Jadual Kerja (%)	Kemajuan Kerja Sebenar (%)	Perbezaan (%)
		(%)	(%)	
Site Clearance & Demolition Works	0.3	0.2	0.2	0.0
Earthworks	19.9	15.3	17.9	2.6
Drainage & Culvert	4.4	3.5	2.1	(1.4)
Pavement Works	18.8	0.0	0.0	0.0
Road Furniture	4.3	0.0	0.0	0.0
Geotechnical Works	5.4	2.5	2.5	0.0
Elevated Structure at CH 6755 - CH 7539	21.9	10.3	8.7	(1.6)
Bridge No.1 – Over Sg. Jabur CH 6895	2.7	1.1	1.1	0.0
Bridge No.2 – Over LPT2 – CH 8100	3.4	1.9	1.9	0.0
Bridge No.3 – CH 8718 (Ramp 2)	4.3	2.1	2.1	0.0
Bridge No.4 – Over River & Ramp1 CH 9800	9.8	1.5	1.5	0.0
Bridge No.5 – CH 11064	4.8	0.7	0.7	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>39.1</b>	<b>38.7</b>	<b>(0.4)</b>

Sumber: GPQ Sdn. Bhd.

- iii. Berdasarkan **Jadual 11.3** di atas, didapati satu kerja mendahului jadual, 9 kerja mengikut jadual dan 2 kerja melewati jadual. Kerja yang melewati jadual disebabkan oleh kerja-kerja pemasangan *culvert* di *Ramp 1* dan *Ramp 2* tidak dapat dilakukan kerana pelantikan sub kontraktor masih belum dibuat oleh Syarikat disebabkan permasalahan teknikal melibatkan perubahan kerja reka bentuk yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Malaysia. Kerja-kerja pembinaan tiang untuk *elevated structure* tidak dapat dimulakan kerana pembinaan *R.C Beam* hanya siap sebanyak no. 18 berbanding no. 744 yang diperlukan.
- iv. Lawatan Audit ke tapak projek pada 17 Ogos 2010 mendapati beberapa kerja pembinaan yang belum disiapkan mengikut jadual adalah seperti di **Gambar 11.1** hingga **Gambar 11.4**.

**Gambar 11.1**  
**Lokasi Bagi Membina Jambatan No. 1**  
**Yang Belum Dilaksanakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek LPT 2 Pakej 1C  
Tarikh: 17 Ogos 2010

**Gambar 11.2**  
**Bahan Binaan Yang Tidak Dapat**  
**Digunakan Akibat Perubahan Reka Bentuk**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek LPT 2 Pakej 1C  
Tarikh: 17 Ogos 2010

**Gambar 11.3**  
**Kerja Melantak Cerucuk Yang Belum**  
**Disiapkan Di Elevated Structure**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek LPT 2 Pakej 1C  
Tarikh: 17 Ogos 2010

**Gambar 11.4**  
**Kerja Pemasangan Besi Tetulang Yang**  
**Belum Disiapkan Di Elevated Structure**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tapak Projek LPT 2 Pakej 1C  
Tarikh: 17 Ogos 2010

#### b. Pembinaan Perumahan KP Perdana Fasa 1, Kubang Parit, Kuala Terengganu

- Projek ini berkonsepkan perumahan bercampur yang merangkumi rumah banglo 2 tingkat sebanyak 39 unit, rumah berkembar 2 tingkat sebanyak 38 unit dan rumah teres 2 tingkat sebanyak 52 unit. Harga kontrak yang dipersetujui antara Syarikat dan PMINT bagi membina projek ini adalah berjumlah RM28.86 juta dan perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan iaitu dari 13 September 2007 hingga 12 Mac 2009. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati projek ini telah disiapkan pada 30 Jun 2010 iaitu kelewatan selama 14 bulan daripada tarikh yang ditetapkan. **Gambar 11.5** hingga **Gambar 11.7** menunjukkan antara rumah yang telah siap dibina.

- ii. Dalam tempoh kelewatian 14 bulan tersebut, Syarikat telah memperoleh 3 kali perakuan kelambatan dan lanjutan masa disebabkan faktor-faktor berikut:
- Kelewatan menerima lukisan binaan daripada konsultan yang dilantik oleh PMINT mengakibatkan kerja-kerja pembinaan tidak dapat dimulakan.
  - Kerja pembinaan terpaksa ditangguhkan sehingga keputusan muktamad terhadap penyelarasan harga akibat perubahan lukisan pembinaan diperoleh.
  - Perlanjutan masa selama 3 bulan diberi mengikut klausa dalam perjanjian kerana kenaikan harga barang di pasaran.
  - Kelewatan menerima pelan penyambungan *box culvert UD* 10 ke longkang Majlis Bandar raya Kuala Terengganu.
  - Kelewatan memperoleh kebenaran untuk mengikat batu bata bagi membuat *sidewall U Drain*.



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu  
Tarikh: 12 Oktober 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu  
Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 11.7**  
**Rumah Teres 2 Tingkat**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu  
Tarikh: 12 Oktober 2010*

**c. Pembinaan Rumah Pangsa Mampu Milik Di KP Perdana, Kuala Terengganu**

- i. Projek ini melibatkan pembinaan 2 blok bangunan yang mengandungi 120 unit rumah pangsa mampu milik di KP Perdana Kuala Terengganu dengan harga kontrak berjumlah RM8.76 juta. Tempoh membina projek perumahan ini adalah selama 18 bulan iaitu dari 18 Februari 2008 hingga 17 Ogos 2009. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati projek ini telah siap dibina pada 9 Ogos 2010 iaitu kelewatan selama 11 bulan dari tarikh yang ditetapkan. Antara projek perumahan yang telah disiapkan adalah seperti di **Gambar 11.8** dan **Gambar 11.9**.
- ii. Dalam tempoh kelewatan 11 bulan tersebut, Syarikat telah memperoleh 2 kali perakuan kelambatan dan lanjutan masa disebabkan faktor-faktor berikut:
  - Kenaikan harga bahan binaan di pasaran dan telah diberi lanjutan masa selama 3 bulan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan.
  - Keadaan cuaca yang tidak menentu iaitu hujan yang berterusan telah mengganggu kerja-kerja konkrit, rasuk bumbung dan kekuda bumbung serta kerja-kerja mengikat bata.
  - Kesukaran mendapatkan bekalan bahan disebabkan kenaikan harga.
  - Kelewatan penyediaan dan menyiapkan lukisan untuk kekuda bumbung.

**Gambar 11.8**

**Rumah Pangsa Mampu Milik**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu

Tarikh: 12 Oktober 2010

**Gambar 11.9**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Perumahan KP Perdana, Kuala Terengganu

Tarikh: 12 Oktober 2010

11.4.2.2. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pelaksanaan membina projek lebuh raya dan projek-projek perumahan yang dinyatakan tidak dapat disiapkan di dalam tempoh kontrak asal adalah disebabkan oleh masalah-masalah teknikal yang di luar kawalan pihak Syarikat. Pelaksanaan bagi menyiapkan projek-projek telah berjaya disiapkan dalam tempoh kontrak yang dibenarkan selaras dengan lanjutan masa yang telah diberi oleh pihak klien.

#### **11.4.2.3. Pengeluaran Bahan Kuari Tidak Mencapai Sasaran**

- a. Operasi pengeluaran bahan kuari dilaksanakan di atas tanah milik Syarikat iaitu HS(D) 1896 Kuala Terengganu seluas 36.44 ekar yang terletak di Mukim Bukit Payong. Tanah ini adalah tanah pajakan sehingga 21 April 2038. Kerja-kerja pengeluaran bahan-bahan kuari dilakukan di 2 buah loji pemprosesan iaitu Loji A dimiliki oleh Syarikat dan Loji B dimiliki oleh sebuah syarikat swasta lain seperti di **Gambar 11.10** hingga **Gambar 11.13**. Kapasiti pengeluaran Loji A adalah antara 10,000 ton metrik hingga 12,000 ton metrik sebulan manakala Loji B adalah minimum 40,000 ton metrik sebulan.

**Gambar 11.10**  
**Loji Pemprosesan Bahan Kuari (Loji A)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Payong, Kuala Terengganu  
Tarikh: 28 Julai 2010

**Gambar 11.11**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Payong, Kuala Terengganu  
Tarikh: 28 Julai 2010

**Gambar 11.12**  
**Loji Pemprosesan Bahan Kuari (Loji B)**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Payong, Kuala Terengganu  
Tarikh: 28 Julai 2010

**Gambar 11.13**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bukit Payong, Kuala Terengganu  
Tarikh: 28 Julai 2010

- b. Pada 16 Oktober 2008, Syarikat telah menandatangani perjanjian dengan syarikat swasta berkenaan mengambil alih operasi Loji A mulai 1 Julai 2007. Antara syarat-syarat perjanjian tersebut adalah seperti berikut:
- Membuat apa-apa pengubahsuaian, menaik taraf atau pemberian yang perlu ke atas Loji A.
  - Menukar atau menambah alat-alat ganti yang sesuai ke atas jentera sedia ada.
  - Menanggung segala kos yang berkaitan dengan perkara i dan ii di atas.
  - Mengekalkan perkhidmatan 6 orang pekerja sebagai pekerja pengeluaran.

- v. Memastikan Loji A akan mempunyai keupayaan pengeluaran minimum sebanyak 15,000 ton metrik sebulan dan pengeluaran maksimum mencapai 25,000 ton metrik sebulan.
- c. Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran bahan kuari yang dihasilkan oleh Loji A dan Loji B bagi tahun 2008 hingga 2010 mendapati perkara seperti berikut:

#### i. Loji Pemprosesan Bahan Kuari Milik Syarikat (Loji A)

Berdasarkan **Jadual 11.4**, didapati Loji A berjaya mencapai sasaran melebihi pengeluaran minimum iaitu sebanyak 18,038 ton metrik sebulan hanya pada bulan Oktober 2008 sahaja sepanjang tempoh 36 bulan iaitu dari bulan Januari 2008 hingga Disember 2010. Bagi tempoh tersebut juga didapati Loji A tidak mencapai sasaran pengeluaran minimum selama 22 bulan iaitu antara 1,320 hingga 12,982 ton metrik sebulan dan 13 bulan lagi loji tidak beroperasi langsung. Antara faktor pengeluaran minimum tidak dicapai dan loji tidak beroperasi adalah disebabkan kerosakan loji yang mengambil masa yang lama untuk mendapatkan alat ganti dan kepakaran tertentu untuk membaik pulih loji berkenaan.

**Jadual 11.4**  
**Rekod Perkiraan Pengeluaran Bahan Kuari Di Loji A**

Bulan	Tahun					
	2008		2009		2010	
	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 15,000 Ton Metrik (%)	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 15,000 Ton Metrik (%)	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 15,000 Ton Metrik (%)
Januari	12,982	86.5	998	6.6	12,671	84.5
Februari	-	-	12,428	82.8	3,370	22.5
Mac	-	-	3,909	26.1	9,303	62.0
April	-	-	6,000	40.0	-	-
Mei	-	-	4,895	32.6	-	-
Jun	1,427	9.5	5,319	35.5	3,230	21.5
Julai	-	-	3,171	21.1	-	-
Ogos	7,472	49.8	3,676	24.5	-	-
September	12,363	82.4	1,320	8.8	5,198	34.7
Oktober	18,038	120.3	-	-	-	-
November	5,753	38.4	-	-	-	-
Disember	2,402	16.0	2,712	18.1	1,621	10.8
<b>Jumlah</b>	<b>60,437</b>		<b>44,428</b>		<b>35,393</b>	

Sumber: Rekod Pengeluaran Kuari

#### ii. Loji Pemprosesan Bahan Kuari Milik BPL (Loji B)

Berdasarkan **Jadual 11.5** di bawah, Loji B telah berjaya mengeluarkan bahan kuari melebihi pengeluaran minimum selama 8 bulan iaitu antara 40,390 ton metrik hingga 51,045 ton metrik sebulan yang mana catatan yang tertinggi adalah pada bulan Disember 2008. Manakala bagi 24 bulan lagi didapati pengeluarannya adalah di bawah paras pengeluaran minimum iaitu antara 3,096 hingga 39,908 ton metrik sebulan. Loji B tidak beroperasi selama 4 bulan iaitu sekali pada tahun 2008 dan 3 kali pada tahun 2010. Faktor pengeluaran di

bawah paras minimum ini berlaku disebabkan loji kerap mengalami kerosakan pada bulan-bulan berkenaan dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan alat ganti dan kepakaran tertentu untuk membaik pulih loji berkenaan.

**Jadual 11.5**  
**Rekod Perkiraan Pengeluaran Bahan Kuari Di Loji B**

Bulan	Tahun					
	2008		2009		2010	
	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 40,000 Ton Metrik (%)	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 40,000 Ton Metrik (%)	Pengeluaran Sebenar (Ton Metrik)	Peratusan Berbanding Minimum 40,000 Ton Metrik (%)
Januari	3,096	7.7	25,047	62.6	22,266	55.6
Februari	36,061	90.2	19,398	48.5	33,869	84.7
Mac	49,764	124.4	30,857	77.1	20,322	50.8
April	-	-	30,597	76.5	36,260	90.7
Mei	6,827	17.1	44,891	112.2	40,390	100.9
Jun	33,620	84.1	42,239	105.6	16,494	41.2
Julai	49,329	123.3	42,223	105.6	24,832	62.1
Ogos	17,226	43.1	26,241	65.6	-	-
September	32,336	80.8	29,458	73.6	-	-
Oktober	13,430	33.6	35,907	89.8	-	-
November	33,503	83.8	23,129	57.8	21,462	53.7
Disember	51,045	127.6	42,156	105.4	39,908	99.8
<b>Jumlah</b>	<b>326,237</b>		<b>392,143</b>		<b>255,803</b>	

Sumber: Rekod Pengeluaran Kuari

11.4.2.4. Pada pandangan Syarikat, kuantiti pengeluaran bahan kuari yang ditetapkan sebagaimana perjanjian adalah strategi perniagaan yang mana sasaran yang perlu ditetapkan selalunya lebih tinggi daripada pencapaian sebenar. Di samping itu, faktor-faktor lain yang mempengaruhi pengeluaran bahan kuari yang tidak mencapai sasaran adalah komponen di loji yang telah berusia, kerap mengalami kerosakan dan tempoh pembaikan yang mengambil masa yang lama serta memerlukan kepakaran yang tertentu untuk membaik pulih kerosakan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan bagi pembinaan lebuh raya dan projek perumahan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan serta operasi pengeluaran bahan kuari yang tidak mencapai sasaran.**

#### 11.4.3. Tadbir Urus Korporat

##### 11.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998 menggariskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap 3 bulan iaitu 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Pihak Audit dimaklumkan bahawa mesyuarat yang diadakan adalah mengikut keperluan dan kepentingan perkara yang hendak dibincangkan. Syarikat telah mengadakan Mesyuarat

Lembaga Pengarah Syarikat sebanyak 3 kali pada tahun 2008, 4 kali pada tahun 2009 dan 4 kali pada tahun 2010. Lembaga Pengarah turut mengadakan Mesyuarat Khas Ahli Lembaga Pengarah sebanyak 6 kali pada tahun 2010.

#### **11.4.3.2. Jawatankuasa Audit**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan Syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh pengurusinya. Semakan Audit mendapati Syarikat telah menujuhkan Jawatankuasa Audit pada 12 Mac 2000. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut telah dibubarkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Februari 2007 kerana perkara berkaitan kewangan Syarikat dan hal-hal lain akan dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, didapati Syarikat juga tidak menujuhkan Unit Audit Dalam. Pengurusan Syarikat berpendapat bahawa Jawatankuasa Audit tidak munasabah untuk ditubuhkan kerana Lembaga Pengarah dianggotai oleh 2 orang ahli dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan kerana Syarikat menyerahkan kepada syarikat induk untuk menjalankan audit dalaman. Bagi tahun 2008 hingga 2010, didapati pengauditan oleh Unit Audit Dalam syarikat induk tidak dilakukan.

#### **11.4.3.3. Perjawatan**

Seksyen 78, *Table A, Fourth Schedule*, Akta Syarikat 1965 menghendaki pelantikan kakitangan syarikat hendaklah diminitkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati tidak ada bukti menunjukkan perjawatan yang diisi diluluskan oleh Lembaga Pengarah kerana pelantikan kakitangan Syarikat adalah dibuat mengikut keperluan semasa setelah mendapat kelulusan di peringkat pengurusan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa carta organisasi dan senarai nama kakitangan dan jawatan seramai 65 orang kakitangan telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 24 Februari 2003 dan telah diluluskan.

**Pada pendapat Audit, Syarikat hendaklah mempunyai perjawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan pengisian kakitangan Syarikat perlu selaras dengan perjawatan yang telah diluluskan.**

#### **11.4.4. Pengurusan Kewangan**

##### **11.4.4.1. Pembayaran Bonus**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 menyatakan bahawa bagi syarikat-syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk sebelum dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Besar. Semakan Audit mendapati bayaran bonus berjumlah RM325,000 pada tahun 2008 dan bayaran

sagu hati Hari Raya Aidilfitri berjumlah RM175,000 pada tahun 2009 kepada kakitangan Syarikat telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk.

#### **11.4.4.2. Dividen**

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan Syarikat berkenaan. Bayaran dividen sebanyak sekurang-kurangnya 10% setiap tahun sebagai pulangan modal kepada pemegang saham adalah dijadikan sebagai matlamat. Sekiranya keuntungan lebih (*excess profit*) diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang seberapa tinggi tanpa menjelaskan kedudukan kewangan Syarikat berkenaan. Selain itu, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365(1), Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati dividen tertunggak pada awal tahun 2008 adalah berjumlah RM2.02 juta. Bagi tahun 2008 hingga 2010, dividen sejumlah RM49,499 telah dibayar daripada RM427,428 yang telah diisyiharkan. Ini menyebabkan jumlah dividen yang tertunggak telah meningkat menjadi RM2.4 juta pada 31 Disember 2010 seperti di **Jadual 11.6**.

**Jadual 11.6**  
**Dividen Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Butiran	Tahun			
	2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
Baki Dividen tertunggak Pada 1 Januari	1,258,021	2,024,600	2,108,161	2,234,011
Dividen Diisyiharkan	784,267	85,347	169,893	172,188
Dividen Dibayar	17,688	1,786	44,043	3,670
Baki Dividen Tertunggak Pada 31 Disember	2,024,600	2,108,161	2,234,011	2,402,529

Sumber: GPQ Sdn. Bhd.

- b. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tunggakan dividen terdiri daripada dividen tertunggak kepada PMINT sejumlah RM1.90 juta, Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. sejumlah RM0.30 juta dan pemegang saham minoriti sejumlah RM0.20 juta. Bagi dividen tertunggak kepada PMINT, kedua-dua pihak iaitu Syarikat dan PMINT telah bersetuju untuk menyelaraskan bayaran secara kontra antara tunggakan dividen dengan bayaran kemajuan kerja bagi projek-projek PMINT. Manakala bagi dividen tertunggak kepada Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. dan pemegang saham minoriti, bayaran akan dibuat dalam masa terdekat.

**Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan Syarikat kurang memuaskan kerana bayaran bonus tidak mendapat kelulusan oleh Menteri Besar selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 selain mempunyai tunggakan dividen yang tinggi.**

#### **11.4.5. Pengurusan Aset**

Kawalan pengurusan aset merupakan satu elemen penting dalam pengurusan Syarikat bagi menentukan aset yang diperoleh telah direkodkan, disimpan dan dikawal dengan sempurna untuk mengelakkan kehilangan dan pembaziran. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai peraturan dan garis panduan yang khusus berkaitan pengurusan aset. Pemeriksaan fizikal terhadap aset Syarikat mendapati ianya tidak diberi tanda pengenalan atau dilabelkan. Perkara ini menimbulkan kesukaran untuk mengenal pasti status aset dari aspek pemilikan dan penyenggaraan terhadap aset yang berkaitan. Selain itu, Syarikat tidak mempunyai sebarang rekod terhadap penggunaan kenderaan Syarikat. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Syarikat akan mengadakan garis panduan dalam pengendalian aset dalam masa terdekat. Syarikat juga akan membuat tanda pengenalan terhadap aset, manakala buku log akan diperkenalkan sebagai rekod penggunaan kenderaan di pejabat dan tapak binaan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset Syarikat kurang memuaskan. Syarikat perlu mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Syarikat juga hendaklah mempunyai peraturan atau garis panduan berkaitan aset.**

#### **11.5. SYOR AUDIT**

Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat ini adalah seperti berikut:

- 11.5.1. Syarikat perlu melaksanakan projek mengikut masa yang ditetapkan bagi mengawal kewangan dan menjaga imej korporat Syarikat.
- 11.5.2. Syarikat perlu memastikan pengeluaran produk kuari dipertingkatkan agar dapat mencapai sasaran pengeluaran.
- 11.5.3. Syarikat hendaklah mematuhi Pekeliling Kerajaan dari aspek bayaran dividen dan bonus.
- 11.5.4. Syarikat perlu menyediakan peraturan khusus berkaitan pengurusan aset.



## **BAHAGIAN III PERKARA AM**

## **12. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- 12.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009
- 12.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri
- 12.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

## **13. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009**

Bagi membantu Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009, sejumlah 39 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan berterusan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor Audit. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapat setakat 30 April 2011, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 36 syor bagi tahun 2009. Bagi 3 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri yang berkenaan telah mengambil tindakan susulan, bagaimanapun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

### **13.1. PEJABAT TANAH DAERAH KUALA TERENGGANU, HULU TERENGGANU DAN KEMAMAN**

#### **- Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Serta Kesannya Terhadap Alam Sekitar**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</b>
1.	Pewartaan kawasan 5 kilometer (hulu dan hilir) dari pasir pendaratan tuntung sebagai kawasan larangan pengambilan pasir sungai.	Pewartaan belum dibuat oleh Pejabat Tanah Hulu Terengganu.

<b>Bil.</b>	<b>Isu-isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</b>
2.	Kawasan aktiviti pengambilan pasir yang tidak beroperasi tidak di baik pulih di Kampung Kuala Pueh, Hulu Terengganu.	Belum lagi diambil tindakan pembaikpulihan.

### **13.2. PENGURUSAN SYARIKAT TOP IT INDUSTRIES SDN. BHD.**

<b>Bil.</b>	<b>Isu-isu Laporan Audit</b>	<b>Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai</b>
1.	Pelan bangunan kilang belum diluluskan.	Pelan bangunan keperluan keselamatan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat masih dalam peringkat pemeriksaan sebagaimana surat bertarikh 14 Februari 2011.

### **14. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu pada 13 Disember 2010.

### **15. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat sebanyak 6 kali pada tahun 2010 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007 dan 2008. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa bagi tempoh Januari 2009 hingga Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 15.1**.

**Jadual 15.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu Sepanjang Tahun 2010**

Bil.	Tarikh	Perkara
1.	8 Februari 2010	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007. a. Penjelasan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri mengenai Kajian Audit Terhadap Program Atap Biru. b. Penjelasan oleh wakil Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. (SATU) mengenai isu laporan Audit berkaitan Pengurusan Pengkorporatan Bekalan Air Dan Deposit Bekalan Air. c. Penjelasan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu.
2.	19 April 2010	Mesyuarat <i>pre council</i> untuk membincangkan mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Bagaimanapun mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan tidak diterima oleh Jawatankuasa untuk perbincangan.
3.	17 Mei 2010	Mesyuarat bagi membincangkan mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah serta Pembelian Dan Pengagihan Kurma Kepada Rakyat Negeri Terengganu. Mesyuarat ditangguhkan kerana laporan berkenaan baru diterima oleh Jawatankuasa dan Pengerusi memberi masa kepada Ahli Mesyuarat untuk meneliti laporan tersebut terlebih dahulu sebelum membincangkannya.
4.	25 Mei 2010	Perbincangan dan penjelasan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) mengenai Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah.
5.	5 Julai 2010	a. Rumusan terhadap Program Bantuan Pakaian Dan Peralatan Sekolah. b. Pembentangan dan perbincangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Terengganu Tahun 2008.
6.	9 Disember 2010	

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu



## PENUTUP

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjaskas pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

### JABATAN AUDIT NEGARA

**Putrajaya**

**6 Jun 2011**

